

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 21

Rabu

17 Disember 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman	25)
USUL:		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	82)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
10. “ Tan Sri Amirsham A. Aziz (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
16. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal
18. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
19. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
20. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
21. “ Dato' Ir. Hiang A Li (Pahang)
22. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
23. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
24. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
25. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
26. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
30. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
31. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)

32. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
33. “ Dato’ Maznah Mazlan (Dilantik)
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
34. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
35. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
36. “ Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
37. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī (Kelantan)
38. “ Tuan T. Murugiah (Dilantik)
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
39. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
40. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
41. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
52. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
53. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
56. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
57. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh (Terengganu)
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. Yang Berhormat Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)
65. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Nur Hidayah binti Janudin

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 17 Disember 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum prosiding Dewan Negara pada prinsipnya berasaskan dua fungsi, ditegakkan melalui dua peringkat. Pertamanya ialah masa pertanyaan bagi mencungkil betapa kerajaan selaku pemerintah *accountable* dalam menangani seribu satu isu berhadapan masyarakat negara Malaysia. Keduanya, masa perbincangan bagi meneliti rang undang-undang yang dipanjangkan oleh Dewan Rakyat untuk semakan sebelum diangkat untuk diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong selaku Raja Berperlembagaan.

Dalam masa empat hari bersidang yang tinggal, fungsi kedua terpaksa diutamakan memandangkan beberapa rang undang-undang terpenting yang telah dan akan dibereskan oleh Dewan Rakyat. Maka dalam masa empat hari bersidang yang tinggal, pemakaian Peraturan Mesyuarat Dewan akan menjadi lebih ketat dan kesempatan untuk menyerlahkan kebolehan demi kerjaya tersendiri akan menjadi lebih sempit. Saya ulangi, maka dalam masa empat hari bersidang yang tinggal, pemakaian Peraturan Mesyuarat Dewan akan menjadi lebih ketat dan kesempatan untuk menyerlahkan kebolehan demi kerjaya tersendiri akan menjadi lebih sempit. Saya berdoa Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak simpan perasaan marah dalam hati.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Empiang Jabu** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan jiwa sukarelawan ataupun '*spirit of volunteerism*' di kalangan rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, amalan untuk menjadikan masyarakat Malaysia berjaya sukarela bukan sahaja diterap melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebaliknya kementerian-kementerian lain juga menyediakan pelbagai program untuk mengajak masyarakat mengamalkan budaya *spirit of volunteerism*, dengan izin.

Bagi KPM, galakan menjiwai kerja secara sukarela telah ditanam sejak dari peringkat prasekolah lagi. Sebagai contoh, jadual waktu dan tugas harian yang disediakan oleh guru kelas telah menerapkan amalan bekerjasama dan bergotong-royong membersihkan kelas secara

sukarela. Di samping itu, dalam aktiviti kokurikulum pula seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1982 meminta pihak sekolah mengadakan aktiviti yang menarik dan menyeluruh bagi mewujudkan satu daya penarik kepada para murid untuk terus datang ke sekolah meskipun peperiksaan telah tamat. Malahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1996 mencadangkan supaya diberi markah kepada murid yang aktif dalam gerak kerja kokurikulum di sekolah.

Elemen yang diterapkan dalam aktiviti kokurikulum sama ada dalam kelas, persatuan atau persatuan beruniform termasuklah gerak kerja sukarela seperti aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah, kerja amal di rumah kebajikan dan membersihkan taman permainan serta pusat rekreasi alam sekitar. Murid-murid yang menyertai pasukan pakaian beruniform seperti Pengakap, Pandu Puteri, Kadet Remaja Sekolah, Puteri Islam dan sebagainya memang dikehendaki melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela seperti yang digariskan dalam undang-undang persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Baik sekarang kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan-pertanyaan tambahan. Tuan Ir. Hiang A Li, kemudian Dato' Hajah Samsiah dan Tuan Haji Ahamat.

Dato' Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah selain daripada langkah-langkah yang disebutkan, adakah kesedaran sivik yang sayangkan kemudahan-kemudahan awam dan juga menjaga alam sekitar termasuk dalam langkah-langkah itu untuk murid-murid di sekolah? Terima kasih.

■1010

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Sebenarnya, kalau kita melihat aktiviti yang telah dirancang di sekolah, pelbagai program seperti gotong-royong, elemen-elemen yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi memang kerap secara terus-menerus. Jadi tidak ada masalah dari segi kita menyemai semangat untuk cintakan alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Samsiah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah nilai-nilai murni seperti jiwa sukarelawan, selalunya dirumuskan oleh guru di setiap akhir mata pelajaran setelah penggabungan jalinan berlaku. Saya ingin tahu sejauh manakah nilai-nilai murni ini dapat dirumuskan oleh guru dan ditonjolkan sehingga mampu memberi kesan kepada murid-murid yang membawa kepada perubahan sikap dan membentuk sahsiah diri murid-murid itu?

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita menyebut tentang pembentukan sahsiah, sebenarnya aktiviti kokurikulum yang berjalan sepanjang tahun, ia merupakan satu platform terbaik untuk kita berlatih. Saya mengambil contoh, Pengakap ataupun Persatuan Bulan Sabit Merah. Sememangnya elemen-elemen sukarelawan itu memang dimasukkan dalam kokurikulum itu. Sebagai contohnya, kalau pengakap menolong orang pada setiap masa atau mengadakan kerja amal, maka elemen-elemen bukan sahaja kita memberi

pendidikan atau memberitahu beliau tentang betapa pentingnya elemen itu, tetapi mereka juga mengamalkan kerja-kerja sedemikian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad Yusof.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut beberapa kali tentang kegiatan kokurikulum dan kita memang sedar pentingnya kokurikulum.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Oh, pertanyaan. Pertanyaan saya adakah kokurikulum ini benar-benar diberi pengisian yang teliti sebab banyak juga aduan yang....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu sebab, adakah, kementerian akan memberi pendirian yang teliti.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Pengisian pengajian. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, kita mempunyai satu sistem pemarkahan yang agak sempurna dari segi penglibatan, dari segi kepimpinan, kesemuanya mempunyai dengan izin, *advantagenya* yang tersendiri. Jadi, kita memang ada skim pemarkahannya yang tersendiri. Jadi kita memang ada skim pemarkahan dari segi itu. Tidak ada masalah, terima kasih.

2. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah SMIDEC membantu IKS-IKS tempatan meneroka peluang ekonomi baru seperti tenaga alternatif, bio teknologi, *high-end outsourcing*, halal hab yang menyeluruh, sejajar dengan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian generasi baru.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu *enterprise* kecil dan sederhana EKS tempatan, meneroka peluang ekonomik baru seperti tenaga alternatif dan bioteknologi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SMIDEC menyediakan geran persamaan untuk peningkatan produk dan proses yang bertujuan untuk mempertingkatkan produk, reka bentuk produk dan proses pengeluaran termasuk bagi projek-projek berkaitan tenaga alternatif dan bioteknologi. Di antara perbelanjaan yang layak ditanggung termasuk kajian kemungkinan teknologi, yuran untuk pemindahan teknologi, pembangunan prototaip, reka bentuk sistem dan sebagainya. Jumlah maksimum geran yang diperuntukkan untuk setiap permohonan adalah RM500,000.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: ..bagi membantu EKS meneroka peluang yang ditawarkan melalui halal hab, SMIDEC menyediakan geran bersamaan untuk pembangunan dan promosi produk halal dan ini menyediakan bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membangun dan mempromosikan produk halal. Di antara perbelanjaan yang layak dituntut di

bawah skim ini ialah pembangunan dan formulasi produk, pengujian sampel, perolehan mesin dan peralatan berkaitan dengan projek, pengubahsuaian..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat cerita semua, saya tak panggil pertanyaan tambahan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Teruskan sedikit lagi sahaja. Bagi menemui keperluan sijil halal, aktiviti promosi di pasar raya, media dan sebagainya. Jumlah maksimum geran yang diperuntukkan untuk setiap permohonan adalah RM150,000. Bagi memastikan IKS mendapat manfaat daripada aktiviti *high-end outsourcing* oleh syarikat besar dan syarikat multinasional, SMIDEC menyediakan bantuan bagi meningkatkan kapasiti dan daya saing IKS supaya dapat memenuhi piawaian dan keperluan yang ditetapkan oleh syarikat besar dan syarikat multinasional. Salah satu program yang telah diwujudkan adalah program peningkatan keupayaan IKS yang menyediakan bantuan secara bersepadu merangkumi program peningkatan keupayaan dan bantuan kewangan yang telah dapat meningkatkan prestasi IKS secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Soon, kemudian Dato' Ahmad Rusli kemudiannya Tuan Haji ... ya, saya nak lupa bin Hussin itu. Muhamad Yusof bin Husin.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Pertanyaan tambahan saya ialah, sekarang ini kita tengah menghadapi kemerosotan ekonomi dunia. Sekiranya pihak IKS-IKS kita menghadapi masalah kerumitan kewangan, macam mana peranan SME untuk membantu IKS-IKS kita? Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini MITI telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kewangan yang didapati oleh IKS ini. Ini termasuklah kita telah membuat beberapa langkah iaitu untuk merendahkan lagi *interest* yang ada iaitu dari 4% ke-2% dan juga geran yang diberi itu dari segi geran untuk peralatan dan mesin, kita sudah tambah. Kalau saya tidak salah, dari 40 sampai ke 90 macam itu. Beberapa langkah telah diambil supaya IKS ini tidak terjejas dari usaha mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua, pemberian projek secara *turnkey* dan penswastaaan kepada syarikat-syarikat besar telah menjejaskan peluang kepada IKS-IKS. Apakah ada suatu garis panduan daripada pihak kementerian untuk menyelaraskan bagi memastikan IKS mendapat peluang yang adil dalam penganugerahan projek ini?

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MITI memang sentiasa melihat keadaan IKS yang ada sekarang. Apabila ada peluang untuk mengadakan satu pengendalian dalam projek *turnkey* ini, MITI telah mengadakan beberapa *guideline* untuk mereka supaya mereka sentiasa diberi bimbingan dan juga *guideline* untuk menjalankan projek-projek yang mereka ingini lebih-lebih lagi dalam *high-end outsourcing* ini di mana mereka yang mempunyai pengalaman dan juga kebolehan untuk menjalankan projek *high-end outsourcing*

boleh diberi program peningkatan keupayaan IKS itu tadi. Jadi di sana kita melihat supaya mereka terus dapat mengendalikan projek-projek yang dijalankan oleh mereka.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya, apabila kerajaan telah memberi geran kepada syarikat-syarikat IKS ini, adakah terdapat syarikat-syarikat ini yang mengambil teknologi luar kemudian dengan izin dia *copy-cat* ataupun ciplak dengan membuat sedikit pengubahsuaian untuk semata-mata mendapat geran kerajaan. Jika ada, apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. IKS ini memang untuk memulakan atau mewujudkan industri mereka sendiri ataupun *enterprise* mereka sendiri. Memang mereka ini menggunakan teknologi-teknologi di mana mereka boleh mendapatkan teknologi tersebut daripada RND sedia ada ataupun kalau ada *enterprise* yang sudah berjaya, mereka boleh juga *copy-cat* ataupun *duplicate*.

■1020

Apabila mereka mempunyai teknologi tersebut dari situlah mereka boleh mengembangkan lagi IKS mereka menggunakan teknologi-teknologi yang lebih canggih lagi untuk mempertingkatkan lagi usaha mereka dalam bidang teknologi yang lebih tinggi seperti ini.

Soalan yang terakhir tadi saya sudah terlupa.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Maksud saya kalau ada syarikat ataupun IKS ini yang semata-mata untuk mendapatkan geran kerajaan. Dia ambil teknologi itu dan ubahsuaikan sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau nyata ciplak, adakah masih boleh dapat bantuan? Yang Berhormat telah terangkan dalam urusan *software* ini, kadang-kadang *one software writes on another*. Jadi, hendak bezakan yang mana ciplak ataupun yang mana asas kepada aplikasi, misalnya *Java*. Kita gunakan *Java* sebagai asas, itu bukan ciplak.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Ini terpulang kepada mereka sendiri dengan *company* yang sudah mempunyai hak tersebut. Mereka berunding sendiri bagaimana mereka dapat menjalankan projek tersebut atas rundingan mereka sendiri untuk menjalankan *enterprise* itu.

3. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah bentuk program kesedaran masyarakat yang dilakukan kepada penduduk luar bandar yang miskin terutamanya dalam menyedarkan mereka mengenai pentingnya perjuangan untuk mengubah gaya hidup keluarga mereka dengan bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah. Bagi jawapan kepada soalan ini, sebenarnya kita boleh ditengok daripada banyak sudut. KEMAS ada, yang akan mengerak dan mendorong. INFRA satu badan

yang memberikan kursus-kursus kepada JKKK. RISDA ada PIPK - masyarakat pekebun kecil. Begitu juga FELCRA dan di kementerian di bawah perancangan strategik ada Pergerakan Desa Wawasan dan di bawah KEMAS ada program dua, tiga jam.

Saya beri satu contoh. Bagi memastikan penduduk miskin luar bandar menyedari kepentingan dalam memperjuangkan taraf hidup mereka, kerajaan telah menyediakan satu program yang dikenali sebagai Program Pembangunan Minda Insan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Program yang telah dimulakan sejak tahun 2006 bertujuan membangunkan minda dan mengubah sikap kumpulan sasar iaitu golongan miskin tegar supaya lebih bermotivasi untuk terus berusaha dalam meningkatkan tahap sosioekonomi keluarga masing-masing.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM30.06 juta bagi tujuan pelaksanaan program ini melalui penyaluran kepada agensi-agensi di bawahnya. Program dengan kadar bantuan maksimum RM1,500 bagi setiap peserta memberi perhatian khusus kepada aspek-aspek sendiri, perubahan sikap, motivasi dan sebagainya. Bagi tahun 2006, 50 kursus melibatkan 2,000 peserta dan pemimpin. Kita akan meneruskan bagi tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua: Elok kalau sekarang Yang Berhormat sahut cabaran supaya mereka boleh cungkil dalam perkara ini.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah sudi menjawab soalan saya. Di Malaysia pelbagai usaha telah digembleng oleh kerajaan bagi menangani isu kemiskinan sejak merdeka lagi. Hasilnya insiden kemiskinan secara umumnya berkurangan daripada 80.5% pada tahun 1999 kepada 5.7% bagi tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Soalan tambahan saya, saya ingin tahu adakah pihak kementerian telah mengenal pasti masalah dan halangan yang dihadapi oleh penduduk miskin yang menyebabkan mereka kekal miskin dalam sektor ekonomi dan pekerjaan yang mereka sendiri ceburi dan pada waktu yang sama menilai keberkesanan polisi pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ke atas golongan miskin ini serta menilai sejauh mana polisi pembangunan yang sedia ada mampu diperbaiki untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin supaya kita mampu membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar sebelum tahun 2020. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sasaran kerajaan menjelang tahun 2010, kadar kemiskinan dalam negara akan dikurangkan daripada 80.75% kepada 5.6% dan menjelang tahun 2010 kerajaan mensasarkan supaya miskin tegar dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan tambahan itu ia terkeluar sikit sebab pertanyaan asal diuruskan menimbulkan kesedaran untuk pentingnya perjuangan ubah gaya hidup. Kemudian bila sampai kepada soalan pertanyaan tambahan konteksnya diubah pula. Silakan, Yang

Berhormat. Saya mintak supaya dijuruskan kepada soalan pokok perjuangan untuk mengubah gaya hidup.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju. Macam kita tengok air dalam gelas, ada orang tengok air sudah separuh berisi, alhamdulillah. Ada orang tengok, dia kata mengapa separuh sepatutnya ia penuh. Ini relatif, pandangan kita. Kalau kita kata bahawa kerajaan telah melaksanakan banyak program yang saya sebutkan tadi dan oleh yang demikian kemajuan kita sudah mencapai kejayaan yang besar kita boleh lihat yang demikian.

Namun ada pihak-pihak, terutamanya pihak pembangkang melihat bahawa air baru separuh diisi dalam gelas, kenapa lagi separuh tidak penuh. Ini bergantung daripada mana kita lihat. Apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan kita nampak berkesan dan kita lihat luar bandar hari ini sudah berubah. Kita ingin meningkatkannya lagi. Itulah sebabnya pada 18, 19 dan 20 kita mengadakan Karnival Usahawan Desa bertempat di Dataran Merdeka. Saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat turut hadir di mana kita akan bawa usahawan-usahawan daripada seluruh negara. Ada 120 *booth* dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang esok, pukul 3,00 petang. Kita akan tunjukkan bahawa dengan kemudahan-kemudahan yang ada di luar bandar *physical development* seperti jalan, bekalan api dan air, sekolah dan sebagainya, hasilnya sekarang masyarakat luar bandar berjaya keluar dan mengeluarkan hasil-hasil yang akan kita pameran pada esok, lusa dan tulat.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar kemiskinan berjaya diturunkan tetapi peratusnya masih besar, 5% lebih daripada 200 ibu isi keluarga yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan menyimpang kepada kadar balik, ya?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itu baru intro. Pertanyaan saya, apakah perancangan ataupun pelan induk Kementerian Luar Bandar dalam memperdanakan kesedaran dan cara hidup untuk mencapai sifar miskin rakyat negara ini tanpa mengira kaum, keturunan, gender ataupun wilayah. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih, Yang Berhormat. Sememangnya hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara tetapi hendak gerenti supaya kemiskinan dihapus sama sekali adalah mustahil. Contohnya, sekiranya ada seorang bapa membawa kereta, lari laju-laju atas *highway*. Anak ada tujuh orang. Dia *accident* dan mati. Tiba-tiba keluarga itu jatuh miskin kerana pendapatan sudah hilang. Jadi, kita membuat kajian di mana berlaku banyak miskin dan miskin tegar.

■1030

Kita lihat ada banyak tempat yang tertumpu banyak miskin. Jadi oleh itu apa yang kita buat ialah kita ada program seperti agropolitan. Agropolitan ialah program seperti FELDA zaman dahulu, di mana sekarang kita minta FELCRA dan RISDA mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai misalnya kita buat di Pulau Banggi. Iaitu lebih kurang 1,500 ekar tanah yang sesuai untuk

ditanam sama ada kelapa sawit ataupun getah dan kita membuat kajian di situ ada ramai golongan miskin tegar.

Jadi pihak FELCRA telah diarahkan membuat kajian dan melaksanakan. Kita membelanjakan lebih kurang RM120 juta di Pulau Banggi serta Kudat dan kita tanamkan pokok getah, kelapa sawit, buat rumah, buat dewan berhampiran dengan sekolah, masukkan bekalan elektrik, sediakan bekalan air, masukkan peserta-peserta di situ.

Sekiranya ia cukup satu hektar ada 500 pokok getah dan dia toreh 15 kali sebulan kita jangka *within* lagi enam tahun dia boleh dapat pendapatan RM1,200 hingga RM1,500; sekiranya dia menggunakan juga tanah-tanah pertanian yang kita beri seekar seorang. Tanam dengan nanas ataupun limau nipis dia boleh dapat antara RM1,200 ke RM1,500 pendapatan sebulan. Maka dia boleh keluar daripada garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat beri peluang kepada Yang Berhormat Senator keturunan India pula. Tuan Rawisandran.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kementerian mempunyai program khas seperti ini kepada penduduk miskin pinggiran bandar untuk mengubahsuai kehidupan mereka?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Rawisandran. Kita mempunyai program kalau di luar bandar dan kawasan hampir-hampir ke bandar, tapi kita mestilah ada tanah dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun hadapan kita telah membawa kepada Kabinet dan Kabinet telah pun bersetuju untuk membina lebih kurang 17,000 unit rumah untuk PPRT untuk golongan termiskin.

17,000 unit rumah di seluruh negara dengan perbelanjaan RM520 juta kerana kita lihat dalam media, televisyen selalu keluar cerita 'Bersamamu' - rumah robak rebeh dan kita kata mengapa tidak kita bantu. Bagi semenanjung harga rumah RM33,000 satu unit. Bagi Sabah dan Sarawak RM40,000 satu unit. Kita akan bina di tempat-tempat yang ada orang miskin tegar.

Jadi untuk kesempatan ini saya mempelawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada orang-orang yang miskin tegar yang paling teruk di kawasan masing-masing, sila tulis surat kepada kementerian dan bagi surat kepada saya. Kita akan bina di tempat yang dia duduk tapi tanah itu mestilah tanah kerajaan ataupun tanah milik yang tuan miliknya membenarkan tanah ini dibina dengan rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Di pinggiran bandar?

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Di pinggiran bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan semata-mata luar bandar.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Boleh.

4. **Datuk Chandrasekar Suppiah** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah prospek industri perabot di Malaysia dan adakah negara kita mampu bersaing dengan negara luar dalam industri ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Chandrasekar Suppiah kerana prihatin tentang industri perabot ini. Saya nampak Tuan Yang di-Pertua bukan ramai yang tanya tentang industri ini sama ada di Dewan ini ataupun di Dewan Rakyat.

Industri perabot adalah salah satu industri yang penting dan paling aktif di kalangan industri yang berasaskan kayu di Malaysia. Secara keseluruhannya, prestasi industri perabot adalah baik dan mempunyai prospek yang tinggi untuk terus berkembang sebagai penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara.

Perkembangan prestasi nilai eksport perabot jelas menunjukkan perkembangan dan keteguhan industri perabot Malaysia di mana pada tahun 2005 dan 2006 nilai eksport Malaysia masing-masing mencatatkan nilai eksport RM7.5 bilion dan RM8.08 bilion. Pada tahun 2007 Malaysia berada di kedudukan kesepuluh sebagai negara pengeksport terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa prospek dan mampukah kita terus bersaing?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, saya ingin jawab. Oleh sebab itu kita boleh nampak bahawa perabot yang dibina di Malaysia ini diimport oleh banyak negara dan negara yang terbesar di dunia buat masa sekarang ialah Amerika Syarikat diikuti oleh Jepun dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Januari hingga September tahun ini, nilai eksport perabot bagi negara kita ini sudah tercatat angka RM...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mereka ini hendak dengar daripada menteri prospeknya dan mampu kita bersaing tak?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, tapi nilai eksport angka ini menunjukkan prospeknya baik. Kalau angka itu menunjukkan eksport kita susut maknanya prospek tak bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri tak cakap temberang. Dia cakap berdasarkan angka.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya. Itu sebagai satu sudut yang kita nampak industri perabot ini naik.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga September tahun ini nilai eksport sudah mencatat RM6.44 bilion dan kita jangka bagi tahun ini kita boleh catat RM10 bilion bagi tahun ini. Ini terbesar. Ini bermakna industri ini masih ada satu ruang untuk kita berkembang di masa akan datang. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya menggalakkan pihak yang ingin berkecimpung dalam industri ini sama ada bumiputera atau bukan bumiputera. Ini adalah satu ruang yang begitu baik dan kita boleh mengembangkannya industri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan. Datuk Chandrasekar Suppiah, Tuan Lee Chee Keong dan Puan Hajah Mumtaz. Saya minta maaf Dato' Gooi.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Malaysia mengeksport begitu banyak perabot ke Amerika Syarikat, apakah kesan kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat dari segi pengeksportan perabot dari Malaysia. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang saya mahu pertanyaan tambahan itu datang supaya Yang Berhormat boleh menyahut cabaran.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang itu maksud saya. Yang Berhormat, kita memang perhatikan sebab dengan ekonomi sedunia yang lembap ini maka prospek bagi tahun hadapan ke Amerika Syarikat akan terjejas sedikit sebab kita perhatikan *housing starts* dengan izin di Amerika Syarikat sekarang sudah turun. Oleh sebab *housing starts* yang turun ini, maka perabot-perabot untuk rumah yang digunakan di rumah-rumah di Amerika Syarikat ini akan terus susut sedikit. Akan tetapi kita perhatikan bahawa dalam pasaran dunia ini di *Middle East* umpamanya kita masih ada satu ruang yang agak baik sebab dengan banyak pembangunan yang berada di *Middle East* seperti Dubai kita ada pasaran yang boleh menggantikan apa yang telah susut sedikit di Amerika Syarikat.

■1040

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mengatakan tadi kita punya objektif mencapai RM10 bilion menjelang hujung tahun ini. Saya rasa waswas kerana kemelesetan ekonomi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat bukan perasaan.

Tuan Lee Chee Keong: Pertanyaan saya, apakah usaha proaktif yang dirancang oleh kementerian untuk kita mencapai RM10 bilion ini? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat sebab angka yang saya sebut tadi iaitu RM6.44 bilion hingga September. Maknanya kita mempunyai tiga bulan yang perlu kita belum ambil kira. Kalau kita ikut amalan yang telah dicatat dalam bulan-bulan yang lepas, kita anggapkan angka RM10 bilion ini boleh dicapai. Walau bagaimanapun usaha untuk mempromosikan perabot ini terus dijalankan sama ada pasaran ini kita hanya tukar dia punya sasaran. Seumpamanya kita akan mempromosikan lebih banyak di *Middle East* seumpamanya dan supaya kita dapat jual lebih banyak lagi di pasaran seperti itu. Kita juga nampak di *Eastern Europe* dengan izin, negara-negara yang dulu di dalam *Soviet Union* sekarang sudah membangun. Kita jangka juga di pasaran-pasaran negara itu, pengeksportan perabot akan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Puan Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah jenis perabot yang menjadi teras dan diberi penekanan oleh kerajaan dalam mempromosikan perabot Malaysia di luar negara dan yang kedua, sejauh manakah jaminan kerajaan terhadap bekalan bahan mentah sekiranya industri ini mahu dijadikan prospek utama dalam pendapatan negara? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Boleh ulang sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Bahan mentah memandangkan kayu makin...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Soalan pendahuluan?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Jenis perabot yang mendapat keutamaan dalam kerajaan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Jenis-jenis perabot yang kita utamakan ialah perabot kayu di mana kita dalam seumpamanya saya beri sedikit angkalah. Dalam pengeksportan negara kita ini, perabot yang dibina daripada kayu-kayan adalah seumpamanya angka tahun yang lepas iaitu 2007 di mana kita catat RM8.55 bilion. *Wooden furniture* iaitu perabot daripada kayu, sudah mencatat RM6.6 bilion dan perabot daripada besi hanya RM739 juta perabot daripada besi. Plastik RM50 juta. Kita juga mengeksport banyak bahagian-bahagian perabot seumpamanya tempat duduk, kakinya dan semua ini juga dari satu angka yang agak besar, RM627 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi di antara kayu, besi dan plastik kita paling banyak eksport kayu?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Kayu, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Maka beralih kepada pertanyaan kedua tadi.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, berbalik kepada itu, saya ingin memaklumkan bahawa kita memang faham. Dari segi bahan mentah kayu ini saya ingin sebutlah kita sudah dalam satu keadaan yang tidak cukup memuaskan di mana kayu-kayu yang berada dalam negara ini tidak mencukupi untuk industri-industri kayu-kayan dan kita kena import daripada Australia, daripada Rusia, daripada Cameroon dan lain-lain, banyak negara lagi. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai satu skim, satu program untuk ladang hutan. Kita sekarang giat melaksanakannya supaya 15 tahun yang akan datang apabila pokok itu matang kita boleh dapat hasil balak daripada negara kita ini dan balak itu boleh kita bekalkan kepada industri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak pernah terfikir saya negara saya hendak import kayu tetapi itulah kenyataannya.

5. Datuk Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan perkembangan semasa radio tempatan iaitu bilangan yang beroperasi, keuntungan kepada kerajaan dan pemantauan terhadap kandungan bahan-bahan yang disiarkan kepada umum.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, sehingga kini terdapat 14 pemegang lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan individu atau CISPI yang mengendalikan 19 stesen radio swasta di Malaysia. Keuntungan kepada kerajaan boleh dilihat dari aspek sumbangan pihak pemegang lesen radio swasta ini melalui pembayaran cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau LHDN dan juga pembayaran yuran pelesenan tahunan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, SKMM.

Pada tahun 2008, sejumlah RM1,614,959.26 juta telah diterima oleh pihak SKMM melalui kutipan yuran pelesenan bagi pemegang lesen CISPI ini. Tuan Yang di-Pertua, selain dari kewangan, kerajaan juga mendapat dua minit ruang udara untuk setiap jam untuk membuat pengumuman awam. Stesen-stesen radio juga menyiarkan berita terkini sekurang-kurangnya tiga kali sehari. Sebagai langkah pemantauan, stesen-stesen radio swasta mesti mematuhi

semua peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau AKM 1998 dan kod kandungan yang diwujudkan di bawah Seksyen 95 AKM 1998 serta undang-undang yang lain yang berkuat terhadapnya. Sementara itu...

Tuan Yang di-Pertua: Elok sekarang kalau Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan. Yang Berhormat boleh habiskan apa Yang Berhormat hendak.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Sementara itu?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Sementara itu forum kandungan iaitu sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 94 AKM 1998 sebagai kerangka kawal selia sendiri juga boleh mengambil tindakan tatatertib dan denda terhadap para ahli yang didapati melanggar kod kandungan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, selain itu terdapat syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pihak stesen-stesen radio swasta dalam memastikan kandungan atau program yang disiarkan adalah sesuai untuk siaran umum masyarakat Malaysia. Di antaranya ialah:

- (i) tidak menyiarkan kandungan yang menyinggung sensitiviti mana-mana agama, kaum dan budaya masyarakat di Malaysia;
- (ii) tidak menyiarkan apa-apa juga kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional; dan
- (iii) pihak pemegang lesen dikehendaki untuk menyediakan program kandungan tempatan yang mempromosikan budaya dan identiti kebangsaan.

■1050

Sebagai langkah pengawalseliaan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga telah menerajui penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Televisyen dan Radio Awam dan Swasta (JKPPSTRAS) yang ditubuhkan atas arahan Kabinet. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTAK dan dianggotai oleh para pegawai kanan pelbagai kementerian dan agensi yang mempunyai kepentingan dalam industri penyiaran termasuk SKMM.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang tak mahukah Yang Berhormat jemput soalan tambahan?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali, Datuk Abdul Rahman sudah guna kesempatan tadi, saya bagi pada Datuk Wira Syed Ali, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan Dato' Gooi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali kalau ada pertanyaan pokok, jangan bangun tanya soalan tambahan. Sila.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, apakah ada usaha untuk memantau bahasa Melayu kerana..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya benarkan, saya rasa saya tertipu.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Apakah ada usaha memantau bahasa Melayu kerana juruhebah radio bukan RTM kebanyakannya menggunakan bahasa pasar. Ini mencemarkan usaha mendaulatkan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat..

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Jika ada usaha, apakah usaha dan jika ada undang-undang, apakah undang-undang dan akta ini. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali, kementerian melalui SKMM memang sentiasa memantau penggunaan bahasa Melayu dan ada kalanya stesen-stesen radio ditegur, oleh kerana bahasa yang digunakan semacam mana Yang Berhormat telah katakan iaitu bahasa rojak dan bahasa pasar.

Oleh yang demikian, dari segi forum pengguna pun mereka ada membuat aduan dan menegur sesama sendiri, dari segi adakah kita mengambil tindakan yang lain yang lebih tegas, belum ada Yang Berhormat Datuk Wira dan memang dialu-alukan supaya orang ramai dapat membuat aduan, memberi aduan kepada kementerian ataupun SKMM, sekiranya terdapat bahasa-bahasa ataupun stesen-stesen yang menggunakan bahasa yang tidak menentu dan tidak sebegitu rupa dalam bentuk bahasa kebangsaan. Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan sebuah stesen radio telah pun dikeluarkan lesen oleh kementerian iaitu Radio Wanita, dan adakah kementerian memperinci pemantauan mengenai stesen tersebut kerana saya difahamkan stesen tersebut telah pun..

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian memantau stesen tersebut kerana saya difahamkan stesen tersebut..

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: ... telah dijual kepada sebuah syarikat yang lain. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Memang betul ada iaitu maklumat yang diberikan Yang Berhormat Senator tadi, bahawa sebenarnya Radio Wanita adalah sekarang dimiliki oleh Media Prima Berhad. Penukaran pemilikan itu adalah tertakluk juga kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh SKMM dan ianya didapati mematuhi syarat-syarat dan oleh kerana Media Prima juga dianggap sebagai milik bumiputera, oleh yang demikian ianya diberi kebenaran untuk memilikinya.

Ada juga dahulunya Radio Wanita dikenakan kompaun oleh sebab sesuatu yang tidak kena, tetapi sekarang ia adalah dimiliki oleh Media Prima dan diharapkan ianya tidak melakukan lagi kesalahan ataupun pelanggaran atas syarat-syarat yang ditetapkan. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada 19 stesen radio yang dilesenkan, Astro memiliki berapa?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Sebenarnya Yang Berhormat Dato', terima kasih kepada soalan bertanya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan mula dengan sebenarnya, mereka ini semuanya benar belaka.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Astro tidak ada memiliki stesen radio, tetapi MEASAT yang mempunyai Astro ada memiliki tiga stesen radio.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya tigalah?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Pihak yang menguasai Astro memiliki tiga lesen.

6. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan pendirian pihak kementerian berkaitan program penghantaran angkasawan kedua negara ke angkasa lepas selepas beberapa akhbar tempatan kebelakangan ini memberikan laporan yang berbeza berkaitan pendirian kementerian di dalam isu ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah Abd. Samad atas soalan yang diajukan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya telah bersetuju meneruskan Program Angkasawan ini. Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada sebarang peruntukan untuk pelaksanaan Program Angkasawan Kedua.

Walaupun demikian, kementerian ini terus mengkaji perkara-perkara lain yang penting berkaitan program kedua ini nanti. Antaranya adalah misi program yang perlu penekanan yang boleh memberikan pulangan langsung kepada industri tempatan dan juga ekonomi negara.

Cadangan kerjasama pelaksanaan program dengan agensi-agensinya antarabangsa seperti Roscosmos Russia atau NASA Amerika Syarikat, penggabungan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti ESA dari Kesatuan Eropah atau JAXA daripada Jepun, dan juga tempoh pelaksanaan misi yang lebih panjang dan tarikh program.

Perincian ini yang sedang dalam penelitian kerajaan akan menentukan pula kos misi tersebut. Bagaimanapun, keputusan menghantar Angkasawan Kedua pada 2011, bergantung sepenuhnya pada keadaan kewangan kerajaan sebelum Kabinet membuat keputusan sama ada Mejar Dr. Faiz Khaleed akan meneruskan misi berkenaan. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah perkembangan hasil kajian, yang dibuat oleh Angkasawan Pertama Negara kita semasa berada di ISS hampir setahun lalu? Apakah perkembangan terbaru, terkini, pihak kementerian untuk membeli kapal angkasa Soyuz?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kedudukan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh angkasawan pertama tersebut, saya ingin jelaskan bahawa pada keseluruhannya ada tiga jenis kajian yang telah pun dijalankan iaitu, *cell in space*, *protein in space*, dan *micros in space*. Saya ingin sentuh di sini bahawa beberapa agensi dan institusi perubatan telah terlibat termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Putra Malaysia, Institut Perubatan Penerbangan Tentera, Kementerian Kesihatan serta juga pusat-pusat penyelidikan yang berkaitan. Saya ingin sentuh di sini bahawa kira-kira bulan Ogos yang lalu, satu bengkel telah pun diadakan untuk menyelaraskan hasil-hasil kajian ini.

Pada keseluruhannya, saya ingin maklumkan bahawa beberapa paten telah pun dikeluarkan daripada kajian tersebut dan perancangan sedang dibuat supaya kajian-kajian yang berkaitan ini akan terus dijalankan dengan kerjasama pusat-pusat seperti ISS dan juga Roscosmos yang telah saya sebut tadi.

■1100

Mengenai dengan perkara persetujuan membeli kapal roket tersebut, ini telah pun digugurkan oleh pihak kerajaan kerana kos yang tinggi dan kebaikan ataupun manfaatnya itu tidaklah begitu besar untuk kita melaburkan duit yang banyak.

7. Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid minta Menteri Kewangan menyatakan, kenapakah kos penyelenggaraan kereta Proton untuk kegunaan eksekutif kerajaan dan menteri Kabinet terlalu tinggi. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kualitasnya supaya kos penyelenggaraan dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Januari 1994, penyelenggaraan dan pembaikan kereta salon termasuk kereta Proton, Proton Perdana V6 Eksekutif dan Proton Perdana V6 Standard yang dibekalkan kepada anggota pentadbiran dan pegawai kanan Kerajaan Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi Spanco Sdn. Bhd.

Kerajaan membayar kos sewaan dan penyelenggaraan kepada Spanco secara tetap setiap bulan. Kos penyelenggaraan dan pembaikan semasa yang dibayar adalah antara RM328 hingga RM820 sebulan bagi sebuah Proton Perdana V6 Standard dan RM528 hingga RM 1320 sebulan bagi sebuah Proton Perdana V6 Eksekutif bergantung kepada usia ataupun umur kereta.

Ia meliputi semua jenis penyelenggaraan dan pembaikan yang termasuk servis berjadual, semua jenis pembaikan kerosakan akibat kemalangan, kos alat ganti dan kos buruh. Jadi tiap-tiap kereta mempunyai kadar yang tetap dan tertentu dan mengikut umur dan model kereta. Oleh itu tidak timbul kos yang terlalu tinggi atau rendah kosnya.

Proton selaku pengeluar kereta nasional telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambah baik kualiti kereta yang dikeluarkan. Inisiatif tersebut bukan hanya terhad kepada aktiviti pemasangan kereta tetapi juga merangkumi aspek penyelidikan dan pembangunan atau R&D di mana komponen yang kerap menerima rungutan pelanggan telah diperbaharui. Selain itu, Proton Perdana juga mempunyai tempoh jaminan selama dua tahun atau sehingga 50,000

kilometer di mana Proton akan menanggung kos alat ganti tambahan jika ianya perlu diganti. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rizuan, Puan Heng Seai Kie.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kenapakah Kerajaan Negeri Perak dan Kedah enggan menggunakan kereta Proton dan kenapakah Kerajaan Negeri Perak mengambil keputusan menggunakan Toyota Camry yang terbukti lebih mahal harganya, spesifikasi yang lebih tinggi dan tentunya kos penyelenggaraan juga akan lebih tinggi. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya penyelenggaraan, pembelian kereta yang dimiliki oleh kerajaan negeri tidak di bawah kawal selia Spanco. Jadi kerajaan negeri mempunyai caranya yang tertentu yang tidak terkawal dan kadangkala apa yang kita dengar *cost over run* dan sebagainya kerana mereka tidak ada satu kos yang tetap seperti yang di dalam perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan Spanco. Jadi kita tidak ada paksa macam mana mereka kerajaan negeri menguruskan kenderaan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Heng Seai Kei.

Puan Heng Seai Kei: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berhubung dengan penjimatan kos penyelenggaraan kereta, tidakkah kerajaan bercadang untuk menggunakan pendekatan alternatif iaitu dengan membayar terus sejumlah elaun bulanan tertentu secara tetap dan mempertanggungjawabkan urusan penyelenggaraan di bawah tanggungjawab pengguna kereta yang berkenaan. Sekian.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat kerajaan selama ini kerana sebelum diambil alih penyelenggaraan dan sewaan kereta oleh Spanco telah timbul banyak masalah, ada pengguna yang bertanggungjawab, ada yang tidak bertanggungjawab, ada yang banyak menipu kos penyelenggaraan dan sebagainya. Oleh kerana itu, di dalam perjanjian ini ada satu kos yang ditetapkan mengikut modul kereta, mengikut umur kereta di mana kerajaan lebih senang untuk menentukan bajet setiap tahun.

Jadi kereta kerajaan pakai sahaja, bayar petrol, bayar tol sahaja. Selain daripada itu semua ditanggung oleh Spanco. Jadi kita tidak payah pening kepala hendak bagi jabatan mana-mana untuk jaga kereta masing-masing. Sekian.

8. Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah tindakan yang diambil terhadap penjual-penjual ubat pelangsingan badan dan krim pemutihan muka yang semakin berleluasa masa kini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah pun sedang mengambil tindakan dan akan mengambil tindakan berterusan di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Jika mana-mana pihak pembekal, pengeluar yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam penjualan ubat-ubat pelangsingan badan dan krim pemutihan muka yang mengikut kata Yang Berhormat Senator semakin berleluasa di masa ini. Denda tidak melebihi RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Hajah Siti Rokiah.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kriteria-kriteria yang diambil kira oleh pihak kementerian dalam meluluskan sebarang produk pelangsing dan krim pemutihan muka? Berapakah jumlah kes yang berkaitan yang telah di bawa ke muka pengadilan dan berapakah jumlah kes yang telah menerima hukuman. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan. Untuk jawapan begitu *detail* saya perlukan masa. Kriteria mudah sahaja kita boleh tengok website. Mengikut peraturan yang dikendalikan di bawah BPFK iaitu Biro Penguatkuasaan Farmasi Kebangsaan, mereka yang menjual atau mengilang perlu memenuhi peraturan-peraturan seperti berikut:

- (i) mesti berdaftar di bawah MAL untuk ubat-ubat herba. Yang jadi komplikasi Tuan Yang di-Pertua selepas dia berdaftar dan mendapat nombor MAL kerana nombor MAL ini kita hanya melihat, melakukan perincian empat perkara:
 - (a) bebas daripada bahan-bahan *biological*, atau *contaminant* dengan izin;
 - (b) tidak mempunyai bahan-bahan *poison* atau *adulterated*;
 - (c) mestilah tidak mempunyai bahan-bahan *pesticide* atau alat-alat kimia yang lain.

Komplikasi ini berlaku apabila selepas dapat MAL nombor, di jual kemudian dimasukkan *adulterated* umpamanya *subitramine* ataupun bahan-bahan lain seperti *fenfluramine* yang memang di bawah akta racun, *poison*.

■1100

Bila kita kata *poison*, dia mesti *prescribe* oleh *registered medical practitioner*, Tuan Yang di-Pertualah. Jadi bila dia masukkan bahan-bahan tersebut dalam *preparation* ini, maka dia telah pun melanggar Akta Jualan Dadah 1952.

Tuan Yang di-Pertua: Maka setakat ini pertanyaan tadi, berapa dah didakwa?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Dia *detail* Tuan Yang di-Pertua, saya perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Perlu notis ya?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: ...Dan masa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

9. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, program-program yang telah dan akan dilaksanakan ke arah membudayakan "Berbudi Bahasa" kepada semua lapisan masyarakat negara ini selain daripada iklan yang berasaskan komersial oleh stesen TV dan radio swasta.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun menjalankan beberapa aktiviti bertujuan menerapkan budi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti Kempen Bergerak menggunakan 20 bas Transnasional yang beroperasi di Lembah Klang yang telah dicorakkan dengan warna, logo dan mesej Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Selain daripada itu, Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni turut diadakan melalui ceramah dan pameran di beberapa buah sekolah, jabatan kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta.

Sementara itu, dalam waktu terdekat ini, kementerian akan mengadakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Selain daripada itu, kementerian juga turut mengedarkan bahan-bahan kempen secara berterusan kepada beberapa jabatan kerajaan, persatuan dan badan-badan swasta bagi menyemarakkan lagi kempen berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, diperhatikan umum bahawa manusia sentiasa lupa dan mudah lupa tentang nilai-nilai dan norma-norma masyarakat. Kempen budi bahasa secara berterusan adalah perlu untuk mengekalkan ingatan kita. Kita berasa segan dan cepat membetulkan kesilapan diri kita apabila sedar kelakuan diri bercanggah dengan nilai-nilai murni yang kita pegang dalam sanubari hati diri kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat serta media massa diminta bersama-sama mengingatkan dan memanaskan nilai-nilai murni masyarakat yang kita bangga-banggakan itu. Semoga kita lestarikan budaya berbudi bahasa dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Puan Siw Chun a/p Eam, kemudian Puan Usha Nandhini dan Puan Hajah Wan Hazani.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, dalam banyak situasi pada masa kini, kita dapat melihat Kempen Budi Bahasa yang dijalankan oleh kerajaan belum mencapai matlamat terutamanya kakitangan awam yang bekerja di kaunter.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: ...Yang bekerja di kaunter yang mencerminkan sikap kerajaan terhadap rakyat dan juga pelancong-pelancong. Soalan tambahan saya, bagaimana pendekatan digunakan oleh pihak kementerian dan program-program khas yang dirancang dan diatur untuk golongan ini sebelum menjawat jawatan tersebut. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita juga menganjurkan ceramah dan kempen di agensi-agensi kerajaan untuk menyemarakkan budaya berbudi bahasa. Akan tetapi kalau mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara pada tahun 2007 yang melibatkan seramai 10,721 orang responden daripada pelbagai keturunan, peringkat umur dan latar belakang, dapatan kajian itu menunjukkan bahawa sebanyak 94.3% responden berpendapat bahawa kempen berkenaan telah pun berjaya mengingatkan mereka agar meningkatkan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan harian mereka. Jadi kajian itu telah

menunjukkan kempen budi bahasa yang telah dianjurkan oleh kementerian memang menghasilkan satu kejayaan.

Jadi, yang tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tanya tadi tidakkah ada langkah nak pastikan mereka ada budi pekerti ini sebelum diambil kerja.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, itu berkaitan juga. Memang kita akan mengadakan kempen lagi di jabatan-jabatan kerajaan untuk membetulkan keadaan yang kurang memuaskan itu tapi kita perlukan peruntukan yang lebih banyaklah. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Puan Usha Nandhini.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian khususnya di kalangan para pelajar sekolah di kawasan luar bandar? Apakah tahap pelaksanaan Kempen Budi Bahasa di kalangan masyarakat India? Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Kempen Budi Bahasa itu ia dilaksanakan tanpa mengira kaum dan tanpa mengira bahagian masyarakat mana-mana. Ia dilaksanakan secara keseluruhan di negara kita. Walau bagaimanapun, peruntukan yang terhad itu tidak membolehkan kementerian melaksanakan Kempen Budi Bahasa itu seluas-luasnya. Setakat ini kita hanya mampu melaksanakan program itu di sebahagian sekolah rendah, sekolah menengah dah juga institusi pengajian tinggi. Jadi dari segi peruntukan, sebenarnya apabila Kempen Budi Bahasa dimulakan pada tahun 2005 hingga 2008, sebanyak empat tahun, peruntukan yang diberikan oleh kerajaan ialah hanya RM37 juta.

Jadi kalau diharapkan peruntukan ini ditingkatkan lagi, kita akan dapat memperbanyakkan kempen itu di semua peringkat. Saya rasa ia akan mendatangkan hasil yang lebih memuaskan tapi yang penting sekali, pemimpin-pemimpin daripada kalangan ahli-ahli politik khususnya perlu menunjukkan teladan yang baik. Itu adalah satu kempen yang amat berkesan mendatangkan kesan yang luas...

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ini cuba, Dewan ini cuba Yang Berhormat. Dewan ini cuba menunjukkan teladan yang baik.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, Dewan ini. Dewan ini dan Dewan itu juga, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kita sama-sama menanggung kewajipan itu untuk menyemarakkan budaya berbudi bahasa di masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Puan Hajah Wan Hazani.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih YB yang memberi penerangan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian memberi peruntukan kepada persatuan atau kelab-kelab untuk adakan kursus memperkasakan kebudayaan dan keterampilan diri, berbudi bahasa keluarga dan masyarakat? Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Memang, memang ada contoh seperti itu. Apabila satu kelab atau persatuan yang ingin melaksanakan satu program menyemarakkan budaya budi bahasa,

dia boleh mengemukakan permohonan kepada kementerian dan dia akan ditimbang mengikut *case by case*. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan pada hari ini terdapat banyak pengusaha mengusahakan ternakan ikan keli, ikan haruan cacing, belut dan lintah secara komersial. Adakah kerajaan mempunyai satu garis panduan dan peraturan bagi memastikan ternakan secara komersial ini tidak mendatangkan risiko kesihatan kepada orang awam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, ternakan ikan keli, ikan haruan, belut dan yang terbaru, lintah adalah di bawah pengawalseliaan Jabatan Perikanan Malaysia. Pihak Jabatan Perikanan Malaysia telah pun mengeluarkan buku Garis Panduan Pembangunan Akuakultur di Malaysia iaitu satu dokumen rujukan teknikal bagi pembangunan sumber dan sistem akuakultur yang mampan dan mesra alam. Garis panduan ternakan dan kod amalan akuakultur untuk semua sistem ternakan ikan air tawar juga telah disediakan bagi memastikan penghasilan produk daripada aktiviti akuakultur adalah yang berkualiti tinggi dan selamat dimakan.

■1120

Di samping itu, ladang-ladang ternakan komersial yang mengamalkan amalan akuakultur baik dan mematuhi piawaian di dalam garis-garis panduan yang telah ditetapkan akan diberi pengiktirafan di bawah Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) atau Sijil Amalan Akuakultur Baik (SAAB). Bagi ternakan cacing pula, ianya adalah di bawah pengawalseliaan Jabatan Pertanian dan ianya hanya digunakan untuk menghasilkan baja kompos dan ianya adalah satu baja organik yang bermutu tinggi dan belum lagi untuk dimakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin, kemudian Yang Berhormat Ir. Haji Zamri

Dato' Kamarudin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerajaan dapat memastikan hak industri yang bersih di premis ternakan supaya tidak mengganggu kesejahteraan dan kehidupan orang awam dari aspek keselamatan dan kesihatan?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi kita ada satu garis panduan yang mana Jabatan Perikanan Malaysia menjalankan tugas sebagai audit, pengauditan. Kita akan memastikan bahawa keluaran-keluaran adalah mengeluarkan produk yang mempunyai keselamatan yang tinggi dan juga ia adalah bagi membantu dan mempercepatkan pengeluaran sijil kesihatan dan sijil *sanitary* dan *phytosanitary* yang kami bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Malaysia. Yang Berhormat, kita memang memastikan bahawa segala ini kalau dapat dari permulaannya kita mengikut segala garis panduan supaya kita tidak ada masalah seperti yang dialami melalui EU sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Ir. Haji Zamri.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Jadi menyedari bahawa industri ini adalah industri baru yang diceburi oleh usahawan-usahawan yang juga baru pada pengamatan kita, yang kali pertama mengusahakan perniagaan ini. Jadi pertanyaan tambahan saya ialah sejauh manakah pendekatan yang diambil oleh kementerian mengambil kira *handicap* ataupun dengan izin yang berada di kalangan-kalangan mereka yang terlibat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Bahagian kedua ialah setakat ini apakah insentif yang telah disediakan oleh kementerian kepada pengusaha-pengusaha ini selain daripada pengiktirafan berbentuk sijil yang disebut tadi?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi insentif-insentif yang kita berikan khususnya macam penternakan ikan keli dan sebagainya, memang kita sematkan di dalam satu usaha kita untuk menambahkan pemakanan dalam negara di bawah jaminan makanan iaitu di dalam program buku hijau. Di mana satu pakej adalah untuk menternak keli dalam kanvas. Jadi itu adalah insentifnya, yang lain-lainnya adalah dari segi latihan dan juga dari segi pembiayaan peralatan-peralatan seperti kita untuk mengadakan kolam, memberi benih dan juga kita memberi pada permulaannya pemakanan-pemakanan ikan itu supaya ianya selaras dengan segala garis panduan yang telah kita berikan tadi.

Kecuali lintah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, lintah ini dalam masa sebulan, Insya-Allah kita akan mengeluarkan SOP untuk lintah dan lintah ini untuk kesihatan khasnya lelaki dan juga kosmetik. Terima kasih.

11. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Kewangan menyatakan, berapakah peratusan pinjaman peribadi yang diluluskan oleh institusi perbankan pada tahun ini berbanding tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat pernah timbul selama ini?

Dato' Omar bin Faudzar: Tidak pernah selama lima hari Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan pembiayaan individu atau pinjaman peribadi yang diluluskan oleh institusi perbankan sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2008 meningkat sebanyak 26.7% berbanding dengan tempoh yang sama untuk tahun 2007, iaitu RM96.77 bilion untuk tahun 2007 dari Januari hingga Oktober dan RM122.62 bilion untuk tahun 2008 dari Januari hingga Oktober juga.

Jadi jumlah ini merangkumi pinjaman yang diluluskan bagi pinjaman perumahan, pinjaman harta perniagaan, kemudahan kad kredit, pinjaman kenderaan dan lain-lain. Bank Negara Malaysia memantau secara berterusan keadaan pinjaman sektor perbankan dan akan memastikan orang ramai terus mendapat akses kepada pembiayaan selagi mereka mempunyai status kredit yang baik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Omar Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Daripada jumlah yang telah diluluskan, berapa peratuskah yang telah diklasifikasikan sebagai *non performing loans*, dengan izin. Dalam kesempitan ekonomi sekarang, apakah ada kelonggaran-kelonggaran yang diberikan kepada peminjam-peminjam yang tidak mampu membayar hutang mereka?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada jumlah yang diluluskan ataupun pinjaman yang telah dikeluarkan oleh bank perniagaan di negara kita, pada amnya *non performing loan* (NPL) adalah di paras 2.4% keseluruhannya. Bagi makluman Yang Berhormat, bank-bank perniagaan juga adalah unit perniagaan, jadi mereka juga adalah di dalam perniagaan untuk mencari untung juga. Jadi kalau untuk mereka yang tidak mampu membayar balik hutang dan sebagainya, saya ingat bank-bank mempunyai sistem dan cara tersendiri untuk *risk management* untuk menentukan siapa yang layak, siapa yang tidak layak dan bank perniagaan, bank perdagangan kita juga bukan satu badan kebajikan.

Bagi makluman Yang Berhormat, kadar pertumbuhan pinjaman sebanyak 26.7% yang diberi dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun 2008 dibandingkan dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2007. Ini menunjukkan bahawa bank-bank negara kita memang masih mampu memberi pinjaman untuk meluluskan pinjaman dan kepada mereka yang layak, ini juga menunjukkan bahawa bank kita masih kukuh dan *resilient*. Ini juga menunjukkan bahawa kadar pinjaman yang dikeluarkan menunjukkan bahawa ekonomi kita memang masih membangun. Ini adalah satu berita yang baik untuk kita semua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Saya akan minta Timbalan Yang di-Pertua selesaikan pertanyaan 13 kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tunggu dari awal tadi tetapi saya tidak nampak dalam senarai pertanyaan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Puan Hajah Sharifah Azizah.

12. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Pelancongan menyatakan, berapakah jumlah agensi pelancongan di seluruh negara mengikut negeri dan sejauh manakah pemantauan kerajaan terhadap mereka.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, jumlah agensi pelancongan yang telah berlesen di seluruh negara setakat 30 November 2008 ialah sebanyak 3,312 agensi di mana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai jumlah agensi sebanyak 914 agensi. Diikuti dengan Selangor – 479 agensi, Sabah – 381 agensi, Kedah – 263 agensi, Pulau Pinang – 233 agensi, Sarawak – 192 agensi, Terengganu – 126 agensi, Perak – 108 agensi, Pahang – 100 agensi, Negeri Sembilan – 81 agensi, Melaka – 74 agensi, Kelantan – 56 agensi dan Perlis sebanyak 17 agensi pelancongan.

■1130

Kementerian Pelancongan sentiasa memantau agensi pelancongan secara berkala di seluruh negara. Sehingga Oktober 2008 kementerian telah mengadakan sebanyak 23 kali serbuan dan pemeriksaan atas agensi pelancongan berlesen dan tidak berlesen. Hasil daripada pemeriksaan serbuan tersebut terdapat 17 kes kesalahan iaitu agensi tanpa berlesen sembilan kes, kesalahan membuka cawangan tanpa lesen sebanyak lima kes dan kesalahan melanggar syarat lesen sebanyak tiga kes. Di samping itu, untuk tempoh yang sama kementerian telah menerima dan mengendalikannya sebanyak 179 kes aduan berkaitan dengan agensi pelancongan. Kebanyakan kes aduan adalah berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Elok, sekarang kalau Yang Berhormat menjemput pertanyaan tambahan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Daripada kes tersebut 122 kes telah diselesaikan sepenuhnya. Manakala tujuh kes lagi masih dalam siasatan lanjut. Sepanjang tahun ini juga tiga syarikat agensi pelancongan telah diambil tindakan mahkamah dan satu kes telah selesai di mana mahkamah telah memutuskan syarikat didenda sebanyak RM3,000 manakala dua kes lagi dalam proses pembicaraan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya hendak mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin wanita dari Negeri Melaka... [*Tepuk*] Soalan tambahan saya ialah, apakah strategik dan kerjasama yang dibuat oleh kerajaan dan agensi pelancongan bagi menggalakkan kemasukan pelancong-pelancong dari negara-negara Arab? Sudahkah kementerian mengenal pasti bahawa terdapat agensi pelancongan yang telah menyalahgunakan permit dan ada yang menawarkan tawaran seperti indah khabar dari rupa? Terima kasih.

Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelancongan dengan agensi Tourism Malaysia selalu mempromosikan Malaysia ke negara-negara Arab terutama sekali negeri-negeri Arab yang kaya. Di mana kita pergi ke kebanyakan fair membuat promosi di bandar-bandar yang termasyhur di bandar-bandar Arab. Ada juga kami membuat brosur dan di *distribute* kan kepada agensi pelancongan (*travel agents*) dengan izin di negara Arab. Kami juga menjemput pihak media dari negara-negara Arab dan juga *travel agency* datang ke Malaysia dengan jemputan kita untuk menghadiri *Mega Fam* program untuk yang kita bayar bagi mereka datang ke sini dan untuk memantau produk-produk pelancongan Malaysia. Isu Yang Berhormat bawakan tadi akan disiasati, terima kasih.

13. Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bagaimanakah caranya kementerian mengawal harga rumah dalam konsep (bina dan jual), berapa jumlah yang masih tidak terjual dan di kawasan mana.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) *varian* 10 dan 90 mula diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 12 April 2007. Selari dalam pelaksanaan konsep sedia ada iaitu Bina Kemudian Jual (BKJ) untuk tempoh peralihan selama dua tahun. Secara umumnya harga rumah dipengaruhi oleh pasaran semasa. Kementerian dan saya tidak menentukan harga rumah di bawah konsep BKJ kecuali bagi rumah kos rendah yang mana harga bagi rumah kos rendah tidak melebihi RM42,000 seunit.

Sehingga November 2008, kementerian saya telah menerima dan meluluskan satu permohonan pemaju bagi membangunkan konsep Bina Kemudian Jual *Varian* 10 dan 90 iaitu pemaju Hap Seng Land Development Sdn. Bhd. Kemajuan ERbina di Sepang, Selangor yang dimajukan oleh syarikat pemaju tersebut merangkumi kemajuan 41 unit rumah teres dan rumah bandar dua tingkat. Berdasarkan kepada laporan kemajuan projek bagi sesi Jun 2008, kementerian saya dimaklumkan bahawa tidak ada jualan dibuat dalam projek berkenaan, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor selepas itu Tuan Ir. Hj Zamri Hj Yusuf.

Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bagaimanakah cara kementerian mengarahkan pemaju perumahan membahagi persen untuk membina rumah murah, rumah sederhana dan rumah mewah? Setakat ini adakah pemaju yang ingkar untuk membuat rumah murah? Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kementerian saya telah mengeluarkan garis panduan dan peraturan iaitu sesuatu pemaju rumah semasa mereka memohon lesen untuk membina rumah mereka perlu menyediakan minima 30% dari semua unit rumah yang mereka akan bina untuk agihan kepada orang penempatan rendah seperti rumah kos rendah. Sekian.

Tuan Ir. Hj Zamri Hj Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan faktor kos, tapak, tanah dan juga bahan binaan. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah faktor yang diambil kira oleh KPKT sebelum boleh mempersetujui keadaan harga rumah yang dicadangkan? Keduanya ialah dengan hadnya kepada RM42,000 bagi rumah kos rendah yang diletakkan oleh kementerian, jadi apakah insentif yang biasanya perlu disediakan oleh kementerian untuk membolehkan pemaju bersedia untuk membina rumah kos rendah ini?

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Tentang ini iaitu kos membina rumah atau industri perumahan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini ialah selepas harga minyak turun, saya difahamkan bahawa bahan binaan rumah iaitu *raw material* seperti *steel* dan lain-lain pun mula diturunkan. Saya fikir kos rumah ini akan stabil. Tentang insentif bagi pemaju masing-masing untuk membina lebih banyak rumah kos rendah, ini adalah di bawa untuk pihak swasta. Pihak swasta mereka perlu mematuhi seperti yang saya katakan itu 30%. Itu tidak ada insentif. Akan tetapi kadang-kadang dia ada senario iaitu mungkin satu kawasan mungkin tanah terlalu mahal, tidak sesuai untuk membina rumah kos rendah. Oleh itu, pemaju boleh memohon jumlah

unit kos rendah boleh dipindah ke tempat lain iaitu harga tanah yang lebih sesuai untuk membina rumah kos rendah.

■1140

Akan tetapi, kementerian saya pun sentiasa memastikan lokasi ini belum sesuai untuk membeli rumah kos rendah seperti tidak begitu jauh dari tempat kerja atau kemudahan lalu lintas dan lain-lain. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." *[16 Disember 2008]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan untuk sambung jawapan.

11.41 pg.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meneruskan penggulangan saya ke atas isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pelancongan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie mendakwa bahawa terdapat agensi pelancongan yang wanita untuk menandatangani kontrak kerja supaya bersetuju untuk tidur sebilik dengan pemandu bas lelaki bagi *assignment* diberi bagi menjimatkan kos dan mengesyorkan supaya KPL menangani isu bilik supaya menangani isu ini dan mengiktiraf Persatuan Pemandu Pelancong Wanita Malaysia sebagai sebuah entiti asing daripada Persatuan Pemandu Pelancong Malaysia (PPPM) sebagai entiti berasingan daripada PPPM.

Pihak kementerian akan menyiasat perkara ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya didapati bahawa aduan berkenaan benar. Jasa baik Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan maklumat berkenaan perkara ini bagi membolehkan pihak kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra minta Kementerian Pelancongan menyatakan supaya Kementerian Pelancongan dapat membantu mengenal pasti lebih banyak tapak supaya dapat disenaraikan dalam warisan UNESCO. Adakah tapak-tapak yang disenaraikan dalam warisan UNESCO mendapat peruntukan khas? Kerajaan negeri akan mengenal pasti tapak-tapak yang boleh disenaraikan sebagai tapak warisan UNESCO dan Kementerian Pelancongan akan memberikan sokongan sewajarnya. Bagi tujuan untuk mendapatkan taraf tapak warisan UNESCO adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ingin mengetahui sama ada Kementerian Pelancongan ada menyediakan apa-apa pakej atau program khas bagi mempromosikan Taman Botani di Putrajaya.

Kementerian Pelancongan sentiasa mempromosikan Putrajaya terutamanya Taman Botani kepada pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa. Pakej pelancongan ada disediakan oleh agensi pelancongan tempatan atau pun luar negara termasuk pakej Putrajaya dan lawatan ke Taman Botani. Namun begitu, kementerian ada mencetak dan mengedar risalah pelancongan mengenai Putrajaya dan Taman Botani untuk tujuan promosi dan menggalakkan pelancong mengenali Putrajaya dengan lebih dekat lagi. Kementerian juga menganjurkan Program Lawatan Suai Kenal kepada kumpulan media dan agensi pelancongan luar negeri ke Taman Botani dalam usaha untuk mempromosikan destinasi tersebut di peringkat antarabangsa dan juga sentiasa membantu pihak Taman Botani dalam mempromosikan produk-produknya secara terus kepada pengguna.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan mana-mana perkara yang tidak disentuh di dalam jawapan saya, maka kementerian akan mengemukakan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Kementerian Wilayah Persekutuan. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.45 pg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan ketua-ketua atau pun Tok Batin daripada masyarakat Orang Asli Parlimen Tapah ke Dewan yang mulia ini. Selamat datang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2009 di peringkat dasar. Dengan itu, saya akan memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan

beberapa isu di mana segala pandangan, cadangan dan juga teguran diterima secara hati terbuka. Kementerian memberi jaminan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat segala kelemahan akan diatasi dengan cadangan dan pandangan Ahli Yang Berhormat. Apa yang baik kita pastikan jadi terbaik demi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar pada 15 Disember telah membangkitkan isu mengenai pendatang haram di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pendatang haram di Kuala Lumpur tidak berada di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Kementerian ini dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan untuk menangkap pendatang haram di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil tindakan terhadap pendatang haram yang berniaga di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sering menjalankan operasi secara bersepadu yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Rela bagi mengatasi isu pendatang asing. Contohnya sewaktu operasi bersepadu yang dijalankan pada 8 Mei 2008 bertempat di Jalan Petaling sekitar Bazar Masjid India dan Bukit Bintang, seramai 240 orang warga asing telah ditangkap untuk membuat saringan. Daripada jumlah tersebut seramai 25 orang telah ditahan kerana tidak memiliki dokumen perniagaan yang sah. Kesemuanya telah dihantar ke Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Operasi sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk membendung masalah kedatangan pendatang asing dan berniaga secara tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini tidak boleh dibebankan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau pun agensi-agensi kerajaan semata-mata. Para peniaga dan warga kota juga perlu memberikan kerja sama dengan mematuhi peraturan dan tindak kaji atau menggaji atau mengambil pendatang tanpa izin untuk bekerja dengan mereka. Segala usaha atau pun tindakan pihak kementerian akan tidak mencapai matlamat sekiranya kita tidak dapat bantuan atau sokongan daripada peniaga sendiri. Maka, Kementerian Wilayah Persekutuan juga berharap peniaga-peniaga sendiri akan memainkan peranan supaya kita sama-sama mengatasi masalah pendatang asing ini di Kuala Lumpur.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa kali kah operasi pada tahun ini telah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menangkap pendatang tanpa izin ini yang berniaga yang mana telah pun menjalankan operasi. Saya hendak tahu tahun ini, sudah berapa kali operasi dijalankan? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan Dewan yang mulia ini mengenai operasi menangkap bukan lagi bidang kuasa di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan atau pun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi

pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjalankan aktiviti operasi setiap hari di seluruh Kuala Lumpur tanpa menentukan masa.

Akan tetapi, dari segi bidang kuasa cuma apabila kita mendapati peniaga asing menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa izin atau pun tanpa lesen, maka bidang kuasa kementerian atau pun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur cuma menyita barang yang dijual. Itu sahaja bidang kuasa. Akan tetapi mengenai operasi-operasi untuk menangkap pendatang asing bergantung kepada operasi yang diaturkan oleh Jabatan Imigresen sendiri.

■1150

Apabila Jabatan Imigresen mengaturkan langkah-langkah operasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan turut bersama untuk memberikan bantuan. Akan tetapi dari segi untuk menangkap memang Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak ada kuasa untuk menangkap mana-mana pendatang asing. Sebab sekiranya mereka membawa pasport yang tidak sah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bukan kementerian atau jabatan yang boleh menentukan sama ada dokumen yang dibawa oleh pendatang asing itu sah atau tidak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar adalah berkaitan dengan tikus-tikus yang berkeliaran di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tanggungjawab menjaga kebersihan di Kuala Lumpur bukan sahaja perlu dipikul oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penglibatan dan kerjasama daripada para peniaga, peniaga swasta dan semua warga kota adalah diperlukan bagi menjamin dan mengekalkan kebersihan Kuala Lumpur. Bagi menangani masalah tikus-tikus di keliaran pula Bandaraya Kuala Lumpur melalui Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa menjalankan kawalan tikus di tempat-tempat awam dan juga kawasan-kawasan yang diadu oleh orang ramai. Program kawalan tikus dibuat setiap hari di kawasan-kawasan awam terutamanya di tempat-tempat pembiakan tikus seperti pasar awam, pasar terbuka, pusat-pusat penjaja, kawasan-kawasan yang diadu oleh orang ramai.

Selain dari itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memulakan kempen pembasmian tikus sepanjang tahun 2008 di kawasan-kawasan berikut:

- (i) Kampung Baru mulai 8 Februari hingga 13 Februari 2008 di mana kita dapat tangkap 2,596 tikus;
- (ii) Seksyen 2 Wangsa Maju dalam tempoh 27 April hingga 22 Jun, 220 tikus;
- (iii) Pasar Jalan Raja Bot, Chow Kit daripada 1 Ogos hingga 17 Disember 2008 sebanyak 980 tikus; dan
- (iv) Pasar Pudu mulai 17 Oktober hingga 17 Disember 2008 sebanyak 3,600 tikus.

Kempen ini melibatkan masyarakat setempat dan peniaga-peniaga bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memerangi tikus di Kuala Lumpur. Kempen ini akan diperluaskan di tempat-tempat lain yang mengalami masalah pembiakan tikus. Apa yang

mustahak di sini ialah penglibatan anggota masyarakat dan peniaga-peniaga di dalam menjaga kebersihan dengan tidak membuang sisa-sisa makanan ke dalam longkang serta tempat yang menggamit kehadiran tikus-tikus. Kawalan tikus dibuat dengan menggunakan perangkap tikus, racun tikus dan pelekat. Baru-baru ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melancarkan satu kempen di mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan bayar ganjaran atau insentif sebanyak RM1.00 untuk seekor tikus di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada juga saya difahamkan di ladang-ladang untuk menangkap tikus ini dia bela ular sawa untuk makan tikus itu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Akan tetapi di Kuala Lumpur kita tidak boleh bela ular untuk menangkap tikus... [Ketawa] Nanti kita akan menghadapi masalah baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat. Daripada jawapan Yang Berhormat nampaknya bidang-bidang kuasa yang ada pada Kementerian Wilayah ini adalah terbatas seperti katakan tadi pendatang asing dan juga jualan-jualan di Bukit Bintang dan sebagainya hanya boleh rampas sahaja. Walhal kita ini mempunyai satu kerajaan yang bersepadu. Tidakkah boleh tiap-tiap minggu ke berjumpa di antara kementerian-kementerian ini supaya penguatkuasaan ini jauh akan menjadi lebih *effective* lagi, dengan izin. Oleh kerana kalau ini sahaja persendirian maka sudah tentu kuasa-kuasa yang ada mengikut undang-undang tidak mencukupi untuk Kementerian Wilayah ini untuk menjalankan tugas.

Begitu juga dengan tikus yang telah dikatakan tadi operasi tikus mungkin satu langkah yang lebih ke depan. Tidakkah boleh tikus ini dihantar kepada makmal untuk mengetahui adakah tikus ini membawa penyakit-penyakit yang berbahaya yang boleh berjangkit kepada manusia *zoonotic diseases* dan sebagainya dengan izin supaya kawalan-kawalan penyakit dapat selain daripada kotor tadi ialah juga penyakit-penyakit yang boleh merebak bukan sahaja dari haiwan ke haiwan juga daripada haiwan kepada manusia. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan jawapan saya telah mengalu-alukan kedatangan ketua-ketua masyarakat daripada kaum India. Pada masa yang sama saya juga ingin mengalu-alukan wanita yang merupakan sebagai insan yang penting dalam kehidupan manusia. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan pemimpin-pemimpin wanita daripada Parlimen Tangga Batu ke Dewan yang mulia ini, selamat datang. Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Parlimen dia pun ada dalam Dewan ini tidak? Ahli Parlimen Tangga Batu pun ada di dalam Dewan ini?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Ada. Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab ataupun bidang kuasa untuk menangani ataupun menangkap pendatang-pendatang asing apa yang saya telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini dari segi bidang kuasa. Walau bagaimanapun sebagai kerajaan ataupun kementerian yang prihatin kita tidak akan lari daripada tanggungjawab untuk mengatasi masalah ini. Maka Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengadakan

perjumpaan ataupun perbincangan dengan pihak-pihak yang berkuasa seperti Imigresen dan RELA untuk mengambil tindakan yang lebih berkesan.

Isu yang kedua mengenai masalah tikus. Masalah tikus ini ada juga yang mengatakan bahawa jumlah tikus di seluruh Wilayah Persekutuan adalah lebih banyak daripada populasi di Wilayah Persekutuan. So maka untuk mengatasi masalah tikus dengan kadar yang segera bukan begitu mudah. Walau bagaimanapun kita telah mula dengan program-program baru iaitu salah satunya adalah memberi ganjaran kepada penduduk setempat ataupun penganggur-penganggur di Wilayah Persekutuan maka kita akan melihat untuk mengkaji keberkesanan. Dari semasa ke semasa kita menambahkan langkah-langkah ini untuk mengatasi masalah ini di masa akan datang. Pada masa yang sama Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa peka dan mengkaji keburukan yang dibawa oleh tikus untuk penduduk setempat.

Buat masa ini isu ini belum sampai ke peringkat serius yang boleh membawa sebarang keburukan kepada masyarakat dan kita bagi jaminan sebagaimana kita telah berjanji kepada penduduk Kuala Lumpur di mana Kuala Lumpur kita jaminan *will be a livable city*, dengan izin. Apabila kita kata *livable city* maka kita akan mengatasi masalah-masalah seperti ini dalam masa yang terdekat sebelum kita mencapai matlamat kita di mana melahirkan satu Kuala Lumpur bertaraf antarabangsa.

Seterusnya berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar membuka dan membesarkan kedai-kedai yang telah ditutup sebelum ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Dataran Merdeka soalnya membuka dan membesarkan kedai-kedai yang telah ditutup sebelum seperti di Dataran Merdeka.

Maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Dataran Merdeka ini mengandungi ruang-ruang kedai perniagaan dan tempat letak kereta awam. Ruang-ruang kedai yang berada di bawah Dataran Merdeka ini telah ditutup akibat berlakunya banjir pada tahun 2002 dan sekali lagi berlaku banjir pada tahun 2007 yang lepas. Keseluruhan keluasan ruang perniagaan di bawah Dataran Merdeka adalah 130,684 kaki persegi yang mengandungi 97 ruang kedai. Projek cadangan menaik taraf aras bawah Dataran Merdeka merupakan projek penswastan di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Syarikat Stest Property Sdn. Bhd bagi memajukan semula aras bawah Dataran Merdeka ini yang terjejas akibat banjir.

Pihak pemaju bercadang untuk menukar pembangunan ruang niaga di bawah Dataran Merdeka ini kepada destinasi pelancongan yang berkonsepkan *Islamic Trade Centre* dengan izin yang mengandungi ruang perniagaan *food court*, restoran dan ruang pameran. Perjanjian penswastan projek ini telah ditandatangani pada 4 April 2008 dan pemaju telah membayar deposit sewa pajakan berjumlah RM60,000 dan RM294,786 sebagai bayaran tunggakan cukai taksiran Julai hingga Disember 2007 sebagai sebahagian daripada syarat-syarat perjanjian penswastan. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini pihak pemaju hanya memenuhi sebahagian daripada pra syarat dalam perjanjian projek tersebut.

Setelah beberapa kali diberi peringatan pemaju didapati masih gagal memenuhi semua syarat ataupun sebahagian syarat yang ditetapkan yang sepatutnya dikemukakan dalam masa

tiga bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani. Tarikh akhir 4 Julai 2008. Justeru Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam tindakan untuk menamatkan perjanjian pajakan tersebut. Serentak dengan itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengkaji sama ada untuk melaksanakan projek tersebut di bawah pembiayaan sendiri ataupun melalui penswastan dengan melantik pemaju yang baru atau lain.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar ialah mengenai sewa beli rumah PPR yang telah lama disewakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Sewa Beli Rumah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini telah dibuat pada tahun 1983,1984 dan 1985 kepada rumah-rumah kos rendah yang dibina pada tahun 1956 hingga 1983.

Rumah-rumah ini terdiri daripada rumah yang mempunyai satu atau dua bilik. Program Sewa Beli ini ditawarkan kepada penghuni-penghuni yang telah menyewa di perumahan awam tersebut. Bayaran sewa bulan dikira sebagai sebahagian daripada bayaran harga rumah. Terdapat dua skim pembayaran yang ditawarkan iaitu pembayaran untuk tempoh lima dan sepuluh tahun. *Charge* perkhidmatan RM35 tanpa faedah kelewatan dikenakan kepada pembeli selain daripada bayaran ansuran bulanan.

Program Sewa Beli Rumah Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur:

KAWASAN PERUMAHAN AWAM	JUMLAH UNIT	TAHUN DIBINA
Sri Pulau Pinang	721	1975
Sri Melaka 4D	137	1981
Jalan Hang Tuah	475	1969
Jalan Loke Yew	555	1956
Razak Mansion	557	1969
Jalan Tunku Abdul Rahman	404	1956
Sri Negeri Sembilan	65	1983
JUMLAH UNIT	2,914	

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses penjualan sebanyak 15,007 unit rumah dari Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau PPR MTEN pula telah diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT dan 22 kawasan PPR MTEN telah terlibat dengan program ini. Program penjualan-penjualan ialah:-

- (i) PPR Jalan Lapangan Terbang Lama ataupun lebih dikenali sebagai PPR Seri Alam sebanyak 790 unit;
- (ii) PPR Cochrane sebanyak 694 unit;
- (iii) PPR Pekan Batu sebanyak 316 unit;
- (iv) PPR Sungai Bonus/Air Jernih ataupun Seri Semarak sebanyak 1,264 unit;
- (v) PPR Kampung Baru Air Panas Tambahan sebanyak 1,264 unit;

- (vi) PPR Ampang Hilir sebanyak 316 unit;
- (vii) PPR Pudu Ulu 360 unit;
- (viii) PPR Kampung Batu Muda sebanyak 914 unit;
- (ix) PPR Bukit Jalil (1) sebanyak 948 unit;
- (x) PPR Bukit Jalil (2) sebanyak 948 unit;
- (xi) PPR Kampung Muhibah sebanyak 1,264 unit;
- (xii) PPR Salak Selatan sebanyak 316 unit;
- (xiii) PPR Beringin sebanyak 948 unit;
- (xiv) PPR Taman Intan Baiduri sebanyak 917 unit;
- (xv) PPR Pekan Kepong sebanyak 316 unit;
- (xvi) PPR Lembah Pantai, Kerinchi sebanyak 948 unit;
- (xvii) PPR Linear City (1) atau Seri Anggerik sebanyak 316 unit;
- (xviii) PPR Linear City (2) Fasa 2 sebanyak 632 unit;
- (xix) PPR Linear City Fasa 2 Seri Cempaka sebanyak 316 unit;
- (xx) PPR Taman Wahyu sebanyak 316 unit;
- (xxi) PPR Kampung Malaysia Permai atau Raya Permai sebanyak 632 unit;
- dan
- (xxii) PPR Projek Khas Sungai Besi-Desa Petaling sebanyak 316.

Keseluruhan adalah sebanyak 15,007 unit daripada 52 blok PPR. Kementerian telah memutuskan...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta penjelasan sikit mengenai dengan penjualan rumah PPR ini yang mana kita tahu sebelum ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun menjual beberapa unit rumah PPR kepada penghuni-penghuni rumah PPR yang mana dia menjual bukan satu blok. Dia hanya memilih unit-unit yang tertentu untuk dijual.

Kalau kita lihat di Jalan Pekeliling sekarang ini, ada lagi empat atau lima blok rumah pangsa di Jalan Pekeliling dan dalam blok itu hanya ada sepuluh ataupun lima belas unit pemilik rumah yang enggan berpindah walaupun telah diminta untuk berpindah. Ini kerana mereka memiliki rumah dan mereka ada masalah tentang penjualan harga yang tidak bersetuju. Adakah unit-unit baru ini yang akan dijual oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada pemilik-pemilik mengikut unit ataupun seluruh blok tersebut. Oleh kerana kalau kita pilih-pilih unit Tuan Yang di-Pertua, ada yang beli dan ada yang sewa.

Apabila kerajaan hendak membuat sesuatu projek 10-15 tahun yang akan datang, akan menyusahkan sebab ada yang memiliki unit tersebut dan ada yang menyewa. Jadi saya harap pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat memberi penjelasan. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak pernah memilih kasih ataupun memilih mana-mana pihak yang tertentu untuk menjual rumah.

Akan tetapi apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membuat keputusan untuk menjual rumah, isu itu juga bergantung kepada beberapa syarat-syarat tertentu. Yang mana pemilik ataupun penyewa tidak dibenarkan memiliki rumah di radius lebih kurang 35km daripada Kuala Lumpur. Itu yang pertama. Isu yang kedua, dari segi status kewangan penghuni sendiri. Apabila kita membuat keputusan untuk menjual rumah di mana status kewangan penghuni tidak mengizinkan mereka memperoleh rumah tersebut, maka kita tidak bolehlah menghalau mereka daripada rumah itu. So, ini dua isu penting di mana kenapa golongan-golongan tertentu saja membeli di dalam satu blok.

Walau bagaimanapun, setiap rumah akan dijual kepada penyewa sendiri. Bukan secara blok atau tidak. Walau bagaimanapun, Kabinet telah memutuskan bahawa semua penyewa PPR boleh memohon untuk membeli rumah PPR ini tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Seorang penghuni tidak layak untuk memohon sekiranya telah berpindah keluar, tidak menduduki mana-mana rumah PPR, dipindahkan secara sementara ke PPR dan menduduki PPR atas dasar kuarters. Walau bagaimanapun, pandangan ataupun cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita mengambil secara terbuka dan mencari jalan untuk mengatasi isu-isu seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagikah jawapan?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Sikit lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan penting sebab saya yang bangkitkan soal rumah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya menerima banyak rungutan dan juga pandangan daripada penyewa-penyewa rumah di Kuala Lumpur ini iaitu di mana mereka telah lama menyewa rumah dan mereka berhasrat untuk memilikinya tetapi tidak dapat. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah diletakkan syarat-syarat tertentu umpamanya tiga atau lima tahun dapat rumah?

Oleh sebab, saya dapati sekarang ini tidak ada satu *time* ataupun masa tempoh yang sesuai yang diberikan oleh pihak bandar raya. Saya dengar khabar ada yang tiga tahun sudah dapat beli, ada lima tahun sudah dapat beli tetapi ada yang sepuluh tahun pun tidak dapat beli. Jadi sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa Kabinet telah pun membuat keputusan dan meletakkan syarat. Akan tetapi saya ingin penjelasan tentang masa ataupun tempoh berapa lama.

Keduanya, saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya diperbanyakkan lagi rumah-rumah untuk dijual. Umpamanya kena ada perancangan selepas berapa tahun. Tiga tahunkah, lima tahunkah beri sewa dan penyewa itu layak membeli, kemudian buatlah rumah baru. Janganlah bergantung harap kepada sewaan rumah saja sebab di Kuala Lumpur ini status keperluan cukup-cukup tinggi. Ini merupakan satu masalah sosial yang begitu ketara. Saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil

langkah-langkah yang lebih drastik dalam memberikan cukup rumah dan tempat tinggal pada tahun depan dan tahun-tahun seterusnya. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih atas pandangan ataupun cadangan oleh Yang Berhormat. Kuala Lumpur seperti mana yang saya maklumkan di Dewan yang mulia ini tadi kita telah mula bina rumah-rumah PPR sejak tahun 1956 di mana Loke Yew merupakan kawasan pertama kita telah membina rumah PPR. Walau bagaimanapun, sebelum ini kita tidak ada sebarang garis panduan ataupun keputusan daripada Jemaah Menteri untuk menentukan tempoh bilakah kita boleh menjalankan kerja-kerja penjualan.

■1210

Walaupun bagaimanapun, kini Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk mengatasi masalah ini. Maka isu ini akan diatasi dengan kadar yang segera. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga berhasrat untuk menambahkan rumah-rumah PPR di Wilayah Persekutuan dan saya dijangka rumah-rumah baru PPR di Wilayah Persekutuan akan di siap dalam masa tempoh dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan membangkitkan beberapa isu. Isu pertama yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pembinaan pusat penjaja dikatakan membazir.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan kompleks dan pusat-pusat penjaja di Kuala Lumpur bertujuan untuk menaik taraf perniagaan. Peniaga-peniaga sedia ada dengan penempatan mereka di satu bangunan dan mempunyai kemudahan moden dan terkini. Pembinaan pusat penjaja yang baru adalah perlu bagi menampung tambahan ruang niaga yang diperlukan. Mengurangkan kos penyelenggaraan serta meningkatkan kemudahan bangunan seperti sistem perparitan, air dan elektrik juga turut teratur. Justeru tidak timbul isu pembaziran dalam pembinaan pusat-pusat penjaja tersebut. Namun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedar akan masalah segelintir para penjaja yang tidak mahu berpindah ke pusat penjaja yang baru ini. Tindakan untuk menangani masalah ini sedang dijalankan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang dalam proses untuk menggubal dasar-dasar penjaja Wilayah Persekutuan yang komprehensif untuk menangani pelbagai isu pembangunan penjaja di Wilayah Persekutuan. Bagi tujuan yang sama kementerian juga telah melaksanakan dasar penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 26 hingga 29 Julai 2006 dan Kongres Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan pada 14 Ogos 2008. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat para penjaja dibenarkan untuk menjaja di tepi-tepi jalan. Namun begitu beberapa syarat utama mestilah dipatuhi. Antara syarat-syarat penting tersebut ialah para penjaja mestilah mendapatkan ataupun mempunyai lesen berniaga di kawasan yang ingin diniagakan.

Kawasan tersebut juga mestilah bersesuaian dengan dijadikan kawasan perniagaan dengan tidak menghalang lalu lintas dan tidak berada di persimpangan jalan. Para penjaja juga dibenarkan berniaga menggunakan van, penggunaan had masa yang tertentu kepada penjaja

bergerak telah diguna pakai dalam pelaksanaan operasi perniagaan mereka. Syarat-syarat utama seperti yang telah saya sebutkan tadi perlulah juga dipatuhi. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat sehingga kini seramai 147 penjaja telah beroperasi secara bergerak. Pemberian lesen kepada para penjaja ini adalah amat penting. Para penjaja tidak boleh sewenang-wenangnya menjaja di mana-mana kawasan yang mereka inginkan. Langkah ini adalah bertepatan bagi memastikan pemandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa terjaga.

Jumlah keseluruhan penjaja di seluruh Wilayah Persekutuan adalah seramai 50,390 orang. Sebanyak 15,956 penjaja menjalankan operasi mereka di pasar-pasar berbangunan dan terbuka. Manakala sebanyak 3,927 penjaja beroperasi di pusat-pusat penjaja.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak ucap tahniah kepada Timbalan Menteri ini. Tuan Yang di-Pertua kerana Timbalan Menteri ini dia selalu turun padang. Kalau Menteri ataupun Timbalan Menteri yang turun padang dia boleh mengetahui perkara yang sebenar. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri ini diturun seluruh wilayah tetapi saya hendak minta, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa penubuhan pusat-pusat penjaja ini tidak membazir.

Saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong turun ke padang terutamanya di PPR Desa Tun Razak. Pergi tengok pusat penjaja di Desa Tun Razak itu. Paling banyak Tuan Yang di-Pertua, dua ataupun tiga seperti saya katakan hidup segan, mati tidak mahu. Itu salah satu dan satu lagi di pusat penjaja Taman Maluri. Dia ada lebih kurang 30 lebih kedai Tuan Yang di-Pertua, yang buka boleh dikatakan dalam 12 ataupun 13 itu di sebelah tengah hari. Hidup segan, mati pun tidak mahu. Jadi Timbalan Menteri boleh merasai dengan sendiri sama ada pusat penjaja ini membazir ataupun tidak. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan melawat kedua-dua kawasan ini. Akan tetapi mengenai pusat penjaja Taman Maluri ini isu dia jauh berbeza daripada pusat penjaja yang lain. Di mana pusat penjaja Taman Maluri ini berhampiran dengan Pasar Pudu. Lebih kurang jarak 10 minit daripada Taman Maluri ke Pasar Pudu tetapi dari segi harga penjualan di pasar-pasar Pudu dan Taman Maluri, Pasar Pudu lebih murah daripada Taman Maluri. Maka penduduk sekitar jarang pergi ke Taman Maluri. Mereka lebih berminat pergi ke Pasar Pudu kerana harganya terlalu rendah. Ini salah satu punca kenapa kita tidak menjalankan banyak operasi di Taman Maluri.

Walau bagaimanapun kita tidak hendak lari daripada tanggungjawab. Kita akan cari jalan, ini kita ambil sebagai masalah Kuala Lumpur ataupun masalah kementerian dan mengkaji dan mencari jalan untuk mengatasi isu ini. Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya Ahli Yang Berhormat juga turut membangkit isu mengenai Pasar Keramat. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat tangga bukanlah hanya satu-satu mekanisme untuk memudahkan para peniaga di Pasar Dato' Keramat mengangkat barang dagangan mereka. Terdapat juga kemudahan-kemudahan lain yang dibangunkan seperti lif yang dikhaskan untuk

mengangkat barangan dan *escalator* dengan izin, bagi memudahkan para peniaga dan pengunjung ke pasar tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan menambahbaikkan kemudahan-kemudahan di pusat-pusat penjaja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersedia untuk membuat kajian dan mendapatkan pendapat awam sebelum sesuatu projek dibina ataupun sebelum dilancarkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga turut dalam membangkitkan isu permohonan penduduk setinggan untuk berpindah di mana Yang Berhormat memohon Kementerian Wilayah Persekutuan ambil perhatian berkenaan masalah permohonan penduduk setinggan untuk berpindah. Kenapa setinggan-setinggan ini tidak dipindahkan lagi? Bagi makluman Ahli Yang Berhormat program pemindahan setinggan yang dilaksanakan pada masa ini adalah selaras dengan dasar setinggan sifar ataupun '0' setinggan.

Program pemindahan setinggan ini dilaksanakan bagi memberi laluan bagi projek-projek pembangunan serta menghindarkan daripada kes-kes bencana alam. Bagi melaksanakan program ini perkara utama yang diambil kira ialah kekosongan unit PPR sedia ada dan bilangan setinggan yang berada di tapak. Sehingga Julai 2008 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memindahkan 19,987 keluarga setinggan ke PPR. Bagi setinggan yang masih berada di tapak kerajaan ialah 9,023. Walau bagaimanapun, jumlah ini dianggarkan akan berkurangan menjelang penghujung tahun 2008 memandangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang giat melaksanakan pemindahan setinggan-setinggan ini.

Sebelum ini apabila Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil langkah-langkah untuk memindahkan mereka daripada kawasan setinggan ke rumah-rumah PPR ada juga permintaan daripada penduduk setinggan sendiri di mana mereka merayu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil kira bahawa pertengahan tahun di mana anak-anak mereka masih bersekolah. Mereka merayu supaya pemindahan ini dibuat dalam bulan November atau Ogos supaya anak-anak mereka boleh ke sekolah baru pada permulaan tahun. So, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil kira permintaan-permintaan seperti ini dan menangguhkan beberapa notis pemindahan setinggan.

Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini kita akan pastikan Kuala Lumpur menjadi '0' setinggan menjelang tahun 2009. Status pemindahan setinggan dari tahun 1998 hingga hari ini 2008 mengikut kawasan-kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

Kawasan	Setinggan (Jum. Ribu)	Telah dipindahkan (Jum. Ribu)	Baki
Kepong	2,125	1,348	807
Lembah Pantai	3,689	2,622	1,067
Segambut	2,825	2,416	409
Seputeh	925	429	496
Wangsa Maju	2,609	2,095	514
Bukit Bintang	1,531	942	589
Batu	2,654	948	1,706
Bandar Tun Razak	2,230	1,618	612
Titiwangsa	1,200	526	674

Setiawangsa	1,796	1,416	350
Cheras	2,795	996	1,799

■1220

Jumlah kekosongan unit PPR yang sedang dalam proses pengisian sehingga November 2008 adalah berjumlah 4,747 unit. Jumlah ini tidak termasuk PPR yang masih belum diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu PPR Bukit Jalil 1, PPR Bukit Jalil 2, PPR Seri Alam Fasa 2, dan PPR Kepong. Pecahan kekosongan adalah seperti berikut:

PPR	Jumlah (Bil. Unit)	Pengisian (Bil. Unit)	Kekosongan (Bil. Unit)
Desa Petaling	632	527	105
Raya Permai			379

Beringin			64
Intan Baiduri			67
Kampung Air Panas			428
Pantai Ria			525
Batu Muda			580
Kerinci			525

Seri Malaysia			361
Lain-lain			24

Jumlah kekosongan yang masih sedia ada untuk menampung permintaan penduduk setinggan adalah 4,747 unit. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya amat prihatin akan perpindahan setinggan-setinggan yang jauh dari kediaman asal mereka. Walau bagaimanapun, bagi mencapai sasaran setinggan sifar, pemindahan setinggan-setinggan ini ke PPR yang berada di luar kawasan Parlimen yang mereka diami tetap perlu dilaksanakan kerana unit-unit PPR yang berdekatan telah pun penuh.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dari segi dasar telah bersetuju untuk penempatan semula ini dibuat secara sementara. Contohnya, apabila penduduk setinggan daripada Titiwangsa berpindah ke Bukit Jalil, surat aku janji akan ditandatangani di mana apabila kita telah menyiapkan perumahan PPR di Titiwangsa, mereka akan diberi peluang untuk kembali ke Parlimen yang asal.

Dato' Yip Kum Fook: Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan rumah PPR di Kepong belum diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Apa sebabnya kelewatan menyerahkan rumah PPR ini kerana ia telah siap agak lama, itu satu.

Kedua, di Taman Kepong, bersebelahan projek ini terdapat 520 unit setinggan yang sepatutnya akan diisi oleh pemaju swasta, tetapi projek tersebut terbengkalai sejak tiga tahun

kebelakangan ini iaitu Lee Garden. Saya ingin tahu apa usaha yang diambil oleh kementerian, jika ada, dalam membantu menyelesaikan projek terbengkalai kerana projek itu mengisi setinggan dan dapat menolong Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mencapai setinggan sifar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jawab dan selepas itu habiskan ucapan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Timbalan Menteri Penerangan sudah bersedia untuk memberi jawapan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Projek-projek PPR ini kadang-kadang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tiada sebab-sebab tertentu untuk mengelakkan daripada diserahkan kepada sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun penduduk setempat. Kadang-kadang ada juga kita ambil kira isu-isu mengenai keselamatan dan sebagainya. Satu isu keselamatan, sebab apabila bangunan itu ataupun blok itu disiapkan sama ada selamat atau tidak. Mungkin ada isu-isu teknikal di mana bukan begitu mudah hendak serahkan.

Yang kedua, isu-isu *infra*. Apabila kita membuat pemindahan penduduk setinggan, kita perlu ambil kira isu-isu yang lain di mana kebanyakan penduduk setinggan adalah daripada golongan miskin, maka kita harus peka dengan permintaan mereka di mana untuk menyediakan *public transport* dan sebagainya. So inilah salah satu sebab kenapa berlaku kelewatan untuk diserahkan kepada kementerian. Walau bagaimanapun, kita telah menjalankan program-program untuk mempercepatkan pembinaan.

Yang ketiga mengenai projek swasta bagi penduduk-penduduk setinggan, buat masa ini kementerian memindahkan penduduk-penduduk di tanah kerajaan sahaja. Apabila ada juga setinggan di kawasan swasta adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah itu sendiri. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa kerajaan prihatin untuk mengambil kira kedudukan mereka ataupun status mereka untuk memberi bantuan dari segi memberi rumah dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandini telah membangkitkan isu mengenai pembinaan kemudahan awam termasuk rumah ibadat di PPR. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi (PPR MTEN) bukan sahaja PPR MTEN, dari segi dasar kementerian telah bersetuju untuk memastikan adanya rumah-rumah ibadat bukan sahaja di kawasan PPR, tetapi di semua kawasan perumahan yang baru dibina. Kerajaan ataupun kementerian akan pastikan rumah-rumah ibadat untuk kaum-kaum yang bukan Melayu di semua kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan pada masa yang sama tidak mengizinkan mana-mana pihak untuk membina rumah-rumah ibadat baru tanpa keizinan daripada kementerian ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama rumah-rumah ibadat yang sedia ada tidak akan dirobohkan di Wilayah Persekutuan, tetapi apabila ada kemajuan ataupun pembangunan, kementerian akan mengenal pasti tanah alternatif untuk membina semula rumah-rumah ibadat yang sedia ada di

tanah kerajaan. Selain daripada itu, PPR Majlis Tindakan Ekonomi Negara juga ataupun PPR MTEN yang diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang terhad. Itu salah satu sebab kenapa kelewatan diserahkan. Saya ingat apabila MTEN serah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ada juga beberapa kemudahan yang tidak mencukupi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kemudahan-kemudahan awam yang terhad dan terletak di bawah blok seperti surau, kedai, tadika serta taman permainan kanak-kanak bagi memastikan penghuni-penghuni PPR sentiasa menikmati persekitaran serta suasana kehidupan yang selesa dan ceria. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil inisiatif merancang dan membina kemudahan awam di PPR tersebut secara *design and build*, dengan izin. Antara kemudahan awam yang dirancang untuk dibina di setiap PPR ini ialah pusat warga emas, pusat penjaja dan pusat komuniti yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan, gelanggang badminton, bilik serba guna atau dewan serba guna dan tadika untuk penduduk PPR.

Namun begitu perancangan penambahbaikan pembinaan kemudahan awam yang ada adalah tertakluk kepada faktor-faktor luar kawasan PPR yang berkenaan. Program-program atau projek pembinaan kemudahan awam di PPR MTEN ini telah dilaksanakan secara berperingkat mulai dari tahun 2006 dan masih lagi dilaksanakan sehingga sekarang dengan menggunakan peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri. Terdapat tujuh projek kemudahan dan sedang dalam proses pelaksanaan iaitu:

- (i) PPR Kampung Laksamana (pusat penjaja dan dewan serba guna);
- (ii) PPR Sri Alam (dewan serba guna dan surau);
- (iii) PPR Wahyu (dewan serba guna dan surau, pusat warga emas, tadika, taska, pusat penjaja);
- (iv) PPR Intan Baiduri (surau, pusat komuniti yang dilengkapi dengan tadika, taska, pusat warga emas dan dewan serba guna);
- (v) PPR Pekan Batu (surau dan pusat komuniti);
- (vi) PPR Semarak (dewan serba guna dan surau); dan
- (vii) PPR Kampung Baru Air Panas (surau dan pusat penjaja).

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selaras dengan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya hidup dengan penuh harmoni, pembinaan rumah-rumah kos rendah dan PPR sememangnya mengambil kira elemen-elemen sensitiviti budaya dan agama masyarakat yang berbilang bangsa. Sementara usaha yang telah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur setakat ini adalah dengan menyediakan ruang tempat pengurusan mayat bukan Islam.

Akhirnya, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli bin Iberahim telah membangkitkan isu mengoptimalkan pembangunan di kawasan sekitar stesen-stesen LRT. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap cadangan pembangunan yang bakal dilakukan di kawasan sekitar stesen-stesen LRT perlulah mendapat kelulusan

perancangan terlebih dahulu. Di samping itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya boleh melaksanakan pembangunan di kawasan terbabit sekiranya tanah yang terlibat merupakan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun tanah kerajaan.

■1230

Terdapat juga pembangunan perumahan dan komersial yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur di sekitar kawasan stesen LRT seperti projek Menara Orkid di Bandar Baru Sentul, Bandar Tasik Permaisuri dan Cheras. Projek ini akan diperluaskan ke beberapa kawasan stesen LRT yang lain secara berperingkat-peringkat seperti di Stesen LRT Jalan Jelatek, Stesen LRT Bandar Tasik Selatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga membangkitkan isu mengenai kebersihan sungai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sentiasa menjalankan program pembersihan sungai dari semasa ke semasa. Pelaksanaan projek pembersihan sungai ini dijalankan secara kontrak berpenggal antara dua hingga tiga tahun. Di antara kerja-kerja yang dilakukan adalah:

- (i) melaksanakan pungutan sampah di sepanjang sungai;
- (ii) memasang perangkap sampah di sungai;
- (iii) melaksanakan kerja-kerja mengorek kelodak sungai; dan
- (iv) melaksanakan kerja-kerja pembaikan tebing-tebing sungai.

Akhir sekali, sebelum saya mengakhiri jawapan, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009. Segala cadangan dan teguran akan diambil sebagai satu langkah untuk memperbaiki kedudukan kementerian. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah yang saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan mengenai permohonan temu janji untuk penduduk-penduduk Kampung Sungai Kerayong dengan salah seorang pengarah. Jawapan yang diberi "Dalam perhatian jabatan ini". Ini sudah sebulan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bila dapat jumpa untuk menyelesaikan masalah-masalah penduduk setinggan ini. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, isu perkara ini telah dibawa ke peringkat kementerian dan kementerian juga telah menegur dengan pegawai tersebut. Tuan Yang di-Pertua, manusia sebagai insan yang tidak boleh lari daripada kesilapan dan kesalahan. Ada juga pegawai buat sesuatu kesilapan di mana tidak membaca permohonan tersebut. Kita sebagai insan tidak boleh lari daripada kesilapan dan ini bukanlah satu kesilapan yang besar ataupun jenayah berat. Walau bagaimanapun, saya berjanji kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian akan pastikan kesilapan-kesilapan seperti ini tidak akan berulang pada masa-masa yang akan datang. Saya akan mengatur perjanjian Yang Berhormat dengan pengarah perumahan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu yang hendak dengar, jawapan itu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Untuk mengatasi masalah itu dengan kadar yang segera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Silakan Yang Berhormat.

12.32 tgh,

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Assalamualaikum dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2009 di Dewan yang mulia ini.

Pertama, saya mohon untuk merujuk kepada perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Mumtaz binti Md. Nawi yang mencadangkan supaya kementerian membuat pindaan kepada seksyen 326, Kanun Tanah Negara berkaitan penggunaan kaveat luar supaya boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah Syariah. Ini kerana pada masa ini hanya Mahkamah Sivil sahaja yang mempunyai bidang kuasa dalam perkara ini dan ini menyulitkan tindakan-tindakan tuntutan tanah bagi pasangan-pasangan yang bercerai.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dijelaskan bahawa seksyen 326, Kanun Tanah Negara termaktub perkara berkaitan pemotongan kaveat persendirian oleh pendaftar hak milik. Dalam peruntukan KTN yang sedia ada, mahkamah boleh mengeluarkan perintah kepada pendaftar untuk melanjutkan tempoh notis permohonan pemotongan kaveat persendirian. Takrif Mahkamah dalam seksyen 5, Kanun Tanah Negara ialah Mahkamah Tinggi Malaya. Di bawah peruntukan seksyen 420, Kanun Tanah Negara, Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan perintah perletakhakan dengan izin, *vesting order* mengenai tanah.

Sehubungan dengan cadangan Yang Berhormat, pihak kementerian dan saya sendiri memahami banyak masalah yang dihadapi dalam hal-hal tuntutan perceraian ini mengambil maklum dan akan mengkaji kemungkinan pindaan Kanun Tanah Negara yang mana akan melibatkan banyak pihak termasuk pihak Jabatan Tanah dan Galian juga pihak-pihak berkuasa di peringkat negeri dan juga Pejabat Peguam Negara untuk dikaji implikasi undang-undang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Mumtaz bin Md. Nawi juga berkaitan dengan masalah banjir dan juga hakisan di Pantai Sabak dan juga masalah banjir di Sungai Golok. Untuk makluman bersama, kita dapati bahawa projek mengawal hakisan pantai dan juga yang telah dilaksanakan di Pantai Sabak, Kelantan dan didapati ia telah berjaya mengawal hakisan sepenuhnya di kawasan-kawasan dibina benteng penahan hakisan. Sehingga kini, projek mengawal hakisan pantai telah dilaksanakan di Pantai Dasar Sabak, Kuala Kitang, Kampung Kemeruk dan Kampung Teritam dengan panjang pantai yang dilindungi ialah sepanjang 2.1 km yang melibatkan tiga projek dengan peruntukan melebihi RM6 juta.

Hakisan yang masih berlaku adalah di kawasan yang belum dibina iaitu sepanjang 1.28 km di mana penahan hakisan akan dibina dengan peruntukan RM9.785 juta. Semalam, di dalam laporan perbualan saya dengan Yang Berhormat, Yang Berhormat ada menyatakan bahawa ada benteng ataupun tambak-tambak yang telah dibina ini, apabila dibina kesan limpahan dan banjir itu berlaku pula di kawasan yang lain.

Perkara ini akan saya buat siasatan dan susulan selanjutnya. Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Senator Mumtaz berkenaan masalah Sungai Golok, kerajaan yang ada pada hari ini sangat prihatin di atas masalah yang dihadapi oleh penduduk di sepanjang Sungai Golok iaitu panjangnya 96 km. Air naik pada musim-musim tengkujuh adalah di antara 1 hingga 1.5 meter dan ada masanya banjir ini berlarutan sehingga dua minggu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagai langkah jangka pendek, kita dapati di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM5 juta telah digunakan untuk mengorek dan mendalamkan Sungai Golok ini.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, RM10 juta telah diperuntukkan. Sementara itu pada masa ini, kerja-kerja pembinaan penstabilan tebing yang melibatkan peruntukan RM40 juta telah dimulai pada Jun 2008 dan dijangka siap pada April 2009. Selain daripada itu, satu kajian di mana juru perunding telah dilantik untuk melaksanakan kajian yang lebih terperinci bertajuk dengan izin "*Proposed Sungai Golok (KESBAN) Protection Scheme*" juga sedang dilaksanakan. Ini bermakna bahawa sungai ini dan masalah yang dihadapi oleh rakyat sepanjang sungai ini akan mendapat perhatian dan tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah masalah banjir yang dibangkitkan secara umum oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang telah bertanya akan keberkesanan program penyelenggaraan sungai bagi mengelakkan ataupun mengurangkan masalah banjir di seluruh negara. Untuk tujuan ini kita dapati bahawa kerajaan melalui Jabatan Parit dan Saliran, sepanjang tahun menganjurkan kerja-kerja pembersihan sungai yang melibatkan pengorekan dan pengeluaran halangan-halangan yang ada di sungai-sungai.

■1240

Kita dapati bahawa peruntukan yang diperoleh adalah sebanyak RM35.5 juta sahaja manakala peruntukan untuk semua sungai yang didaftarkan ialah sebanyak RM151.4 juta. Oleh itu, kerajaan melalui kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi supaya dapat diberi geran tahunan penyelenggaraan sungai kepada kerajaan negeri berdasarkan daftar sungai negeri-negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

12.40 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Assalamualaikum dan selamat tengah hari. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Bajet 2009 di peringkat dasar. Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius terhadap semua pandangan, saranan, cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Saya akan menjawab mengikut tajuk-tajuk isu yang telah dibangkitkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, orang kurang upaya. Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin mencadangkan supaya Majlis OKU melaksanakan kempen-kempen keprihatinan masyarakat terhadap OKU serta mewujudkan satu pusat perubatan komuniti dan pusat pemulihan OKU yang dilengkapi dengan alat-alat terkini yang canggih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program advokasi yang bertujuan untuk meningkatkan keprihatinan masyarakat terhadap OKU sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa oleh kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Di antara program-program yang dijalankan ialah dengan izin, OKU *talks*, ekspo pekerjaan bagi OKU, sukan *Special Olympics*, dialog bersama pertubuhan bukan kerajaan OKU, program simulasi, dengan izin, *disability quality training* dan juga melalui program *outrage* seperti yang dijalankan oleh Unit MAYANG Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terdapat di seluruh negeri. Namun begitu, sebagai usaha menyemarakkan lagi kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap OKU, kedua-dua cadangan Ahli Yang Berhormat seperti mana dibangkitkan akan di bawa untuk pertimbangan Majlis Kebangsaan bagi OKU.

Mengenai program-program pemulihan untuk membantu OKU menjalani pemulihan dan latihan yang bersesuaian, aktiviti yang disediakan meliputi pemulihan cara kerja dan pemulihan anggota yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan di bawah kelolaan JK M seperti Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP), Taman Sinar Harapan (TSH) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ataupun lebih dikenali dengan PDK. Pusat-pusat pemulihan ini sememangnya dilengkapi dengan alat-alat pemulihan yang terkini seperti *treadmill* untuk latihan dan berjalan, *agometer cycle* latihan berbasikal, *varpa joulesystem* latihan kecekapan untuk bekerja, bilik *multi-sensory* untuk latihan rangsangan meliputi rangsangan penglihatan, pendengaran dan sentuhan, kolam hidroterapi, teknik rawatan air terutama kepada mereka yang mengalami lumpuh anggota, peralatan simulasi untuk memandu, *contract SMJ* iaitu peralatan senaman, biometrik *healing system* peralatan untuk senaman penilaian, *balance trainer system* untuk keseimbangan dan Mio-200 iaitu terapi elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain ingin tahu sistem pendaftaran OKU yang akan dilaksanakan serta jenis sistem yang digunakan untuk mendaftar golongan ini manakala Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra meminta pangkalan data ini dikemas kini secara berkala dan mengambil kira jenis-jenis kecacatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran OKU adalah secara sukarela oleh OKU ataupun keluarga mereka dan masih kita laksanakan secara manual. Sehingga akhir

bulan Jun 2008, bilangan OKU yang berdaftar dengan JKM adalah seramai 233,939 orang sahaja mengikut enam kategori ketidakupayaan yang telah ditentukan.

Sebagai langkah memperkemas lagi sistem pendaftaran OKU, kementerian telah memulakan projek perintis pendaftaran OKU secara berkomputer pada bulan September 2006 di JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sistem ini dikenali sebagai Sistem Maklumat Orang Upaya (SMOKU). Sistem ini sedang diperkemas dan ditambah baik oleh kementerian bagi membolehkan permohonan pendaftaran OKU dibuat secara talian ataupun *online*, dengan izin, dan diperluaskan pelaksanaannya di seluruh negara. SMOKU dijangka akan dapat dilaksanakan sepenuhnya menjelang awal tahun 2009 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seluruh negara menjelang pertengahan tahun 2009. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem yang sedang ditambah baik ini telah mengambil kira perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan pengemaskiniannya akan dibuat dan berterusan secara berjadual.

Yang Berhormat Senator Puan GK Loga Chitra seterusnya mencadangkan supaya diwujudkan kerjasama antara JKM dan PERKESO bagi menjalankan tugas-tugas pengemaskinian data bagi membela nasib golongan OKU. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa menjalin kerjasama rapat dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan yang berkaitan termasuk PERKESO dalam usaha memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tajuk wanita, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi mencadangkan supaya...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi ke tajuk wanita. Masalah OKU yang saya bangkitkan hari itu bahawa apabila kita mendaftar sebagai ahli OKU ini kita dapat kad. Maknanya kita sebagai ahli kepada pendaftaran OKU tetapi permasalahan yang timbul ini ialah kad itu tidak melambangkan apa-apa. Hari ini kerajaan mengeluarkan pelbagai peruntukan untuk elaun-elaun kepada OKU-OKU ini. Kad itu ada tetapi tidak dapat elaun juga. Ini permasalahan yang berlaku di kawasan-kawasan kita. Apakah sebabnya? Apakah sistem yang digunakan menyebabkan bila dia sudah ada kad tetapi dia langsung tidak dapat elaun. Hendak kena daftar ke mana lagi bagi menentukan bahawa mereka ini boleh mendapat elaun. Bukan dia hendak sangat elaun itu tetapi ini sudah diperuntukkan oleh kerajaan, dana ini pun sudah ada. Cuma kemas kininya yang tidak baik. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa terdapat sedikit kekeliruan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana pendaftaran untuk mendapatkan kad kenal diri OKU bukanlah secara automatik untuk terus menerima bantuan. Untuk mendapatkan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Skim Bantuan Elaun Pekerja Cacat ataupun permohonan untuk bantuan alat tiruan seperti kaki palsu, kerusi roda dan sebagainya kena memohon secara berasingan, Yang Berhormat. Namun kalau mendaftar untuk permohonan kad itu bolehlah terus mendaftar sekali, mengisi borang permohonan untuk bantuan yang difikirkan sesuai mengikut kategori yang ingin dipohon.

Yang Berhormat, sebenarnya kad kenal diri orang kurang upaya itu bukannya tidak melambangkan apa-apa kerana semua kemudahan dan juga manfaat yang diberikan oleh jabatan-jabatan, agensi termasuk oleh sektor pengangkutan awam dan swasta termasuk memohon untuk pengecualian bayaran sewaan telefon, pengecualian bayaran pasport antarabangsa, *accessibility*, yang lainnya juga memerlukan kad kenal diri OKU itu. Jadi, bukannya tidak melambangkan apa-apa, Yang Berhormat. Kalau pergi ke hospital sekali pun, untuk mendapatkan rawatan percuma, hospital kerajaan memerlukan kad kenal diri OKU itu. Jadi, ia memang berguna, Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Maksud saya elaun bulanan yang sepatutnya diterima oleh OKU ini, yang OKU ini tidak dapat.

Puan Noriah Kasnon: Faham Yang Berhormat. Elaun setakat ini yang diberikan kepada OKU bukannya secara automatik kerana ia ada mempunyai beberapa jenis. Satu, EPC iaitu sebagaimana yang saya katakan tadi, Elaun Pekerja Cacat, ia kena isi borang. Kalau memohon kad sahaja ia tidak secara automatik kerana kita tidak mengambil butiran untuk memohon bantuan. Jadi, kalau untuk Elaun Pekerja Cacat, sekiranya ia bekerja dengan majikan ataupun bekerja sendiri, di sektor swasta juga, pendapatannya di bawah RM1,200 sebulan, ia layak untuk memohon mendapatkan elaun pekerja cacat ini.

■1250

Kepada OKU yang pergi belajar di pusat pemulihan PDK kita juga menerima RM150 sebulan. Jadi terpaksa memohon Yang Berhormat dan kita juga menjalankan siasatan sebagaimana permohonan biasa. Walaupun mungkin pada sesetengah daripada masyarakat menganggap ia agak menyulitkan kerana tidak automatik tetapi kalau kita pergi kita boleh buat kedua-duanya sekali gus Yang Berhormat. Daftar dan juga isi borang permohonan mengikut keperluan yang sesuai kepada OKU berkenaan. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawī mencadangkan supaya bonus RM200 diberikan kepada suri rumah tangga sepenuh masa. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat belum bercadang untuk memberikan bonus RM200 kepada suri rumah tangga sepenuh masa. Cadangan ini jika dilaksanakan pastinya akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya suri rumah tersebut berada di bawah paras garis kemiskinan JKM iaitu berpendapatan isi rumah kurang daripada RM720 bagi Semenanjung, RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah dan Labuan maka mereka layak untuk memohon bantuan-bantuan sedia ada sama ada bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua untuk suri rumah yang melepasi 60 tahun atau juga bantuan am. Akan tetapi mestilah mengikut kriteria pendapatan yang telah kita tetapkan kerana Tuan Yang di-Pertua negara Malaysia bukanlah negara kebajikan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawī: Saya mohon laluan.

Puan Noriah Kasnon: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Saya mohon laluan.

Puan Noriah Kasnon: Saya izinkan tapi kalau boleh jangan kerap sangat kita berdialog. Nanti kita dialog di *coffee room* Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya di dalam kes ini saya mencadangkan dalam perbahasan asal, RM200 ini untuk dipotong dalam LHDN semasa pengiraan rebet cukai bukan *direct* oleh kementerian untuk bayar bonus kepada rakyat yang menjadi suri rumah sebenarnya. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Okey Yang Berhormat. Maaf ya sebab saya tidak dapat gambaran isu yang sebenarnya. Jadi insya-Allah kita akan panjangkan kepada pihak yang berkenaan kerana ianya bukan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tajuk ibu tunggal Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga mencadangkan supaya diwujudkan satu pangkalan data ibu tunggal untuk memudahkan pihak berkuasa memantau tentang nafkah anak kepada isteri-isteri yang diceraikan ataupun mungkin nafkah anak-anak kepada isteri yang diceraikan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya diadakan *one-stop-centre*, dengan izin, kepada ibu tunggal untuk memudahkan permohonan pembahagian pusaka kepada mereka yang kematian suami.

Cadangan-cadangan ini Yang Berhormat merupakan satu cadangan yang bernas dan amat baik. Walau bagaimanapun, setakat ini kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan *one-stop-centre* untuk urusan pembahagian pusaka bagi ibu-ibu tunggal yang kematian suami. Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum perkara berkaitan pembahagian harta pusaka untuk orang-orang beragama Islam adalah tertakluk di bawah hukum faraid dan peruntukan ini terkandung dalam undang-undang keluarga Islam dan undang-undang pentadbiran keluarga Islam di mana ianya tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi golongan bukan Islam pula peruntukan mengenai harta dan wasiat adalah di bawah undang-undang sivil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kementerian mempunyai satu profil ibu tunggal. Namun begitu profil ini belum dapat bertindak sebagai satu pangkalan data yang komprehensif untuk ibu tunggal. Profil ini perlu diperkemas dan ditambah baik lagi sebelum dapat dijadikan satu pangkalan data seperti mana yang kita sama-sama harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk program kebapaan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz turut mencadangkan supaya *syllabus* program kebapaan dimasukkan ke dalam kursus induksi pegawai awam untuk memastikan negara mempunyai keluarga yang harmoni. Untuk makluman, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sememangnya telah menjalankan program kebapaan kepada kaum bapa menerusi Modul Pancaran Kasih. Objektif modul ini adalah untuk:

- (i) memupuk sikap bapa lebih bertanggungjawab dan bekerjasama dengan ibu dalam urusan keluarga khususnya dalam pembinaan sahsiah anak-anak;

- (ii) menggalakkan kaum bapa supaya terlibat secara aktif dan proaktif dalam program aktiviti kekeluargaan bagi meningkatkan kemahiran kebapaan; dan
- (iii) menggalakkan amalan dan penghayatan positif sebagai *role model* kepada anak-anak serta memberi dorongan dan sokongan untuk kemajuannya.

Selain itu, LPPKN juga melaksanakan Program Keluarga@Kerja ataupun dengan izin *parenting at work* yang juga memberi ilmu keibubapaan dan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam ibu bapa mengimbangi keluarga dan kerjaya. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya pendidikan kebapaan dimasukkan dalam *syllabus* kursus induksi pegawai awam, kementerian perlu membawa perkara ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut dengan agensi pusat yang berkaitan iaitu JPA. Namun begitu input mengenai pendidikan kebapaan akan dimasukkan ke dalam kursus induksi khusus bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian dan agensi-agensi di bawah kementerian ini iaitu JKM, LPPKN, Jabatan Pembangunan Wanita, Institut Sosial Malaysia dan Institut Pengupayaan Wanita bagi Negara-negara Berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tajuk taska Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz turut menyarankan supaya taska ditubuhkan di perpustakaan awam dan di tempat-tempat awam. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat empat kategori taska di bawah Akta Taska 1984 Pindaan 2007 iaitu taska di tempat kerja, di institusi, di rumah serta di dalam komuniti. Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya taska ditubuhkan di perpustakaan awam dan tempat-tempat awam umum amat baik.

Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diperhalusi dengan lebih lanjut oleh kementerian. Sebanyak 102 buah taska di tempat kerja sektor awam dan 26 buah taska di tempat kerja sektor swasta yang berdaftar dengan JKM. Selain itu terdapat sebanyak 17 buah taska penyayang iaitu taska komuniti sehingga Disember 2008 yang diuruskan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan dengan kerjasama JKM.

Pada masa ini tempat-tempat jagaan ataupun *care centre*, dengan izin, untuk tempoh yang singkat diwujudkan di pusat-pusat membeli-belah dan tempat awam yang lain atas inisiatif syarikat-syarikat tertentu. Walau bagaimanapun, sekiranya kadar tempoh jagaan ini melebihi tiga jam dan sekurang-kurangnya tiga hari seminggu mereka adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai tajuk gender songsang Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz turut menyentuh mengenai perlunya kementerian mempunyai mekanisme untuk menghalang agenda gender songsang. Saya suka maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memang amat peka terhadap gender songsang yang kian membimbangkan pada hari ini.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian kementerian isu ini agak berbeza daripada isu-isu gejala sosial yang lain seperti jenayah dan juga penyalahgunaan dadah. Kementerian berpendapatan bahawa pengukuhan institusi keluarga merupakan perkara asas

dalam menangani masalah sosial sedemikian. Kementerian melalui LPPKN akan mengambil pendekatan pencegahan dan pembangunan ataupun dengan izin *preventive and developmental* melalui program pendidikan yang dilaksanakan kepada golongan remaja dan ibu bapa berdasarkan modul-modul pendidikan keluarga sedia ada iaitu pakej modul kasih di seluruh negara.

Unsur kepada isu ini juga akan diambil kira di bawah program-program kaunseling yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah kementerian. Selain itu tidak kurang pentingnya adalah inisiatif daripada ibu bapa sendiri untuk mengukuhkan didikan agama kepada anak-anak sebagai usaha menghalang mereka daripada mudah terjebak kepada gejala gender songsang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain mencadangkan supaya peruntukan kepada MPWK ditambah supaya Program Jejari Bestari dapat dilaksanakan dengan lebih kerap. Kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan Ahli Yang Berhormat terhadap program-program pembangunan wanita yang dilaksanakan oleh kementerian melalui MPWK.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya peruntukan kewangan tahunan untuk MPWK ditambah ianya akan diteliti oleh kementerian dengan sedalam-dalamnya kerana peruntukan tahunan yang disediakan oleh kerajaan kepada kementerian juga sangat terhad. Untuk makluman Yang Berhormat selain pelaksanaan program di bawah MPWK dan jejari bestari kementerian melalui Jabatan pembangunan Wanita (JPW) turut melaksanakan pelbagai lagi program pembangunan wanita di bawah bidang keutamaan seperti berikut:

- (i) latihan peningkatan kapasiti;
- (ii) kepekaan gender;
- (iii) literasi undang-undang;
- (iv) menangani keganasan terhadap wanita;
- (v) pengurusan emosi; dan
- (vi) peningkatan kapasiti wanita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya ganggu sekejap. Boleh saya tahu berapa lama lagi Yang Berhormat perlukan masa untuk menghabiskan jawapan.

Puan Noriah Kasnon: Jika tidak banyak celahan Tuan Yang di-Pertua saya mungkin memerlukan dalam 15 ke 20 minit kerana walaupun enam orang sahaja Tuan Yang di-Pertua yang bercakap tetapi menyentuh sebanyak 21 isu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup Yang Berhormat boleh sambung lagi pada petang ini.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh sambung.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sambung dulu baru ganggu.

2.33 ptg.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung jawapan. Bagi tajuk warga emas...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat bangun pasal apa?

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin memohon laluan untuk memberikan sedikit penjelasan dan juga pembetulan tentang jawapan kementerian yang saya telah sampaikan pada 16 Disember 2008 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada jawapan kementerian, pada pertanyaan Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee pada 15 Disember 2008 berkaitan dengan penggunaan tali pinggang keledar belakang.

Kementerian ini ingin menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan saman olok-olok. Justeru, ingin menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan saman olok-olok itu ialah sebenarnya notis peringatan terakhir yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan di mana bertujuan untuk menasihati pemandu dan penumpang kenderaan persendirian. Ini supaya memakai tali keledar belakang dan masa pengeluaran notis peringatan bertulis tersebut akan berlangsung selama 17 hari bermula pada 15 Disember hingga 31 Disember 2008.

Pendekatan notis peringatan tersebut ialah masa peringatan terakhir di bawah Program Perkhidmatan Nasihat yang telah bermula pada 1 Jun 2008 yang lalu untuk menyedarkan masyarakat mengenai dengan operasi saman yang akan bermula pada 1 Januari 2009 di atas kegagalan pemakaian tali keledar di belakang. Kementerian juga ingin menjelaskan dan membetulkan bahawa usia kanak-kanak yang dikategorikan 17 tahun ke bawah dan bukan 15 tahun ke bawah seperti yang dinyatakan sebelum ini, yang tidak memakai tali keledar di belakang, saman hanya dikenakan kepada pemandu dan bukan kepada kanak-kanak tersebut.

Bagi mereka yang berumur 17 ke atas dan tidak memakai tali keledar di belakang, saman akan dikenakan kepada individu tersebut bukannya kepada pemandu. Sekian untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan saya bagi pihak kementerian memohon maaf atas kesulitan yang berlaku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ianya akan dicatatkan sebagai pembetulan dalam penggulungan perbahasan bagi pihak kerajaan. Terima kasih. Yang Berhormat boleh sambung.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi tajuk warga emas, Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah turut membangkitkan mengenai terdapatnya permohonan warga emas yang miskin dan memerlukan bantuan yang sudah lama dipohon. Akan tetapi masih belum menerima jawapan dan mahupun JKM mempunyai pegawai yang bagus, mahir dan mampu untuk mengumpul maklumat serta mengenal pasti warga emas yang benar-benar miskin untuk menerima bantuan kebajikan. Ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sentiasa melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan keefisienan JKM dalam mengenal pasti dan mencari kumpulan sasar warga emas yang layak menerima bantuan dan mempercepatkan proses siasatan permohonan baru.

Antara langkah-langkah ini termasuklah bilangan pegawai dan pembantu pegawai kebajikan di peringkat daerah yang bertambah, kuasa meluluskan permohonan bantuan kebajikan juga telah diturunkan kepada pegawai-pegawai di peringkat daerah dan tempoh memproses bantuan telah dipercepatkan kepada satu bulan. Permohonan-permohonan baru yang dipohon untuk bantuan kebajikan bagi warga emas diperoleh daripada pelbagai sumber termasuklah kes-kes yang dirujuk oleh pemimpin masyarakat, Projek Cari dan data daripada sistem e-Kasih yang dikumpulkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU di Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai pegawai dan kakitangan JKM, saya ingin memaklumkan bahawa semua pegawai dan kakitangan sehingga ke peringkat daerah diberikan latihan yang sesuai dan mencukupi serta dilaksanakan secara berterusan sebelum dan semasa mereka ditempatkan di daerah. Oleh itu, dengan cara ini mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar warga kementerian termasuklah warga emas. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah juga ingin tahu mengenai mekanisme dan insentif untuk menarik syarikat-syarikat korporat bagi membangunkan rumah-rumah orang tua sebagai program tanggungjawab sosial korporat ataupun CSR mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di dalam Bajet 2009, kerajaan telah menaikkan insentif pengecualian cukai daripada 7% kepada 10% sebagai pengiktirafan kepada syarikat-syarikat korporat dan swasta yang menyediakan program bagi kumpulan sasar seperti membangunkan rumah-rumah orang tua dan juga rumah tunas harapan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tajuk mangsa bencana, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah juga mencadangkan supaya sistem wang pancar ataupun dengan izin *petty cash* disediakan di JKM daerah. Ini bagi membantu mangsa-mangsa bencana seperti banjir dan kerajaan mengadakan memorandum persefahaman dengan *hypermarket* yang berdekatan untuk memudahkan mangsa banjir membeli barang-barang keperluan.

Bagi membantu mangsa banjir dan bencana lain, JKM daerah mempunyai tabung bencana daerah yang diwujudkan di bawah Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara JPM. Tabung ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah merupakan salah seorang ahli dalam penyelarasan tabung bencana ini. Pembekal makanan, pakaian dan lain-lain keperluan mangsa bencana seperti banjir telah ditetapkan lebih awal dalam

jawatankuasa dan apabila bencana berlaku, barang-barang keperluan tersebut akan terus dihantar ke pusat-pusat pemindahan yang ditetapkan oleh JKM. Kementerian akan meneliti cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mewujudkan persefahaman dengan *hypermarket* tertentu untuk memudahkan mangsa bencana membeli keperluan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pesakit mental di institusi JKM, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah menyatakan adalah diperhatikan bahawa peranan kementerian dalam menjaga pesakit-pesakit mental tidak begitu jelas dan berpendapat bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai peranan yang sepatutnya dalam menjaga pesakit-pesakit mental. Untuk makluman Yang Berhormat, bidang kuasa merawat dan memulihkan pesakit mental memang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, JKM semasa menjalankan operasi menyelamatkan orang papa dan pengemis di bawah Akta Orang Papa 1977, boleh menyelamatkan mereka. Sekiranya didapati mereka menghadapi masalah mental mereka akan dirujuk ke hospital untuk tindakan lanjut.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua memang terdapat beberapa kes di mana mereka ini dihantar ke institusi JKM seperti yang terdapat di Rumah Sri Kenangan dan juga di Desa Bina Diri untuk perlindungan dan pemulihan tetapi dalam 37% daripada mereka, daripada penghuni ini mengalami masalah mental.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu pula menyatakan, bahawa dasar 30% wanita sebagai pembuat keputusan masih belum mencapai sasaran dan berharap semakin ramai golongan wanita memegang jawatan-jawatan kanan di sektor swasta dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, atau dengan izin, *Government Link Companies* (GLC). Dasar sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2004, telah menampakkan banyak kemajuan, Yang Berhormat, khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan.

Peningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dapat dilihat dalam sektor awam di mana bilangan wanita yang menyandang Jawatan Utama Sektor Awam, iaitu JUSA meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 26% pada tahun 2007 dan terus meningkat kepada 37.5% pada tahun 2008. Perkembangan terkini dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia juga amat memberangsangkan di mana, buat pertama kalinya wanita dilantik memegang jawatan Ketua Polis Negeri, manakala terdapat dua orang Naib Canselor wanita dan enam orang Timbalan Naib Canselor di universiti-universiti awam.

Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut menunjukkan perkembangan yang baik, di mana peratusan wanita yang terus meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008. Wanita yang berkhidmat sebagai duta besar meningkat daripada 10% pada tahun 2006 kepada 15.6% pada tahun 2007 dan sebagai Pesuruhjaya Tinggi Wanita daripada 4.3% pada tahun 2006 kepada 40% pada tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, di samping sektor awam, penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor korporat juga mula menampakkan kemajuan di mana peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008. Untuk syarikat-syarikat berkaitan GLC, berkaitan kerajaan ataupun GLC, peratusan wanita yang dilantik sebagai pengerusi hanya 5% dan ahli lembaga pengarah wanita yang dilantik ialah 13.4%, manakala wanita yang memegang jawatan eksekutif GLC hanya 2.6%.

Apa yang membanggakan kementerian Yang Berhormat, ialah pada hari ini di Dewan Negara ini, kita melihat sebanyak 26.7% Ahli Dewan Negara terdiri daripada wanita, berbanding 10.4% Ahli Dewan Rakyat wanita dan hanya sekadar 8% Ahli Dewan Undangan Negeri wanita. Syabas dan tahniah kepada rakan-rakan wanita di dalam Dewan Negara ini.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan seperti yang dihasratkan oleh kerajaan. Kementerian sedang di peringkat akhir merangka pelan tindakan bagi mencapai sekurang-kurangnya 30% di peringkat pembuat keputusan dan pelan tindakan tersebut akan melibatkan enam sektor seperti berikut:

- (i) Parlimen dan parti politik;
- (ii) Perundangan negeri, exco dan majlis tempatan;
- (iii) Sektor sivil dan syariah;
- (iv) Badan berkanun dan universiti;
- (v) Sektor awam; dan
- (vi) Sektor swasta

Pelan tindakan ini akan dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tajuk pengumpulan data, Yang Berhormat Senator Puan GK Loga Chitra mencadangkan agar JKM melibatkan pemimpin tempatan, Ketua Kampung, JKKKP dalam pengumpulan data dan maklumat penerima bantuan agar bantuan yang hendak diberikan sampai kepada penerima.

Bantuan kebajikan juga perlu dihebahkan supaya rakyat sedar dan tahu mengenai hak mereka yang disediakan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, jalinan kerjasama antara JKM dengan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan, ketua-ketua kampung dan juga Pengerusi JKKKP dalam pengumpulan data urusan rujukan individu atau keluarga yang memerlukan perkhidmatan daripada JKM telah sedia wujud.

Mereka juga sentiasa terlibat dalam mengenal pasti golongan yang memerlukan perkhidmatan JKM. Hebahan perkhidmatan dilaksanakan secara berterusan melalui edaran risalah, pameran, hari bersama pelanggan, media elektronik seperti radio dan televisyen dan boleh juga di akses melalui laman-laman web kementerian dan JKM. Selain itu, hebahan melalui media massa yang diaturkan dari masa ke semasa juga sentiasa dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Tabung Khas Bantuan, sebanyak RM25 juta yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2009 baru-baru ini, Yang Berhormat senator Puan GK Loga Chitra menyarankan supaya kerajaan mewujudkan sistem penyampaian yang cekap dan

boleh di akses oleh mangsa yang memerlukan. Pelaksanaan juga perlu lebih peka dan permasalahan sebenar mangsa yang memohon bantuan dapat diatasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tabung Khas berjumlah RM25 juta tersebut merupakan bantuan khas yang akan diberikan kepada keluarga miskin dan miskin tegar yang kehilangan punca pendapatan, secara mengejut seperti kematian ketua keluarga, pencari nafkah utama, serta mengejut, kecederaan yang melibatkan hilang punca pendapatan, kemalangan di tempat kerja bagi mereka yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai skim perlindungan dan hilang upaya akibat kemalangan atau musnah tempat bekerja bagi yang bekerja sendiri.

Tabung Khas mula beroperasi mulai tahun 2009. Pada masa ini kementerian sedang menyediakan garis panduan pengurusan tabung ini yang akan digunakan oleh pegawai JKM peringkat negeri dan daerah jajahan serta bahagian. Kementerian akan mengambil kira segala aspek yang berkaitan yang terlibat dalam pelaksanaan tabung tersebut bagi memastikan pelaksanaannya mematuhi matlamat penubuhan tabung berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan ketelusan dalam menyalurkan bantuan, satu Jawatankuasa Pemegang Amanah yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tabung Bantuan Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat akan ditubuhkan.

Jawatan ini akan bertanggungjawab memutuskan dasar dan tatacara penerimaan dan penggunaan, wang tabung bantuan khas ini selaras dengan tujuan penubuhan tabung berkenaan. Jawatankuasa ini akan menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan tabung bantuan khas yang disediakan dan dikemukakan seperti yang ditetapkan supaya peruntukan bagi tabung ini disalurkan dengan telus dan saksama serta tidak akan disalah guna.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat dalam pelaksanaan tabung ini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pemantauan dan proses permohonan bantuan. Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini telah memohon penjelasan mengenai pemantauan dan bantuan kebajikan yang dilaksanakan oleh kementerian serta tempoh masa yang diambil oleh JKM untuk seseorang memohon menerima bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui JKM melaksanakan pemantauan bantuan kebajikan melalui kaji semula kes, yang dibuat secara berkala. Ini adalah bagi memastikan mereka yang layak diberi bantuan yang sewajarnya, manakala mereka yang tidak lagi layak seperti yang sudah mampu berdikari akan diberhentikan bantuan kebajikan tersebut. Setiap permohonan bantuan yang diterima, diambil tindakan segera dengan menjalankan siasatan dan laporan untuk kelulusan bantuan dalam tempoh sebulan dan mereka yang layak akan menerima bantuan pada bulan berikutnya seboleh mungkin. Dalam kes-kes tertentu JKM boleh memberi bantuan segera sebagai *interim payment* dengan izin, tanpa perlu menunggu bayaran pada bulan berikutnya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran, semuanya akan diberikan perhatian oleh kementerian untuk melaksanakan

program-program dan aktiviti-aktiviti dengan lebih cekap dan berkesan demi kesejahteraan masyarakat seluruhnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Menteri Kerja Raya.

2.48 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu suka merakamkan ucapan terima kasih kepada tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan bajet 2009 bagi mesyuarat ketiga, penggal pertama. Insya-Allah saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Majid bin Mahap, mohon penjelasan mengenai status pelaksanaan *National Slope Master Plan*, yang sedang disediakan oleh JKR, namun masih belum disiapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kabinet pada 26 Mei 2004 telah pun bersetuju bahawa Kajian Pelan Induk Cerun Negara atau *National Slope Master Plan Study* dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya. Kajian Pelan Induk Cerun Negara ini bertujuan untuk mewujudkan dasar-dasar serta pelan tindakan untuk mengelakkan atau mengurangkan kejadian tanah runtuh daripada berlaku di seluruh Malaysia.

■1450

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga draf Pelan Induk Cerun Negara atau *National Slope Master Plan* ini telah siap sepenuhnya pada Disember 2008 dan kini di dalam semakan pengurusan atasan Jabatan Kerja Raya sebelum dihantar untuk urusan dan persetujuan oleh saya sendiri dan kajian ini seterusnya insya-Allah akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jemah Menteri untuk makluman dan arahan seterusnya.

Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang telah meminta penjelasan mengenai dakwaan bahawa perancangan projek Lebu Raya Senai – Desaru, Johor tidak sempurna hingga menyebabkan banjir lumpur berlaku setiap kali hujan turun. Juga telah mendakwa bahawa air dari projek telah disambung ke longkang kecil mengikut kawasan perumahan dan menginginkan kepastian mengenai siapakah yang meluluskan penyambungan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, longkang kawasan perumahan yang bersambung dengan kolam tadahan sementara telah wujud sebelum pembinaan Lebu Raya Senai - Desaru ataupun dikenali sebagai SDE dan kawasan tersebut sering kali mengalami masalah banjir setiap kali hujan lebat. Lokasi kolam tadahan sementara dan longkang tersebut terletak di luar dengan izin *right of way* Lebu Raya SDE. Walau bagaimanapun disebabkan kawasan pembinaan Lebu Raya Senai - Desaru berhampiran dan lebih tinggi daripada aras kawasan perumahan aliran air secara semula jadi akan mengalir dari tapak pembinaan membawa tanah ke kawasan yang lebih rendah iaitu ke kolam tadahan sementara dan mendapan terjadi.

Seterusnya tanah tersebut akan dialirkan ke parit di kawasan perumahan berikutan terdapat penyambungan dari kolam tadahan sementara ke longkang perumahan. Walau

bagaimanapun, bagi mengelakkan banjir lumpur daripada terjadi lagi syarikat konsesi sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan kolam tadahan kekal yang berupaya menampung kapasiti air yang banyak. Kelulusan untuk membina kolam tadahan kekal telah diperoleh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran manakala kelulusan prinsip telah diperoleh daripada Majlis Perbandaran Johor Tengah dan dijangka akan siap dalam tempoh dua bulan lagi.

Di samping itu, syarikat konsesi juga telah membina dengan izin *slip trap* yang dilengkapi dengan lapisan *geo-textile* sebagai *filter membrane* untuk menapis lumpur di kolam tadahan sementara. Pada masa yang sama, kerja-kerja mendalamkan kolam tadahan sementara dan penyelenggaraan berkala sedang giat dijalankan.

Yang Berhormat Hajah Puan Mumtaz binti Md. Nawi telah meminta penjelasan mengenai kesukaran mendapatkan alat *smart tag* yang hanya dijual di sesetengah tempat sahaja dan kenapa harganya terlalu mahal mencadangkan supaya diskaun atau mata ganjaran diberikan kepada pengguna setia *smart tag* seperti kita menggunakan kad beli-belah dan kad kredit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini para pengguna boleh mendapatkan alat *smart tag* di beberapa tempat dan lokasi antaranya ialah di Lebuhraya Utara Selatan iaitu di Plaza Tol Alor Star Utara, Sungai Petani Selatan, Jawi, Taiping Utara, Jelapang, Ipoh Selatan, Batu Tiga Sungai Rasau, Damansara, Subang, Jalan Duta, Sungai Besi, Ayer Keroh, Senawang dan Skudai.

Selain itu, para pengguna juga boleh mendapatkan alat *smart tag* di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, hab *Touch'n Go* di KL Sentral dan juga di Pejabat *Touch'n Go* iaitu Faber Tower di Taman Desa Jalan Klang Lama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sebarang maklumat berhubung pusat penjualan alat *smart tag* boleh diperoleh dan boleh dicapai melalui laman web www.touchngo.com.my. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga alat *smart tag* pada masa ini ialah RM120 bagi satu unit. Harga ini adalah harga yang disemak semula daripada harga asal iaitu RM220.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diskaun dan mata ganjaran diberikan kepada pengguna *smart tag* ianya adalah satu cadangan yang baik dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagai usaha Plus memberi ganjaran kepada pengguna *smart tag* dan *Touch'n Go* lebuhraya. Syarikat konsesi Plus akan melancarkan Program *Royalty Plus Miles* yang mana akan dirasmikan pada petang ini dan melalui program ini para pengguna diberi rebat 5% bagi penggunaan tol lebih daripada RM200 sebulan. Selain daripada itu, dengan menggunakan kad *Plus Miles* ini pengguna juga dapat menikmati diskaun sehingga 50% ke atas 15 *outlet* rakan peniaga dengan Plus contohnya KFC, Burger King, Sheraton Hotel dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui telah membangkitkan mengapa Jalan Pan Borneo mempunyai banyak simpang utama keluar dan masuk yang tidak selamat. Adakah ianya mematuhi spesifikasi dan standard jalan raya yang telah ditentukan dan juga bertanya sama ada Kementerian Kerja Raya sedar bahawa terdapat banyak kecurian *divider* jalan dan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan baru atau sedang dibina di Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengguna pakai garis panduan yang sama iaitu arahan teknik jalan dan spesifikasi piawai JKR[SPJ]1988. Oleh itu, pembinaan simpang keluar masuk di Jalan Pan Borneo adalah dibina mengikut spesifikasi berkenaan dan berkaitan.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar Jalan Pan Borneo telah dibina sekian lama dan pertambahan trafik dari semasa ke semasa menyebabkan beberapa simpang utama sesak. Untuk makluman, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kerja Raya kini sedang melaksanakan kajian pelan pembangunan rangkaian lebuhraya ataupun dikenali sebagai HNDP Fasa 2 khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Kajian HNDP Fasa 2 akan dijadikan *master plan* pembangunan infrastruktur jalan raya di Sabah dan Sarawak. Hasil kajian ini akan digunakan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan seterusnya. Melalui kajian ini juga, keutamaan sejak projek naik taraf jalan atau membina jalan baru akan dapat dikenal pasti.

Seterusnya kementerian ini sedia maklum akan masalah kecurian *divider* di Jalan Kuching Serian. Apa yang berlaku di jalan ini ialah *divider* yang diperbuat daripada *wire rope* telah dipotong untuk membina tempat pusingan U, *u-turn* haram. Penduduk-penduduk setempat tidak bersedia membuat pusingan U di tempat-tempat yang telah disediakan iaitu pada jarak setiap dua kilometer seperti yang ditetapkan di dalam piawaian. Sebagai langkah mengatasi, Kementerian kerja Raya melalui JKR Sarawak kini sedang dalam proses menukar semula *divider wire rope* ini kepada reka bentuk lama iaitu *divider cut rail*.

Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra telah meminta supaya CIDB melatih lebih ramai belia di dalam industri pembinaan terutamanya yang berumur 16 tahun ke atas dan juga kepada remaja yang tidak lagi berminat meneruskan persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak ditubuhkan pada tahun 1995, CIDB telah memberikan tumpuan utama dalam menjayakan tiga program utama iaitu pembangunan sumber manusia binaan, pembangunan teknologi dan persekitaran *business* binaan.

Program memperkasakan pembangunan sumber manusia sektor binaan bertujuan bagi meningkatkan kapasiti dan *capability* bagi mewujudkan pekerja-pekerja mahir sektor binaan.

■1500

CIDB telah menjalankan berbagai-bagai latihan sejajar dengan keperluan pembangunan modal insan bagi personel binaan di sektor pembinaan. Personel binaan yang berkemahiran dan berilmu akan menyumbang kepada peningkatan kualiti dan produktiviti di dalam industri pembinaan negara. Program-program latihan yang dijalankan oleh CIDB bagi personel binaan dan golongan belia termasuklah program latihan kemahiran dalam pelbagai bidang *trades* di samping kursus-kursus yang melibatkan program latihan pengurusan, penyeliaan dan juga keselamatan dan kesihatan. Kerajaan juga memandang serius kedudukan semasa industri pembinaan yang masih lagi bergantung kepada tenaga kerja kurang mahir terutama pekerja-pekerja asing.

Sehubungan dengan itu, dalam usaha mempergiatkan lagi penjenamaan semula industri pembinaan, pendekatan penggunaan sistem binaan berindustri ataupun *industrialize building*

system telah diberi penekanan utama selaras dengan IBS *Roadmap* yang telah pun diluluskan oleh kerajaan. Latihan kemahiran di bidang IBS juga telah diberi penekanan seperti latihan dalam pemasangan komponen IBS dan sebagainya. Menerusi pendekatan tersebut, pekerja tempatan akan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan menampung keperluan pembinaan negara. Bagi mempertingkatkan lagi bilangan tenaga kerja mahir, kerajaan telah mengarahkan CIDB untuk menyediakan peruntukan serta melatih sekurang-kurangnya 100,000 pelatih dalam bidang teknikal, pengurusan dan keselamatan bagi tahun 2009.

Semua pekerja binaan juga digalakkan melalui proses akreditasi dan latihan yang ditanggung sepenuhnya oleh CIDB bagi pekerja binaan tempatan. Berhubung dengan penglibatan belia di dalam industri pembinaan, CIDB memang giat mengusahakan program latihan kemahiran kepada belia lepasan sekolah. Program tersebut terbuka kepada semua golongan belia berusia 16 tahun ke atas untuk mengikuti lebih 49 bidang kursus yang ditawarkan di enam buah Akademi Binaan Malaysia serta lebih 45 pusat latihan bertauliah di seluruh negara. Tempoh kursus bagi program latihan belia adalah selama dua bulan sehinggalah enam bulan; di mana perbelanjaan bagi mengendalikan program ini termasuklah yuran kursus, penginapan pelajar, makan minum dan elaun kursus sebanyak RM45 sebulan ditanggung sepenuhnya oleh CIDB.

Sehubungan dengan itu, kementerian saya amat mengalu-alukan kerjasama dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menguar-uarkan program latihan tersebut kepada belia di kawasan masing-masing dan merebut peluang yang disediakan. Saya juga suka memaklumkan menerusi program bersepadu dalam menyediakan prasarana dan kemudahan latihan kepada golongan belia, ianya akan memberikan manfaat kepada mereka serta meningkatkan imej negara. Ianya dapat dilihat dengan jelas semasa negara kita menjadi tuan rumah bagi pertandingan *ASEAN Skill Competition* yang telah pun diadakan pada 14 hingga 16 November di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Tengah Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kementerian Kerja Raya telah menjadi sekretariat utama kepada penganjuran acara dwitahunan ini di mana sebanyak 19 kategori kemahiran telah dipertandingkan merangkumi *trades* pembinaan, masakan, reka bentuk grafik, aplikasi *information technology*, elektronik, jahitan, mekatronik, sajian serta teknologi automobil. Seramai 200 peserta dari negara Asian telah menunjukkan kemahiran masing-masing di pertandingan tersebut. Ia juga telah mempamerkan tanda aras kemahiran yang tinggi di samping meletakkan negara kita sebagai penganjur yang berjaya dalam menyepadukan rangkaian kemahiran di negara Asian. Menerusi pertandingan tersebut juga...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Nanti kejap, bagi saya habis ini dulu. Menerusi pertandingan tersebut juga, golongan belia negara kita telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dengan merangkul enam pingat emas, tujuh pingat perak, lima pingat gangsa di samping tujuh *Diploma of Excellent*. Ini menunjukkan langkah kerajaan dalam menjana pembangunan insan golongan belia telah menampakkan hasil dan mereka mampu bersaing di

dalam mempamerkan tahap kemahiran tinggi di peringkat global. Ianya selaras dengan matlamat mewujudkan golongan tenaga kerja yang mahir, berpengetahuan dan boleh dibanggakan mutunya. Silakan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya amat tertarik dengan ABM ini ataupun Akademi Bina Malaysia yang melibatkan belia daripada 16 tahun ke atas dan saya juga ada sedikit pengalaman di mana tenaga-tenaga pengajar di ABM ini pernah minta bantuan supaya menghantar peserta-peserta ke akademi tersebut.

Jadi masalah sekarang ialah saya merasakan bahawa tidak cukup penerangan ataupun kempen ataupun publisiti kepada masyarakat umum dalam bentuk pengiklanan di dalam TV ataupun radio mahupun surat khabar supaya belia-belia kita yang menganggur ini dapat menyertai program ini. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan supaya ABM ini dapat dimanfaatkan oleh negara. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya amat bersetuju pandangan serta saranan yang telah pun disampaikan mengenai betapa perlu satu siar sara kepada umum hendaklah dibuat dengan lebih meluas. Ini supaya kita boleh menarik lebih ramai minat terutama golongan belia yang dapat melihat bahawa industri pembinaan negara ini sebenarnya satu industri yang akan memberikan pulangan yang baik dan lumayan kepada negara terutama bagi usaha negara menangani masalah tenaga pekerja buruh asing.

Sebagai contoh, kalau mengikut statistik yang ada di dalam CIDB, kita ada lebih kurang 320,000 tenaga pekerja asing yang berdaftar dalam industri binaan. Langkah yang telah pun diambil oleh kerajaan pada hari ini untuk berhijrah ke dalam satu pembinaan yang konvensional, yang lazimnya dibuat kepada satu kaedah IBS yang saya sebut tadi, *industrial building system*. Ini dengan kita mewujudkan komponen-komponen yang boleh dipasang siap dan ini memerlukan kepakaran yang agak tinggi berbanding dengan tenaga buruh asing ini yang murah yang sedia ada.

Saya percaya dan yakin latihan dan pendedahan harus diberi kepada golongan ini bagi meningkatkan dia punya keupayaan vokasional dan teknikal supaya dia boleh menyumbang. Kita telah pun mengadakan beberapa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Acid test* kepada projek yang dibangunkan menggunakan sistem IBS ini.

Pertama, masanya boleh dipendekkan hampir ke 50% daripada jangkaan masa pembinaan secara konvensional dan yang kedua, penggunaan tenaga buruh di *in situ* di tapak bina dapat dikurangkan sehingga hampir kepada 30%. Saya yakin kalau kita boleh bangunkan tenaga mahir di kalangan teknikal dan vokasional ini dan dia ada kapasiti dan kepakaran dan ada nilai yang boleh dibagi premium kepada industri dan ini akan merupakan satu tarikan kepada golongan generasi muda.

Seterusnya rakyat tempatan akan bersedia untuk menyambut; dengan syarat satu orang kata kalau nak sebut *reform* pun bolehlah daripada segi *construction* ini untuk menarik. Yang ini

telah pun dijadikan sebagai satu asas pertimbangan utama dan Kabinet telah pun bersetuju supaya Jawatankuasa Sekretariat IBS Kebangsaan telah di wujudkan dan ia dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara sendiri.

■1510

Selain daripada Jawatankuasa Kabinet Kebangsaan (IBS), Jawatankuasa Urus Setia IBS pun diwujudkan yang dipertanggungjawabkan di bawah kawal selia Kementerian Kerja Raya. Agensi utama yang melaksanakan peningkatan kemahiran dan penghijrahan kepada sistem pembinaan negara yang berasaskan kepada konvensional dengan meletakkan IBS ini sebagai satu pendekatan hala cara baru dalam industri pembinaan ini dipertanggungjawabkan di bawah CIDB. Oleh yang demikian, bajet yang telah pun dibentangkan dalam Dewan Negara dan pun Dewan Rakyat, telah menetapkan bahawa CIDB supaya melatih 100 ribu orang tenaga kerja ini. Saya telah pun mengarah dan menyediakan peruntukan oleh CIDB RM100 juta untuk kita mencapai matlamat ini. Saya ambil perhatian supaya satu siaran yang lebih menyeluruh akan dapat dipertingkatkan supaya kita boleh mendedahkan kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf telah membangkitkan mengenai baki bajet bagi projek pesisir pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sang Lang Perlis dan adakah projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya. Beliau juga telah membangkitkan mengapa kerja-kerja pelebaran lebuh raya PLUS dari tol Jelapang ke tol Simpang Pulai lambat disiapkan dan mengapa lencongan di selekoh amat tajam? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai pelaksanaan projek pesisir pantai dari Kuala Kedah ke Kuala Sang Lang, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya semasa Rancangan Malaysia Kelapan telah memohon peruntukan sebanyak RM143 juta untuk melaksanakan pembinaan jalan baru dua lorong, *single carriageway* dari Kuala Kedah ke Kuala Sang Lang dengan *spec* jalan sepanjang 24km dengan piawai JKR R5 yang merangkumi pembinaan lima buah jambatan.

Cadangan projek ini bermula daripada persimpangan laluan 78 iaitu Jalan Alor Setar – Kuala Kedah dengan laluan K1 Jalan Kuala Kedah – Yan menghala ke utara melalui pesisir pantai sehingga ke Kuala Sang Lang. Walau bagaimanapun, siling peruntukan yang diluluskan oleh EPU hanya sebanyak RM16 juta dan Jabatan Kerja Raya telah menggunakan peruntukan ini untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan aras formasi sepanjang 4km dahulu dan sudah pun disiapkan pada 31 Mac 2007.

Kementerian Kerja Raya dalam kajian separuh penggal RMK-9 telah sekali lagi memohon untuk melaksanakan keseluruhan skop projek daripada Kuala Kedah ke Kuala Sang Lang ini. Namun siling peruntukan tambahan yang diluluskan hanya sebanyak RM16 juta. Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti tambahan skop yang akan dilaksanakan iaitu menambah kerja-kerja pembinaan aras formasi sepanjang 1km lagi dan menurap keseluruhan jalan iaitu sepanjang 5km. Anggaran kos pembinaan skop tambahan ini dianggarkan sebanyak RM10 juta iaitu tidak termasuk anggaran kos pengambilan balik tanah.

Apabila jalan sepanjang 5km ini siap, ia akan dapat digunakan sebagai jalan alternatif kepada penduduk Kuala Kedah ke kampung-kampung berdekatan seperti Kampung Padang

Garam di pesisiran pantai tersebut. Skop tambahan ini akan dijadualkan untuk dimulakan pelaksanaan pada pertengahan tahun 2009 selepas proses perolehan selesai dan kerja-kerja pembinaan termasuk pengambilan balik tanah dijangka mengambil masa satu tahun. Kementerian Kerja Raya seterusnya akan memohon peruntukan tambahan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, mengenai kerja-kerja laluan terus tanpa henti Ipoh Selatan ke Jelapang yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad, ianya sepatutnya siap pada akhir tahun 2007. Kelewatan ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut; kerja-kerja tambahan iaitu pembinaan *Meru Diamond Interchange* yang tidak termasuk dalam kontrak asal. Ini menyebabkan berlakunya perubahan dalam reka bentuk dan pertambahan pengambilan balik tanah. Kenaikan harga barang ekoran daripada kenaikan harga minyak yang menyebabkan pihak kontraktor menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan bahan mentah, kelewatan dalam proses pengambilan balik tanah dan faktor cuaca yang tidak menentu.

Walau bagaimanapun laluan terus tanpa henti Ipoh Selatan – Jelapang ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya. Manakala jalan tempatan, *local road* dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu mohon supaya negeri Sarawak mendapat peruntukan yang lebih banyak dari segi pembangunan infrastruktur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sarawak peruntukan asal projek pembangunan jalan raya dan jambatan RMK-9 adalah sebanyak RM1.98 bilion. Namun selepas kajian separuh penggal RMK-9 dan selepas notis perubahan yang terkini, siling peruntukan telah pun dinaikkan kepada RM2.108 bilion iaitu pertambahan sebanyak RM124 juta. Peruntukan terbaru ini bersamaan 9.8% daripada peruntukan keseluruhan yang diperuntukkan untuk Kementerian Kerja Raya.

Negeri Sarawak merupakan penerima peruntukan kedua tertinggi selepas negeri Sabah. Kedua-dua negeri ini menerima jumlah peruntukan RMK-9 Kementerian Kerja Raya yang tertinggi memandangkan tahap pembangunan jalan raya yang masih rendah. Jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia selain keluasan saiz kedua-dua negeri tersebut. Dalam tempoh RMK-9 ini, antara projek-projek berskala besar yang telah disiapkan ialah:

- 1) Naik taraf Jalan Tun Jugah persimpangan BDC; kos RM98 juta;
- 2) Naik taraf dari Miri ke Lutong; RM109 juta;
- 3) Naik taraf Jalan Oyah, Mukah, Balingan pakej 1 dan 2; kos RM374 juta;
- 4) Membina Jalan Sidi Simop; kos RM25 juta; dan
- 5) Menaik taraf Jalan Tanjung Genting Paradom, Sarikei; RM21 juta.

Dalam tahun 2009, kementerian menjangkakan lima lagi projek berskala besar bakal disiapkan iaitu Jambatan Batang Loba Pulau dan Jambatan Batang Balawai; kos RM71.4 juta. Pembinaan Jambatan Sungai Terusan; kos RM31 juta, menaik taraf Jalan Kuching – Sibul dari Simpang Julau hingga ke persimpangan Lapangan Terbang Sibul fasa satu kos RM191 juta dan jalan penghubung ke pusat pentadbiran persekutuan baru Sarawak; RM201 juta.

Dengan tambahan peruntukan sebanyak RM124 juta yang baru diperoleh, Kementerian Kerja Raya akan menumpukan perhatian kepada projek-projek yang mempunyai nilai pembangunan yang tinggi seperti projek membina Jalan Beluru, Long Teru dan Long Lama yang akan ditambah peruntukannya sebanyak RM37.5 juta. Kementerian Kerja Raya juga akan menaik taraf Jalan Mambong Sejingkat supaya pembinaan Jambatan Sungai Keluap yang sedang dilaksanakan dapat memberikan impak yang lebih tinggi kepada pengguna jalan raya.

Untuk makluman dalam RMK-9, Kementerian Kerja Raya kini sedang melaksanakan kajian pelan pembangunan rangkaian lebuhraya (HNDR) fasa 2 khusus bagi negeri Sabah dan Sarawak. Kajian HNDR fasa 2 akan dijadikan sebagai *master plan* pembangunan infrastruktur jalan raya di Sabah dan Sarawak dan akan diguna pakai dalam menyediakan rancangan-rancangan Malaysia yang ke hadapan. Dalam permohonan projek RMK-10 akan datang, Kementerian Kerja Raya akan memohon peruntukan yang lebih besar untuk pembangunan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dan jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak terjawab, sila maklumkan supaya penjelasan secara bertulis akan dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri kesihatan.

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak mengucapkan berbilang terima kasih kepada lima Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Khoo, Yang Berhormat Senator Pau, Yang Berhormat Senator Datuk Sim, Yang Berhormat Senator Majid yang turut menyentuh hal-hal berkaitan dengan Kementerian Kesihatan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2009.

■1520

Rata-rata isu-isu yang dikaitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan beberapa isu, isu perkhidmatan iaitu isu kekurangan doktor dan doktor pakar termasuk gaji serta elaun kakitangan Kementerian Kesihatan mengenai beban kerja dan jadual kerja kakitangan kami.

Kedua adalah isu yang berkaitan dengan infrastruktur yang melibatkan pusat hemodialisis dan juga secara spesifik kedudukan Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh secara *detail* sangat memadai saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang perkara mengenai kekurangan doktor dan doktor pakar, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan serta jadual dan beban kerja yang terpaksa ditanggung.

Elok saya beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai 170,000 kakitangan, 130 hospital dekat 3,000 klinik kesihatan dan klinik desa dengan

beban kerja yang begitu tinggi. Saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kakitangan kementerian walaupun mereka dibebankan dengan kerja yang begitu berat, tetapi mereka hadapi cabaran ini dengan begitu tabah sehingga dapat memberi perkhidmatan yang saya kira agak terbaik diakui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO.

Mengenai kekurangan pegawai perubatan termasuk pakar, ia adalah satu fenomena global bukan hanya berlaku di negara kita. Hajat kita memang hendak pastikan yang nisbah antara doktor dengan penduduk adalah 1:600, sementara nisbah yang kita ada sekarang adalah antara 1:1,145 dan di sesetengah tempat pedalaman nisbah ini akan lebih besar. Justeru itu, usaha telah dibuat oleh kementerian bagi menyelesaikan isu-isu tersebut, kerana purata kekosongan umpamanya pegawai perubatan di banyak tempat baik di bandar mahu pun di desa, kita punya pengisian adalah setakat 60%. Maknanya 40% kita kurang. Ekoran daripada itu langkah perlu dibuat bagi memastikan doktor yang ada di dalam perkhidmatan terus kekal sementara kekosongan diisi, kemudian bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menambah bilangan mereka yang berminat untuk menjadi doktor dan berkhidmat dengan kerajaan. Jadi usaha kementerian adalah untuk menambah bilangan tempat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan dan juga kepakaran dan sekarang ini sub kepakaran.

Mulai tahun ini kita tambah daripada 400 yang kita latih untuk menjadi pakar. Kita ada 14,332 doktor dalam kementerian. Tuan Yang di-Pertua, hampir 2,000 adalah pakar. Itu pun tidak cukup? Jadi kita kena latih daripada 400 kita tambah jadi 600. Dahulu kita selalu kata JPA yang halang, sekarang JPA sudah berlapang dada dia bagi kemudahan dan kepakaran kepada kementerian sendiri untuk melatih pelbagai bidang kepakaran yang kita rasa perlu. Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia di bawah Program Penggalakan Warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar pulang ke Malaysia.

Elok saya maklumkan sekarang ini suasana di United Kingdom rakyat kita sudah dikelaskan sebagai 'other's'. Dia bagi *priority* dengan izin kepada rakyat dia, *The British* kemudian *EU citizen*, ketiga ini baru *other's* ini rakyat kitalah kalau berkhidmat. Bermakna sudah ada ramai permintaan daripada rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran tertentu di UK yang berkhidmat di NHS sudah hendak pulang. Jadi kita mengalu-alukan kepulangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, antara perkara yang perlu kita buat ialah mengekalkan mereka ini dalam perkhidmatan. Jadi kita sudah halalkan *locum*. Dahulu curi-curi, secara haram sekarang sudah halal. Kita juga dalam *pilot project* di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Kita anjurkan program secara pilot iaitu *Full Paying Patient*, di mana pesakit mempunyai pilihan jika mereka ada wang dan mampu mereka boleh pergi mendapat rawatan di bawah konsep *Full Paying Patient*.

Akhir sekali hendak cukupkan suasana kekurangan doktor ini, kita sedang berbincang dengan SPA dan JPA dalam peringkat terakhir bagaimana kita hendak pilih dan menggunakan kepakaran pakar luar negara untuk mereka berkhidmat di sini dan kekal berkhidmat dengan kita, kerana kalau kita hendak tunggu pegawai-pegawai kita mahir, dia mengambil masa yang lama, kerana hendak jadi pakar dan sub kepakaran ini purata selepas *internship* atau *housemanship*

mereka memerlukan masa antara 10 hingga 12 tahun baru mereka itu mempunyai kepakaran yang terperinci, yang mempunyai *skill* dan keterampilan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jadual kerja dan suasana persekitaran kerja yang dengan izin, *conducive* untuk doktor dan kakitangan yang lain, Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan supaya paling penting sekali, doktor dia macam pilot juga dia perlu ada *rest* yang cukup.

Jadi kita pun dapat *complaints* yang banyak daripada ibu bapa. Setengah daripada pegawai perubatan oleh kerana kekurangan tenaga, mereka terpaksa berkhidmat lebih daripada 48 jam dan kalau kira di bawah undang-undang *labour* dia sudah langgar undang-undang tersebut. Kita terpaksa kompromi. Walau bagaimanapun, kita juga kena pastikan bawah perkhidmatan mereka ini tidak terjejas terutamanya dalam memastikan keselamatan pesakit. Sebab itu dari semasa ke semasa kementerian sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan JPA untuk kita tambah segala kemudahan dan juga *privilege* terutamanya elaun-elaun seperti *call allowances* yang kita sudah tambah baru-baru ini sehingga ke tahap 30% ke 50%.

Kedua isu yang disentuh adalah mengenai isu pusat hemodialisis. Setakat ini yang saya tahu 128 pusat hemodialisis diadakan di seluruh negara bergantung kepada kapasiti dan taburan penduduk yang memerlukan rawatan tersebut.

■1530

Kalau ada yang kurang khususnya di Hospital Bintulu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, kita akan tambah mengikut keperluan-keperluan yang diminta oleh pemimpin setempat.

Mengenai infrastruktur di Hospital QEH, kita di Kementerian Kesihatan dalam peringkat terakhir. Malah pada hari Jumaat ini Yang Berhormat Menteri dengan pegawai-pegawai tinggi akan diberi taklimat, gambaran yang begitu jelas mengenai suasana dan kedudukan hospital tersebut yang semua kita faham telah pun dilaporkan oleh IKRAM tidak selamat. *The clinical block, the tower block* perlu dikosongkan. Usaha untuk menyewa atau pun membeli Sabah Medical Center ini adalah satu keputusan yang perlu kita peroleh daripada Kabinet.

Akhir sekali mengenai Hospital Sultan Ismail yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang di mana beliau begitu prihatin tentang kejadian serangan kulat. Walaupun sebanyak RM14 juta telah pun kita belanjakan pada awal-awal dahulu tetapi oleh sebab rawatan dan penyelenggaraan itu tidak *complete* dengan izin, maka satu penyelesaian secara komprehensif perlu dilakukan dan kita telah pun mendapat laporan daripada juru perunding yang memberi nasihat bagaimana untuk kita selesaikan isu tersebut.

Alhamdulillah, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kejadian-kejadian tumbuh balik kulat ini tidak melibatkan kawasan-kawasan yang kritikal seperti dewan bedah, ICU, CCU dan juga wad. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kulat ini pun kulat yang baik lah. Ia tidak serang tempat-tempat yang kritikal. Akhir sekali, kalau ada apa-apa yang saya nyatakan tadi tidak dijawab dengan teliti, saya akan ambil tanggungjawab dan kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya pasti teguran dan saranan serta

cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan satu simbol semangat kepada kami untuk terus berkhidmat kepada rakyat bagi memastikan rakyat Malaysia sihat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Penerangan.

3.33 ptg.

Menteri Penerangan [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan pandangan dan soalan kepada Kementerian Penerangan iaitu Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf dan juga Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf menyatakan pandangan dan ingatan tentang penggunaan bajet sebanyak RM999 juta yang diperuntukkan kepada kementerian agar digunakan dengan baik. Insya-Allah perkara ini akan kita pertanggungjawabkan supaya amanah ini kita laksanakan dengan baik. Sementara Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram mengemukakan dua perkara. Yang pertama cadangan atau pun pandangan beliau agar beberapa perkara yang berkaitan dengan pendidikan alternatif seperti MLVK dan sebagainya hendaklah disebaraskan maklumatnya melalui Kementerian Penerangan sama ada Jabatan Penerangan, RTM dan sebagainya.

Sehingga sekarang Jabatan Penerangan melalui portal PMR, portal yang disebutkan sebagai portal pusat maklumat rakyat ada membuat pautan dengan kementerian yang berkaitan termasuk Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya. Insya-Allah pihak RTM akan membantu bagi membukakan atau pun menyebarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pendidikan alternatif dalam negara kita.

Beliau juga telah menyarankan supaya kandungan tempatan seperti drama dan sebagainya dipertingkatkan. Buat pengetahuan Yang Berhormat, sehingga sekarang terdapat *ratio* atau pun nisbah 70% : 30% di mana 70% adalah kandungan tempatan dan 30% adalah kandungan daripada luar negara. Insya-Allah mulai tahun depan, kita akan tingkatkan nisbah ini iaitu sebanyak 80% bagi kandungan tempatan dan 20% sahaja daripada kandungan luar negara. Perkara ini adalah sebahagian daripada program penstrukturan kembali RTM. RTM1 sebagai saluran informasi dan saluran 2 lebih untuk menyiarkan program-program yang berbentuk drama, hiburan dan sebagainya yang insya-Allah, kita akan tumpukan kepada pembangunan, *content* atau pun kandungan tempatan.

Sementara itu, kita menjangkakan bahawa program pendigitalan RTM yang sedang diusahakan juga adalah untuk membina industri kreatif yang lebih kuat, yang lebih kukuh lagi dalam negara kita. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat ke atas pandangan dan teguran yang diberikan. Insya-Allah, kita akan bertanggungjawab untuk menjawab secara bertulis kalau ada perkara yang tertinggal daripada apa yang telah disarankan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat sendiri untuk menjawab, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

3.56 ptg

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kementerian saya iaitu Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mengutarakan beberapa isu yang berkaitan pelan-pelan persaraan ataupun *retirement planner* kakitangan kerajaan dan swasta. Yang Berhormat Senator juga ingin mendapatkan kepastian bilakah penyata caruman PERKESO akan dihantar kepada pencarum-pencarumnya.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga inginkan penjelasan sama ada *one stop center* untuk perkhidmatan PERKESO, KWSP dan insurans akan disediakan untuk ibu-ibu tunggal. Tuan Yang di-Pertua, faedah persaraan bagi kakitangan sektor awam antara lainnya meliputi skim pencen dan ganjaran. Bagi kakitangan sektor swasta, mereka tidak mempunyai skim pencen seperti yang dinikmati oleh kakitangan sektor awam.

Namun begitu, seseorang pekerja layak mendapat faedah persaraan jika terma kontrak perkhidmatan memperuntukkan faedah tersebut. Terdapat juga amalan oleh syarikat-syarikat besar yang membayar sejumlah bayaran berupa *ex-gratia* untuk faedah pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat. Manakala, bagi pekerja swasta yang mencarum dengan PERKESO dan terlibat dalam kemalangan serta dibersarakan daripada perkhidmatan, mereka dilindungi di bawah Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun PERKESO di mana mereka layak menerima bantuan pencen seperti pencen ilat, pencen penakat dan pelbagai faedah mengikut kelayakan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan mengenai penyata caruman PERKESO, KSM akan menghantar maklumat mengenai penyata caruman untuk 4.3 juta pekerja melalui majikan mereka mulai tahun 2009. Sekiranya pencarum-pencarum ingin mengetahui status caruman mereka, bolehlah menghubungi mana-mana pejabat PERKESO yang berdekatan. Kementerian juga mengambil maklum terhadap cadangan untuk mewujudkan *one stop center* untuk perkhidmatan PERKESO, KWSP dan syarikat insurans kepada para ibu tunggal yang bekerja di negara ini. Usaha-usaha untuk melaksanakan cadangan ini, memerlukan perbincangan lanjut di antara PERKESO dengan agensi-agensinya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan GK Loga Chitra memohon penjelasan mengenai statistik terkini berhubung dengan bilangan Orang Kurang Upaya atau OKU yang disebabkan oleh kemalangan yang berdaftar dengan PERKESO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seseorang pencarum PERKESO yang mengalami kemalangan semasa bekerja sama ada hilang upaya kekal atau hilang upaya sementara tidak semestinya ditakrifkan sebagai OKU.

■1540

Bagi kes hilang upaya kekal, tafsiran hilang upaya di tentukan oleh jemaah doktor daripada 0% sehingga 100%. Sehingga 2008, jumlah keseluruhan penerima faedah hilang upaya kekal yang dibayar pencen bulanan adalah seramai 13,592 orang. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah pula meminta Menteri Sumber Manusia memberikan statistik pelatih yang telah menjalani latihan kemahiran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari tahun 1994 sehingga 30 November 2008 seramai 715,854 pelatih telah dilatih dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia ataupun SKM. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli Dewan mulia ini, setakat ini sebanyak 897 penyelia latihan telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran yang boleh menampung kapasiti seramai 95,000 pelatih pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Usha Nandhini meminta Menteri Sumber Manusia memberikan maklumat berhubung kursus kemahiran yang diperlukan oleh negara terutamanya di wilayah-wilayah pembangunan. Beliau juga memohon untuk mendapatkan penjelasan berhubung dengan kursus-kursus kemahiran yang tidak dibiayai oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, anggaran keperluan tenaga mahir negara sehingga tahun 2015 adalah seramai 3.8 juta khusus bagi menampung keperluan negara di semua wilayah pembangunan. Dalam bidang kemahiran yang diperlukan khususnya di wilayah-wilayah pembangunan ini adalah unik bagi setiap wilayah dan meliputi bidang-bidang yang spesifik kepada keperluan industri setempat.

Sebagai contohnya di Iskandar Malaysia, bidang-bidang seperti *electrical* dan juga elektronik, petrokimia, oleokimia, pemprosesan makanan dan hasil agro, logistik dan pengangkutan, pelancongan, perkhidmatan kesihatan adalah merupakan bidang di mana kemahiran mereka diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan aktiviti ekonomi wilayah berkenaan. Manakala kemahiran dalam bidang pertanian pembuatan yang melibatkan sub sektor mikro elektronik, bioteknologi, minyak dan gas, dan perkhidmatan yang melibatkan industri pelancongan, perkhidmatan logistik dan perdagangan diperlukan pula diperlukan bagi program pembangunan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara ataupun NCER.

Sementara itu bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur pula, bidang-bidang kemahiran untuk industri pertanian dan pelancongan, industri kimia dan gas, petrokimia termasuk pembuatan adalah antara bidang-bidang kemahiran untuk pembangunan di wilayah tersebut. Sementara itu, untuk pembangunan di Wilayah Sarawak ataupun SCORE, bidang kemahiran yang diperlukan pula adalah berasaskan kepada 10 bidang industri utama iaitu industri yang berasaskan minyak, aluminium, keluli, kaca, minyak sawit dan industri yang berasaskan kayu kayan, ternakan ladang, *aquaculture*, dan kejuruteraan marin dan pelancongan. Manakala di Sabah pula, Sabah Development Corridor memerlukan pelaburan dalam bidang kemahiran bagi memenuhi keperluan industri seperti pertanian, bioteknologi, pelancongan logistik dan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia akan mewujudkan satu jawatankuasa bersama di setiap wilayah pembangunan bagi mengenal pasti keperluan tenaga

kerja, bidang kemahiran dan keperluan latihan berkemahiran tinggi. Berhubung dengan isu pembiayaan kursus kemahiran oleh PTPK ataupun Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, pembiayaan program latihan kemahiran sebenarnya adalah berdasarkan kepada keperluan industri. Setakat ini, sebanyak 224 program latihan kemahiran telah dibiayai oleh PTPK dan ini merupakan program-program latihan yang mempunyai permintaan tinggi di kalangan pihak industri tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya program-program latihan yang ditawarkan pusat-pusat bertauliah yang berdaftar dengan PTPK akan dibiayai.

Walau bagaimanapun, kementerian saya akan sentiasa mengkaji keperluan pembiayaan program latihan mengikut kehendak dan juga keperluan industri. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil maklum segala cadangan dan juga pandangan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kementerian saya. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan sentiasa berusaha untuk memelihara kepentingan pekerja dan industri untuk menuju ke arah meningkatkan produktiviti dan juga daya saing negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

3.46 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian yang telah memberi cadangan dan teguran serta mengutarakan isu-isu berkaitan kementerian ini. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini di sepanjang perbahasan Bajet 2009 di peringkat dasar di Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua saya amat tertarik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator kawasan Melaka, Datuk Akhbar bin Ali yang mencadangkan agar kementerian menjelaskan mengapa harga petrol tidak dapat diturunkan mengikut pasaran dunia iaitu RM1.60 seliter.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator sekalian, kerajaan telah pun melaksanakan janjinya untuk menurunkan harga minyak harga runcit petrol dan diesel berikutan daripada penurunan harga minyak mentah dunia. Sehingga kini kerajaan telah menurunkan harga runcit petrol dan diesel sebanyak tujuh kali sejak 23 Ogos 2008. Ianya selaras dengan penurunan harga minyak mentah global. Malah harga runcit yang ditetapkan pada masa ini bagi produk petrol iaitu RM1.80 untuk RON 97 dan RM1.70 bagi RON 92 adalah lebih rendah berbanding harga runcit sebelum penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel pada 5 Jun 2008. Kerajaan tidak bercadang untuk menyelaraskan harga petrol pada kadar RM1.60 seliter. Ini kerana pada harga

runcit RM1.60 seliter, ia adalah lebih rendah berbanding harga sebelum penstrukturan semula subsidi pada bulan Jun 2008.

Pada masa ini, kerajaan dapat mengutip hasil cukai jualan yang dikenakan ke atas produk petroleum di mana sekiranya harga petrol diturunkan pada kadar RM1.60 seliter, maka jumlah kutipan cukai jualan ke atas produk petroleum akan berkurangan. Kutipan tersebut adalah penting bagi kerajaan mengimbangi sumber perolehan negara dan agar dapat disalurkan kepada sektor-sektor yang memerlukan. Di samping itu, pendapatan yang diperoleh ini akan dapat digunakan semula sebagai subsidi produk petroleum sekiranya harga minyak mentah melonjak tinggi pada masa hadapan. Dengan trend penurunan harga minyak mentah pada masa ini, kerajaan berhasrat untuk mewujudkan harga lantai bagi produk petroleum dan diesel.

Harga lantai yang akan dicadangkan itu adalah harga yang pada pandangan kerajaan adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat. Kerajaan berpandangan bahawa harga runcit petrol pada RM1.80 pada masa ini adalah harga yang masih berada pada tahap kemampuan rakyat. Tambahan dengan rebat tunai kenderaan persendirian sebanyak RM625 setahun bagi kereta dan RM150 setahun bagi kenderaan motosikal yang diberikan kerajaan dan harga yang ditetapkan pada masa ini adalah munasabah.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas tambahan di samping jawapan yang telah saya berikan pada hari itu iaitu berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator kawasan Johor, Tuan Khoo Soo Seang yang bertanyakan mengenai impak negatif dan positif sekiranya subsidi diesel dihapuskan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan impak tersebut. Pada dasarnya, kerajaan mula memberikan subsidi ketika harga bahan petroleum berada pada paras yang tinggi dengan tujuan ia dapat mengurangkan beban yang ditanggung rakyat.

Buat masa ini, harga runcit bagi produk diesel di stesen minyak adalah pada RM1.70 sen seliter manakala kerajaan telah memberikan subsidi diesel kepada golongan yang layak pada harga RM1.43 sen seliter. Impak positif sekiranya subsidi diesel ini dihapuskan adalah ia bukan saja dapat mengurangkan perbelanjaan negara, malahan kerajaan juga akan memperoleh hasil daripada cukai jualan yang dikenakan ke atas produk petroleum. Hasil pungutan cukai tersebut boleh disalurkan bagi tujuan pembangunan negara. Di samping itu, penghapusan subsidi diesel ini juga dapat membendung aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi pada masa ini. Subsidi bagi diesel yang ditanggung oleh kerajaan, sehingga bulan November 2008 adalah sebanyak RM8.6 juta dan pengecualian cukai yang diberikan kepada syarikat minyak sehingga November 2008 adalah sebanyak RM1.2 juta.

Walau bagaimanapun, sekiranya subsidi diesel ini dihapuskan, impak negatif paling ketara adalah beban yang akan ditanggung oleh rakyat di mana mereka perlu membayar harga perkhidmatan yang lebih tinggi apabila kos operasi yang meningkat di pihak pengusaha dialihkan kepada mereka. Sebagai contoh di dalam industri pertanian, perikanan dan pengangkutan

awam, senario yang sering berlaku adalah apabila berlaku kenaikan harga produk petroleum di pasaran, maka harga barangan lain juga akan turut meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator kawasan Perlis, Tuan Ahmad bin Hussin ada membangkitkan isu penyelewengan yang melibatkan barang berjadual gagal didakwa di mahkamah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sepanjang tahun 2007 hingga 15 November 2008, kementerian telah merekodkan sejumlah 1,056 tindakan kes dengan rampasan 4.6 juta liter minyak diesel dan petrol bernilai RM8.7 juta. Daripada jumlah kes yang dinyatakan, sebanyak 77 kes telah di kompaun dengan kutipan keseluruhan berjumlah RM205,203.44 sen manakala 27 kes telah didakwa di mahkamah dengan denda keseluruhan berjumlah RM148,000. Lain-lain kes yang masih dalam siasatan dan perbicaraan termasuklah kes-kes yang belum didakwa di mahkamah kerana siasatan lanjut masih dijalankan.

Bagi barang-barang berjadual yang lain seperti tepung gandum, gula pasir, LPG, besi dan simen, sejumlah 130 kes telah dikenal pasti bagi tahun 2008 iaitu sehingga bulan November 2008 dengan nilai rampasan berjumlah RM1.2 juta. Tiga kes telah di kompaun manakala kes-kes lain masih dalam siasatan lanjut. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian juga, operasi-operasi membanteras penyeludupan dan penyelewengan barangan bersubsidi diesel dan petrol yang dijalankan di seluruh negara adalah melalui kerjasama agensi-agensi penguat kuasa sama ada bergerak atau bertindak secara bersendirian ataupun secara bersepadu. Pasukan petugas khas ini dianggotai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai urus setia, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen.

Antara fungsi pasukan petugas khas ditubuhkan ialah untuk mewujudkan jaringan kerjasama sesama agensi penguatkuasaan sebagai langkah berpanjangan dalam usaha mempertingkatkan gerakan menyekat penyeludupan dan penyalahgunaan diesel bersubsidi di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga ada mengutarakan satu soalan yang berkaitan dengan pusat-pusat rawatan wanita dan spa di mana apa yang dijanjikan kepada pengguna tidak terlaksana. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mengeluarkan sebarang garis panduan kepada pusat rawatan kecantikan wanita atau spa. Pada masa ini pembukaan pusat rawatan kecantikan wanita adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanya memantau iklan-iklan di media cetak dan elektronik oleh peniaga yang bertujuan untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan mereka. Tidak dinafikan terdapat sikap sesetengah peniaga yang mengeluarkan iklan dengan tujuan menipu pengguna. Bagi kes-kes penipuan kepada pengguna, kementerian ada menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 13 Akta Perlindungan Pengguna 1999 untuk melindungi pengguna yang ditipu peniaga.

Kementerian juga telah mengambil langkah-langkah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, ada empat langkah di sini:

- (i) meningkatkan pemantauan terhadap segala bentuk iklan di media cetak dan elektronik. Melalui pemantauan ini membolehkan pihak kementerian mengenal pasti sama ada iklan berkenaan mengelirukan pengguna atau sebaliknya;
- (ii) meningkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan yang dikenal pasti melakukan kesalahan melalui pengiklanan mereka. Bagi peniaga yang sengaja membuat pengiklanan dengan tujuan untuk mengelirukan pengguna, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999;
- (iii) mempertingkatkan pengetahuan pegawai-pegawai dalam ilmu pengintipan, penyamaran dan penyiasatan. Melalui ilmu pengintipan dan penyamaran sebagai pengguna akan dapat membantu serta mengenal pasti kesahihan iklan tersebut; dan
- (iv) pegawai-pegawai kementerian telah diarahkan agar bertindak tegas berkaitan isu pengiklanan yang mengelirukan sekiranya siasatan dan pengintipan sudah dilakukan dan segala bukti untuk pendakwaan telah sempurna, maka serbuan dan rampasan ke atas premis tersebut akan segera dilakukan.

Ini adalah satu langkah agar menjadi teladan kepada para peniaga yang lain. Bagi pengguna-pengguna yang merasakan mereka tertipu dengan barangan yang dibeli dan khidmat-khidmat yang ditawarkan oleh peniaga, mereka boleh memfailkan tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di mana tuntutan tidak melebihi RM25,000.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee juga ada menyentuh bahawa berharap dengan penurunan harga minyak, para peniaga dapat menurunkan harga barangan dan mohon kementerian memantau perkara ini.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapatkan bekalan barang keperluan dengan harga yang berpatutan. Bukan sahaja di bandar malah juga di luar bandar. Sehubungan dengan itu, kementerian ini telah melaksanakan beberapa langkah iaitu dengan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Tuan Jelaing anak Mersat: Ada dua tiga muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang?

Tuan Jelaing anak Mersat: Dalam sepuluh minit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar akan mengambil masa berapa lama agak? 20 minit? Selepas itu, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Belia dan Sukan tidak menjawab. Selepas itu, Kementerian Pelajaran dan bagi penutup, penggulungan ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi Yang Berhormat boleh agaklah lebih kurang. Ini supaya selesa dan tidak perlu tunggu sepenuh masa di sini. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan patuhi arahan. Kementerian turut menganjurkan kempen penurunan harga yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan. Barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan sejajar dengan pengumuman kerajaan berkenaan penurunan harga produk petroleum. Sebanyak 14 program tersebut telah diadakan sejak 24 Oktober 2008. Selain daripada program-program yang telah dinyatakan, kementerian telah mengadakan sebanyak 11 siri mesyuarat dengan pihak pengeluar, pemborong dan penyedia perkhidmatan pengangkutan bagi mendapatkan maklum balas.

Di antara sebab-sebab mengapa harga barangan dan perkhidmatan tidak diturunkan setelah penurunan harga petrol. Projek perintis bagi pengedaran barang-barang perlu di Seberang Perai Utara Pulau Pinang dan Pekan, Pahang merupakan projek yang dijalankan. Projek ini dengan tujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti tepung gandum, beras dan minyak masak sampai ke kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Ir. Wong Foon Meng) *mempengerusikan mesyuarat*]

Di samping mengenal pasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutamanya di kawasan luar bandar. Projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambah baik sistem pengedaran yang sedia ada. Sehubungan itu, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan di samping untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak. Kementerian kini sedang mengatur perancangan untuk melaksanakan projek perintis ini di dua tempat lagi di Sabah dan Sarawak.

Hasil keputusan projek perintis ini akan digunakan sebagai rujukan oleh kementerian untuk merangka strategi baru bagi sistem pengedaran terutama barangan makanan dan harga barangan dapat dikawal serta diturunkan. Kementerian sentiasa mengambil langkah berterusan bagi membendung kenaikan harga barangan keperluan. Di samping, sentiasa memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya hingga golongan rakyat yang berpendapatan rendah tidak terus menjadi mangsa keadaan.

Datuk Akhbar bin Ali: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Dalam ucapan bajet saya, saya ada juga meminta penjelasan. Sepertimana yang ingin tahu oleh masyarakat dan juga dalam blog bahawa pada hari yang saya bercakap itu harga minyak petrol kita ialah RM1.90

seliter. Mengikut *Bloomberg* pada masa itu RM1.60 harga pasaran dunia. Kalau berdasarkan janji kerajaan yang mungkin tersalah faham sepatunya yang patut dibayar oleh rakyat ialah RM1.60, ditolak 30 sen subsidi bermakna RM1.30. Saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan mengapa kita masih tidak dapat turunkan kepada RM1.30 seliter harga petrol. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah beri penjelasan tadi mengapa harga minyak kita tidak boleh diturunkan dengan kehendak kita di sini iaitu RM1.30 ataupun RM1.60. Ada dua perkara di sini pasal harga minyak ini. Satu, harga *crude oil* ataupun minyak mentah yang kita tahu semalam kalau tidak silap saya RM47 lebih setong. Akan tetapi ada juga harga minyak yang telah diproses iaitu yang harganya lebih mahal lah oleh kerana operasi, oleh kerana semua kerja yang membersihkan minyak ini sampai dapat digunakan oleh kita.

Jadi, harganya kalau kita tidak ambil cukai daripada itu, maksud saya tadi iaitu harga minyak akan harga dan kutipan kerajaan dari segi hasil, dari segi cukai dia akan menurun. Berkemungkinan dalam masa yang akan datang apabila harga minyak itu melambung naik semula kita tidak ada *saving*, tidak duit untuk kita menanggung, untuk kita membantu rakyat yang dibebankan oleh harga minyak yang melambung tinggi itu. Saya ada sepuluh minit lagi Yang Berhormat. Saya harap jawapan saya memuaskan. Di antara usaha-usaha dan tindak penguatkuasaan yang diambil adalah pegawai-pegawai penguat kuasa di 75 pejabat cawangan kementerian seluruh negara digerakkan untuk membuat operasi pemeriksaan dan pemantauan sepanjang masa ke atas harga barang-barang. Ini adalah bagi membendung kenaikan harga barang-barang ke paras yang melampau.

Pemeriksaan menyeluruh dijalankan ke atas semua peringkat perniagaan di kawasan bandar, kawasan luar bandar serta ke kampung-kampung dan kawasan pendalaman. Pemeriksaan yang kerap oleh anggota penguat kuasa akan menjadikan peniaga-peniaga lebih berwaspada. Ini akan memberi kesan ke atas peniaga yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Kementerian juga bertindak tegas di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan terhadap peniaga-peniaga yang masih ingkar dan tidak mematuhi arahan kerajaan khususnya mereka yang melakukan penyelewengan ke atas harga barang-barang. Sejak di awal pelaksanaan *operation* harga di 29 Jun sehingga 26 November 2008, sejumlah 446,595 diperiksa seluruh negara. Premis yang diperiksa termasuk pengilang, pengeluar, pemborong, pasar raya besar, pasar raya, pasar raya kecil, kedai runcit, pasar malam, pasar awam dan kedai-kedai menjual makanan.

Sebanyak 354 tindakan kes yang membabitkan kesalahan mengenai harga telah diambil di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 telah juga digunakan untuk mendenda ataupun untuk membawa mereka yang buat kesalahan ini. Jumlah nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM1,991,674.21. Jumlah kompaun RM66,510. Kerajaan masih menguatkuasakan kawalan harga ke atas gula

pasir bertapis kasar dan halus di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Pada masa yang sama kawalan harga secara pentadbiran masih dikekalkan ke atas tujuh jenis barang kawalan berjadual iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, roti, minyak masak, dan susu pekat manis. Tindakan kerajaan ini adalah untuk memastikan masyarakat masih dapat menikmati harga barang-barang keperluan asas tersebut pada paras yang munasabah.

■1610

Pemantauan yang berterusan dijalankan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa bagi memastikan barang-barang tersebut dijual mengikut harga yang ditetapkan oleh kerajaan.

Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor juga ada menyentuh berkaitan dengan penurunan harga barang. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapatkan bekalan barang keperluan dengan harga yang berpatutan bukan sahaja di bandar malah juga di luar bandar berhubung dengan itu. Mereka ini telah melaksanakan beberapa langkah iaitu dengan pelaksanaan sistem subsidi. Sebagai contoh, pemberian subsidi bagi sektor pengangkutan agar kos pengangkutan dapat dikawal dan penurunan harga petrol dan diesel secara berperingkat serta pemberian subsidi kepada barang-barang yang perlu.

Kementerian juga turut menganjurkan kempen penurunan harga yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan sejajar dengan pengumuman kerajaan berkenaan penurunan harga produk petroleum. Sebanyak 14 program tersebut telah diadakan sejak 24 Oktober 2008. Ini agak panjang senarainya, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan pendekkannya.

Pada masa kini kementerian sedang mengatur rancangan untuk melaksanakan projek perintis yang sama bagi daerah-daerah di Sabah dan di Sarawak yang dijangka akan bermula pada tahun 2009. Ini berkaitan dengan pengedaran barang dan projek perintis ini adalah akan mengira macam mana harga pengangkutannya apabila barang sampai di pekan-pekan tempat pengeluaran itu kepada pekedai-pekedai kecil di luar bandar.

Hasil keputusan projek perintis ini akan digunakan sebagai rujukan oleh kementerian untuk merangka strategi baru bagi sistem pengedaran terutama barangan makanan dan harga barangan dapat dikawal serta diturunkan. Kementerian sentiasa mengambil langkah berterusan bagi membendung kenaikan harga barangan keperluan dan sentiasa memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya hingga golongan rakyat yang berpendapatan rendah tidak terus menjadi mangsa keadaan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Puan Loga Chitra juga bangkit berkaitan dengan penurunan harga minyak dan tidak turunnya harga barang dan saya akan menjawab seperti berikut. Kementerian telah mendapat kerjasama dan komitmen sebilangan pihak dan peniaga dalam usaha untuk menurunkan harga barangan sejak kerajaan menurunkan harga petrol dan diesel. Melalui kempen penurunan harga yang telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan sejajar dengan pengumuman kerajaan berkenaan penurunan

harga bahan api, sektor peruncitan moden seperti pasar raya besar asing dan tempatan telah pun mengambil bahagian.

Sebagai contoh, pasar raya besar *Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco* dan *The Store* dan kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti *UO Superstore, Sunshine, Econsave* dan *99 Speedmart*. Produk yang terlibat di dalam kempen ini adalah terdiri daripada pelbagai barangan terutama barangan keperluan harian pengguna seperti makanan segar dan yang dibungkus, barangan keperluan bayi, barangan penjagaan diri dan serbuk pencuci. Kempen penurunan harga ini adalah satu inisiatif kementerian yang dijalankan secara berterusan bagi menjamin semua rakyat sama ada di bandar mahupun di desa akan mendapat faedah dan manfaat daripada penjimatan yang ditawarkan.

Adalah menjadi harapan kementerian agar lebih banyak pihak terutamanya peniaga, pihak pembekal bahan mentah dan pengeluar produk akan tampil untuk memberi kerjasama dan komitmen bagi menjayakan usaha kementerian ini. Selain daripada program-program yang telah dinyatakan, kementerian telah mengadakan sebanyak 11 siri mesyuarat dengan pihak pengeluar, pemborong dan penyedia perkhidmatan pengangkutan bagi mendapatkan maklum balas dan sebab-sebab mengapa harga barangan dan perkhidmatan tidak diturunkan setelah penurunan harga minyak petrol.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan jawapan bagi isu-isu yang telah disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator di Dewan yang mulia ini. Kementerian sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih atas teguran dan idea-idea yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan kita akan bersama-sama mengambil iktibar bahawa kita akan bersungguh-sungguh untuk bekerja untuk rakyat yang kita wakili. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama. Seterusnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam hormat dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2009 di peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sukacitanya saya menjawab saranan dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya yang berkaitan pembasmian kemiskinan, bangunan prasarana asas dan utiliti luar bandar, wilayah dan kawasan dan hal ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Datuk Akbar Ali dan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Bakar telah menyentuh beberapa isu mengenai kemiskinan masyarakat luar bandar. Berkenaan dengan isu program baik pulih 2,400 buah rumah miskin tegar yang hanya mewakili 6% daripada sasaran menghapuskan miskin tegar menjelang 2010 seperti yang dibangkitkan, kementerian sebenarnya

telah merancang untuk menggunakan 20% daripada jumlah peruntukan Program Bantuan Rumah ataupun PBR untuk melaksanakan projek baik pulih rumah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 2,991 rumah rakyat termiskin akan dibaik pulih. Sebanyak 1,521 unit telah siap dilaksanakan pada tahun 2006 dan 2008, manakala baki itu 1,070 unit rumah lagi akan dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010. Merujuk kepada saranan supaya menyediakan peluang kerajaan kepada rakyat miskin sebagai satu kaedah yang baik untuk menghapuskan kemiskinan. Kementerian telah melaksanakan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya ataupun PLKK di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

Melalui program ini, ahli isi rumah miskin tegar yang telah mengikuti latihan kemahiran akan terus ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kursus yang telah dijalani sebaik sahaja selesai menjalani kursus. Pengendali kursus yang telah dilantik diwajibkan menawarkan pekerjaan dalam pelbagai bidang. Sehingga kini, sekurang-kurangnya 70% peserta kursus rakyat termiskin telah ditawarkan pekerjaan.

■1620

Berhubung dengan cadangan supaya membangunkan modal insan untuk semua bangsa selaras dengan Teras II Misi Nasional, kementerian ini telah menyediakan beberapa program dan bantuan khusus bagi golongan miskin tegar luar bandar di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat ataupun SPKR seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Program Kecemerlangan Pendidikan dan Program Pembangunan Minda Insan. Hubungan dengan isu sasaran kemiskinan sifar pada tahun 2010, kerajaan telah menyasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 2.85% iaitu pengurangan 50% pada tahun 2010 dan menghapuskan sepenuhnya kadar kemiskinan tegar menjelang 2010.

Selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, usaha ini dilaksanakan melalui pelaksanaan yang lebih komited bagi program-program pembasmian kemiskinan tegar melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat di kementerian ini. Berhubung dengan isu perbezaan jurang yang besar di antara bandar dan luar bandar, kementerian ini sentiasa berusaha untuk mengeluarkan golongan miskin dan miskin tegar dari belunggu kemiskinan melalui program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat seperti program peningkatan pendapatan dan program latihan kemahiran dan kerjaya. Bagi meningkatkan tahap kemahiran dan memperbaiki taraf hidup seterusnya mengeluarkan ketua isi rumah miskin tegar secara langsung daripada kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, PPP – ini bukan Parti Progresif. Ini adalah Program Peningkatan Pendapatan, menyediakan bantuan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor seperti perniagaan kecil dan perusahaan asas tani. Manakala PLKK ataupun Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya melibatkan kursus atau latihan kemahiran kepada golongan miskin tegar terutama anak-anak miskin tegar mendapatkan kemahiran seterusnya memperoleh pekerjaan yang sesuai bagi menjana pendapatan yang lebih baik. Sebahagian besar lepasan program ini berjaya mendapatkan pekerjaan dengan pendapatan melebihi RM400 sebulan dan ada di

antaranya menjangkau melebihi RM1,000 sebulan. Jumlah ketua isi rumah miskin tegar luar bandar pada tahun 2006 ialah 48,134 orang dan jumlah ini telah menurun kepada 37,639 orang pada September tahun ini iaitu pengurangan sebanyak 10,495 orang.

Yang Berhormat Khoo Soo Seang memohon supaya jeti di Kampung Kong Kong yang telah uzur dibaik pulih bagi kegunaan penduduk di sepuluh buah kampung berhampiran mencari rezeki. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melaksanakan pelbagai projek-projek infrastruktur seperti projek jalan kampung, jalan luar bandar, Program Ameniti Sosial, dengan peruntukannya masing-masing. Bagi kerja-kerja bina baru ataupun naik taraf ataupun baik pulih jeti, ia adalah di bawah skop Program Ameniti Sosial ataupun PAMS. Berkenaan dengan permohonan membaik pulih jeti di Kampung Kong Kong, kementerian telah mengambil tindakan lanjut mengenai permohonan Yang Berhormat bagi menyediakan kemudahan infrastruktur di kawasan yang berkenaan.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu supaya infrastruktur asas di negeri Sarawak ditambah dan ditingkatkan agar kawasan luar bandar dapat diterokai dan memberi peluang ekonomi di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam menyediakan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan di Sarawak. Ini jelas dibuktikan melalui setiap Rancangan Malaysia lima tahun di mana negeri Sarawak mendapat peruntukan yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Kementerian sedar bahawa pembangunan kemudahan infrastruktur luar bandar memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh yang demikian, pelaksanaannya perlu dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain telah menyentuh mengenai isu kerosakan jalan akibat banjir dan menyarankan agar pembinaan jalan kampung di naik taraf serta meningkatkan kemudahan infrastruktur. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan piawaian jalan yang dibina supaya ia dapat digunakan dalam apa jua keadaan. Sebagai contoh, piawaian jalan kampung yang dahulunya mempunyai ketebalan maksima sembilan inci bagi *crucial run* tetapi kini telah ditambahkan ketebalannya kepada minimum sembilan inci. Dahulu maksimum sembilan inci, sekarang minimum sembilan inci.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan pembinaan jalan kampung dan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar. Namun begitu, penyediaan infrastruktur ini melibatkan peruntukan yang besar. Oleh itu, pelaksanaan perlu dibuat secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan juga.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor mengenai jumlah peratus dana AAIBE iaitu Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik diberikan kepada Program Bekalan Elektrik Luar Bandar. Adalah dimaklumkan bahawa sebanyak 60% daripada dana tersebut diagihkan kepada Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof Husin agar kementerian mengambil perhatian serius untuk membantu pekebun dan pekebun kecil yang menderita kerana harga getah yang rendah supaya mempunyai pendapatan untuk menampung keluarga dan wang saku sendiri. Kementerian menyedari telah berlaku kejatuhan harga getah. Sehingga hari ini, harga getah telah jatuh sebanyak 62% berbanding semasa harga pasaran mencatat paras tertinggi pada Julai tahun ini. Disebabkan kejatuhan harga getah pekebun kecil yang terjejas dari segi pendapatan, kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil pemilik pengusaha yang memiliki kebun kurang daripada 1.9 hektar. Dengan harga semasa iaitu selepas turun 62% ini, pendapatan mereka adalah dalam lingkungan RM665 sebulan bagi keluasan 1.9 hektar.

Program yang sedia ada bagi membantu pekebun kecil getah meningkatkan pendapatan adalah melalui program peningkatan produktiviti kebun getah dan program mempelbagaikan sumber pendapatan. Tumpuan program ini adalah bagi membantu pekebun kecil yang memiliki kebun bersaiz kecil dan pengusaha kebun mereka sendiri. Yang dianggap pekebun kecil di sini ialah yang kurang daripada 1.9 hektar. Di samping itu, kementerian sedang mengkaji dan meneliti langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu pekebun kecil yang benar-benar memerlukan bantuan akibat daripada kejatuhan harga getah.

Mengenai saranan Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof Husin agar kerajaan membangunkan desa dalam pelbagai aspek sama ada perubatan, pelancongan dan sebagainya, adalah dimaklumkan untuk kementerian ini, kita mengambil maklum akan perkara ini. Kementerian melalui Program Gerakan Daya Wawasan, akan memperhebatkan program pengupayaan masyarakat desa ke arah perubahan minda yang positif dalam menjana peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat desa.

■1630

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin ...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tanpa menghiraukan kepentingan politik masing-masing, saya merayu bersungguh-sungguh kepada kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengambil serius akan kejatuhan harga getah yang berlaku sekarang ini. Maklumat yang saya terima hari ini di bawah paras RM1 sekilogram. Sesiapa pun di antara kita dalam Dewan yang mulia ini kita tidak mahu lagi berlaku seperti mana peristiwa 1974, demonstrasi besar-besaran yang melibatkan orang kampung dengan tidak mengambil kira fahaman politik untuk menuntut kenaikan harga getah.

Sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat pekebun kecil yang bersaiz kecil, terdapat lagi satu kategori di mana orang-orang ini hanya mengambil upah di kebun orang. Katakanlah dia boleh menoreh 20 kilo sehari, 10 kilo diberikan kepada tuan punya kebun dan 10 kilo lagi untuk dirinya. Kalaulah harganya sekarang ini 70 sen, dia dapat RM7 bagaimana dia

hendak memelihara anaknya dan pendapatan tadi tidak akan berlaku RM600 seperti Yang Berhormat sebutkan.

Jadi, dalam keadaan ini saya ingin minta penjelasan daripada kerajaan, apakah langkah-langkah yang lebih drastik supaya perkara yang sedemikian, peristiwa 1974 tidak akan berulang lagi terutama di kawasan kemiskinan termasuklah Baling dan Sik. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kita tidak pernah mengambil kepentingan politik semasa membuat dasar untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini. Apabila kita membuat dasar kita lihat siapakah sasaran asalnya dari segi misalnya pendapatan mereka. Pekebun kecil ini adalah dianggap orang yang mempunyai kebun kurang dari 1.9 hektar dan pendapatan mereka adalah kurang daripada paras kemiskinan tegar, misalnya. Jadi, sesiapa yang di dalam kategori itu akan diberi bantuan dan tidak dimasukkan kepentingan politik langsung.

Sekiranya ada Yang Berhormat terjumpa dasar itu dikenakan kepada satu pihak tetapi tidak kepada pihak yang patut menerimanya, kita akan mempertimbangkan. Kadangkala kita memperkenalkan satu jenis bantuan tetapi tidak semua menerimanya. Ini adalah kerana kita menghadapi kekangan kewangan. Misalnya ramai yang patut dibantu dari segi bantuan kebajikan. Saya lupa sepatutnya berapa seseorang itu patut diberi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tidak semua yang dapat menerima sebab tidak cukup wang. Kemungkinan ada dasar yang diperkenalkan tetapi tidak semua dapat meraih manfaat daripada dasar tersebut oleh kerana ada kekangan-kekangan yang tertentu. Namun, Yang Berhormat sila maklumkan kepada kementerian sekiranya ada perkara yang sedemikian berlaku.

Dari segi apakah perancangan kita, sebenarnya ada perancangan yang tertentu tetapi ia belum begitu mantap. Saya tidak dapat umumkan di sini dan kementerian sedang membuat kajian yang teliti berkenaan dengan ini dan akan kemukakan nanti kepada pihak EPU dan selepas itu kepada Kabinet. Ini adalah dengan menduga harga getah ini kemungkinan akan jatuh lagi barangkali awal tahun depan. Begitulah perancangan kerajaan setakat ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Datuk Armani binti Haji Mahiruddin supaya kementerian memberi penerangan kepada masyarakat luar bandar mengenai peranan dan fungsi kementerian serta agensi. Adalah dimaklumkan bahawa kementerian sememangnya tidak mengabaikan masyarakat luar bandar dari segi memaklumkan tentang peranan dan tanggungjawab serta perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat luar bandar.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat, agar kementerian memberi penerangan kepada masyarakat luar bandar mengenai pelaksanaan projek-projek koridor di negeri-negeri yang terlibat. Kementerian telah membuat publisiti dan seranta dari masa ke semasa melalui media cetak dan elektronik.

Selain daripada itu, bengkel dan seminar mengenai pelaksanaan koridor-koridor pembangunan diberikan kepada pegawai kementerian sebaik sahaja ia dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lepas dan awal tahun ini. Ia supaya memudahkan

pegawai-pegawai ini memberi penjelasan kepada rakyat faedah dan peluang yang boleh diperolehi daripada pelaksanaan projek mega kerajaan itu.

Kementerian juga akan memastikan rakyat luar bandar bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menerima perubahan yang datang ke kawasan-kawasan mereka dengan kursus-kursus pembangunan modal insan oleh agensi-agensi kementerian seperti KEMAS dan INFRA. Pelbagai projek telah diperkenalkan oleh kementerian seperti Apa Khabar Orang Kampung, Program Mesra Rakyat dan Program Dua Jam, Tiga Jam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin mengenai isu masyarakat Orang Asli dalam meningkatkan taraf hidup mereka dan pertanyaan mengenai kejayaan program-program yang dilaksanakan setelah wang berjuta-juta ringgit dibelanjakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa komited dan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Antaranya ialah pemajuan tanah yang lebih terancang.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah melaksanakan projek pembangunan tanah menerusi agensi kementerian iaitu RISDA dan FELCRA. Sehingga kini, sejumlah 167 buah ladang dengan keluasan 24,100 hektar telah berjaya dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit iaitu 117 buah ladang oleh RISDA dan 50 buah ladang lagi oleh FELCRA. Sejumlah 96 buah ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan memberi faedah kepada 6,947 peserta masyarakat Orang Asli. Selain menerima dividen sekurang-kurangnya RM400 sebulan; peserta juga berpeluang bekerja sebagai buruh ladang, mandur atau pengawal keselamatan ladang. Orang Asli juga turut diberi peluang menjadi kontraktor atau subkontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembangunan ladang, penyelenggaraan dan penuaian hasil.

Menerusi Program Bantuan Ruang Niaga, seramai 197 orang usahawan Orang Asli telah mendapat peluang berniaga di gerai-gerai perniagaan yang disediakan oleh jabatan. Mereka telah diberi latihan dan program bimbingan usahawan, di mana seramai 250 peserta Orang Asli telah menerima kemudahan untuk menjalankan perniagaan.

Ketiga, bantuan pelajaran dan latihan. Sehingga kini terdapat seramai 887 belia Orang Asli telah berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Manakala seramai 1,614 belia Orang Asli telah mengikuti pelbagai kursus kemahiran yang dianjurkan oleh jabatan yang telah memberi peluang pekerjaan di pelbagai sektor. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, sehingga kini terdapat seramai 40 Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia telah berjaya menjawat jawatan tinggi dalam sektor kerajaan mahupun swasta seperti pegawai tadbir dan diplomatik, doktor, pensyarah, pegawai polis jurutera, peguam dan sebagainya.

■1640

Pihak kerajaan menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan berusaha untuk memperbanyakkan lagi golongan Orang Asli berjaya di masa hadapan. Bagi sasaran supaya memberi tanah kepada Orang Asli sebagai satu usaha membantu mereka, adalah dimaklumkan

bahawa selain daripada program-program pembangunan yang disebutkan tadi sememangnya kerajaan bercadang untuk memberi tanah kepada masyarakat Orang Asli melalui dasar pemberi milikan dan pembangunan tanah kepada masyarakat Orang Asli yang telah pun dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang bersidang pada 7 November yang lalu. Dasar ini bertujuan bagi mempercepatkan lagi usaha pembasmian miskin tegar dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

Berhubung dengan permintaan untuk mendapatkan kepastian keadaan sebenar tanah-tanah yang telah diluluskan untuk Orang Asli tetapi tidak diwartakan. Untuk makluman Yang Berhormat apabila tanah telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan mengambil tindakan susulan untuk pelaksanaan kerja-kerja ukur halus bagi mendapatkan pelan ukur keliling yang diiktiraf oleh Jabatan Pemetaan dan Ukur (JUPEM). Selepas itu pelan tersebut akan dimajukan kepada pihak berkuasa negeri untuk bertujuan penggazetan ataupun pewartaan. Walau bagaimanapun, proses pewartaan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa negeri.

Bagi cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin supaya satu pasukan petugas khas untuk memantau pelaksanaan program-program pembangunan Orang Asli dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pemantauan projek-projek pembangunan dibuat secara berkala dan berkesan melalui mekanisme-mekanisme yang ada di peringkat jabatan, kementerian dan agensi pusat di mana di peringkat jabatan telah diwujudkan jawatankuasa tindakan pembangunan jabatan dan jawatankuasa pemantauan dan inspektorat jabatan yang memantau projek-projek pembangunan tersebut. Manakala di peringkat kementerian juga telah diwujudkan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) dan jawatankuasa pemantauan dan inspektorat kementerian di samping pemantauan dibuat oleh agensi pusat melalui sistem pemantauan projek dua.

Oleh yang demikian, buat masa ini mekanisme yang ada mampu dan mencukupi untuk memantau projek-projek pembangunan yang dijalankan. Saranan Yang Berhormat supaya Orang Asli dididik bagi tujuan mendidik Orang Asli yang lain dan bukan sekadar menghantar mereka menyertai seminar seterusnya balik selepas berseronok di tempat-tempat tertentu adalah diakui bahawa pendidikan adalah faktor yang penting untuk membuat perubahan kepada masyarakat Orang Asli.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah memfokuskan kepada pendidikan anak-anak Orang Asli di samping semua peringkat lapisan umur supaya mereka mendapat pendidikan dan latihan yang sewajarnya. Jabatan berpandangan langkah ini akan menjadi agen pembaharuan kepada masyarakat mereka di mana pembangunan akan lebih mudah diterima.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat kementerian juga telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA). Selepas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

majlis ini merupakan satu forum khas bagi membincangkan isu-isu pembangunan masyarakat Orang Asli secara menyeluruh. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan ahli-ahlinya terdiri daripada individu dari kalangan Orang Asli dan bukan Orang Asli, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli akademik, pemimpin politik dan jabatan ataupun agensi kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu juga merupakan salah satu ahli majlis ini. Tahniah. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan pasukan petugas khas jika ada keperluan pada masa hadapan kita sedia menimbangkan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor supaya kerajaan memberi tanah kepada Orang Asli dan diserahkan kepada FELDA bagi pembangunan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembangunan ala FELDA kepada masyarakat Orang Asli telah mula dilaksanakan oleh jabatan semenjak Rancangan Malaysia Keempat iaitu Julai 1981 yang dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS).

Di antara komponen RPS ini ialah projek pembangunan ladang secara komersial, perumahan berserta infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan ameniti sosial. Sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 16 RPS telah dibangunkan oleh jabatan melibatkan kawasan seluas 10,000 hektar dengan tanaman getah, sawit dan sayur-sayuran. Walau bagaimanapun, dalam tempoh RMK-8 dan RMK-9 kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menggunakan pendekatan baru dalam pelaksanaan pembangunan menerusi program penyusunan semula kampung (PSK) tadi RPS tukar kepada PSK program pembangunan masyarakat setempat ataupun PPMS dan program penempatan semula untuk mangsa bencana alam.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai kualiti rumah PPRT Orang Asli yang berkualiti rendah dan akhirnya tidak diduduki oleh masyarakat Orang Asli. Adalah dimaklumkan bahawa pembinaan rumah PPRT ini adalah mengikut spesifikasi reka bentuk dan kadar yang ditetapkan oleh kementerian menerusi program skim kesejahteraan rakyat termiskin (SPKR).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Selepas ini satu muka surat sahaja. Dua tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum pada itu Yang Berhormat, maaf saya ganggu sekejap kerana ada usul yang perlu diputuskan oleh majlis.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2009. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 18 Disember 2008.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung penggulangan kementerian saya lagi. Yang Berhormat tadi juga membangkitkan mengenai kualiti rumah PPRT. Adalah dimaklumkan bahawa pembinaan rumah PPRT ini adalah mengikut spesifikasi, reka bentuk dan kadar yang telah ditetapkan oleh kementerian melalui program SPKR.

■1650

Oleh yang demikian, kualiti rumah PPRT Orang Asli seharusnya sama dengan bantuan rumah kepada golongan miskin yang lain di bawah program ataupun di bawah SPKR ini. Walau bagaimanapun kementerian mengambil maklum dan akan meneliti isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mengenai industri pelancongan kampung Orang Asli, adalah dimaklumkan bahawa perkampungan Orang Asli yang terlibat dengan industri pelancongan ialah Kampung Bakar Batu Johor Bahru, Johor, Kampung Pontian Besar, Pontian Johor, Kampung Bukit Kepong, Negeri Sembilan, Kampung Sungai Bumbun, Kuala Langat Selangor, Kampung Telok Tongkah, Morib Selangor, Kampung Bukit Bangkong, Sepang Selangor.

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengenal pasti beberapa kampung lain dengan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan dan akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan Malaysia. Sekian sahaja jawapan kepada persoalan dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan diharap kerjasama yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha membangunkan masyarakat luar bandar dan membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan dengan

sebaik mungkin. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Pelajaran.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak seluruh warga pendidik, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan yang terus memberi peruntukan yang besar kepada sektor pendidikan dan latihan iaitu, sebanyak RM47.7 bilion yang merupakan 23% daripada jumlah Bajet 2009. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperoleh tambahan peruntukan sebanyak 6% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM31.4 bilion bagi Bajet 2009 berbanding dengan RM29.53 bilion peruntukan Bajet 2008.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tema Bajet 2009 iaitu Kerajaan Prihatin, tumpuan utama peruntukan yang diberikan kepada KPM adalah merangkumi usaha berterusan menjayakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang secara langsung memberi penekanan terhadap kebajikan murid, guru, melalui penumpuan kepada pembangunan infrastruktur, bantuan pendidikan, insentif-insentif khas, memartabatkan profesionalisme perguruan dan menjayakan program pendidikan yang dirancang. Peruntukan yang besar ini juga merupakan amanah daripada kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti bagi memastikan Malaysia terus berada dalam kalangan negara-negara maju di dunia ini.

Saya amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, saranan malah teguran membina demi menambah baik sistem pendidikan negara. Seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memberi pendidikan kepada anak bangsa kita, kementerian tidak hanya menumpukan kepada murid-murid yang cemerlang dalam akademik sahaja. Sebaliknya menyediakan peluang pendidikan kepada murid-murid yang lebih cenderung kepada bidang kemahiran agar mereka dapat mengikuti pengajian sekurang-kurangnya sehingga Tingkatan 5 seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Sehubungan itu KPM menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memperkukuhkan program pendidikan dan latihan. Hasrat beliau untuk memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional agar dapat melahirkan lebih ramai murid yang memiliki kemahiran, skil selain keupayaan akademik. Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan tiga aliran khusus kepada pelajar berprestasi tinggi iaitu teknikal, berprestasi sederhana iaitu vokasional dan berprestasi rendah iaitu aliran kemahiran. Objektif bagi ketiga-tiga aliran adalah seperti berikut:

- (i) aliran teknikal - memberikan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap

bidang tersebut dan mengekalkan minat serta kecenderungan ini supaya membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institut pengajian tinggi;

- (ii) aliran vokasional – menyediakan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Pada waktu yang sama bagi pelajar lepasan vokasional yang cemerlang, mereka mempunyai peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institusi pengajian tinggi;
- (iii) aliran kemahiran – memberi latihan dan kemahiran kepada pelajar bersesuaian dengan pekerjaan yang memerlukan kemahiran di sektor perindustrian, perusahaan, pertanian dan sektor-sektor yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada waktu ini kementerian telah menyediakan aliran kemahiran bagi pelajar-pelajar lepasan PMR khususnya untuk menangani masalah keciciran. Murid-murid ini hanya difokuskan kepada kemahiran dengan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan berpeluang untuk melanjutkan kemahiran di institut kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan sebagainya. Di samping itu KPM juga telah memperkenalkan mata pelajaran Vokasional, MPV di sekolah menengah akademik secara berperingkat bermula tahun 2002.

Sebanyak 22 mata pelajaran vokasional ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah atas iaitu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Penawaran MPV memberi peluang kepada murid yang cenderung kepada kemahiran ketukangan dan vokasional memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat masing-masing. Murid yang melalui program ini akan dibekalkan dengan kemahiran untuk mereka mendapatkan pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi, mengenai pedagogi guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sememangnya pada waktu ini Kementerian Pelajaran Malaysia sedang merangka cadangan melakukan transformasi kurikulum pendidikan dari prasekolah dan sekolah rendah. Transformasi ini sudah pasti mengubah cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih berorientasikan tema, berbentuk modul dan berpusatkan murid. Kurikulum ini dicadangkan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, KBSR yang sedang diguna pakai pada masa ini. Kurikulum baru ini akan dirintis secara berperingkat mulai September 2008. Selaras dengan transformasi kurikulum ini juga, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membangunkan Sistem Penaksiran Pendidikan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai SPPK.

Pindaan daripada sistem penilaian yang berpusatkan peperiksaan kepada SPPK bukan sahaja mampu menaksir pencapaian akademik murid malah mampu mencungkil potensi, bakat murid dan juga budaya saing dalam pelbagai bidang seperti yang dihasratkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sistem ini diyakini berupaya meningkatkan kualiti murid dari segi bina upaya insan iaitu *human capacity building* dengan izin, dalam era globalisasi dan juga melahirkan modal insan yang seimbang. Di bawah konsep SPPK, tumpuan bukan hanya diberi kepada aspek kognitif,

tetapi juga kekuatan dalaman yang boleh memastikan kebolehdidikan (*educapability*), kebolehlatihan (*trainability*), kebolehverjaan (*employability*) dan kebolehpasaran (*marketability*).

Projek rintis konsep SPPK ini telah mula dilaksanakan pada bulan Jun ini di 50 buah sekolah rendah yang terdiri daripada sembilan buah sekolah kluster dan 41 buah sekolah lain yang dipilih. Mengenai pembelajaran k-ekonomi seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan kurikulum KBSR dan KBSM adalah berasaskan kepada teori pembelajaran. Dasar pendidikan kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara dan perkembangan dunia semasa. Pembangunan kurikulum ini juga berlandaskan kepada *4 pillars of education*, dengan izin iaitu *learning to know, learning to do, learning to live together* dan *learning to be* seperti yang disarankan oleh UNESCO.

Dasar KPM adalah untuk membangunkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran dan menghayati nilai-nilai murni. Matlamat KPM adalah untuk melahirkan murid yang mampu menerokai pelbagai disiplin ilmu, kompeten dan berkemahiran, mengamalkan nilai-nilai murni dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

■1700

Oleh itu, melalui mata pelajaran yang ditawarkan dalam kurikulum kebangsaan serta program-program sokongan kurikulum yang disediakan oleh KPM, murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran *hard and soft skills* yang membolehkan mereka berdaya saing dalam ekonomi berasaskan pengetahuan.

KPM juga telah menerapkan keperluan *knowledge economy* iaitu k-ekonomi di dalam kurikulum dan kegiatan kokurikulum di peringkat sekolah, antaranya:

- (i) menggalakkan penglibatan murid dalam kegiatan koperasi sekolah dan kelab keusahawanan;
- (ii) mengelompokkan semula kursus-kursus vokasional mengikut sektor ekonomi seperti pertanian, perkhidmatan, kewangan, hotel, catering serta pelancongan;
- (iii) menerapkan elemen keusahawanan dan ICT dalam setiap kurikulum vokasional; dan
- (iv) melaksanakan dan memperluaskan konsep *school enterprise* atau produk berdasarkan pendidikan.

Ia bertujuan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dengan menghasilkan produk untuk dipasarkan. Ia juga bertujuan mendedahkan murid dengan dunia keusahawanan supaya mereka boleh berdikari serta dapat membantu membangunkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Berhormat Tuan Ahamat @ Ahmad bin Yusop bagi mewujudkan sekolah satu aliran, ia memerlukan kerajaan mengambil kira semua aspek yang berkaitan termasuk akta

yang sedia ada, status tanah, kedudukan guru, peruntukkan sekolah dan *consensus* yang perlu diwujudkan untuk mengatasi semua isu itu.

Buat masa ini, perkara ini perlu menjadi kepentingan dan untuk makluman bahawa PIPP usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan yang juga merupakan teras ketiga di bawah PIPP masih lagi dijalankan, dan ia nya memastikan terdapat rangkaian antara sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kementerian ingin menegaskan bahawa semangat patriotisme dan toleransi telah disuntik melalui kedua-dua jenis sekolah itu seperti mana yang sedang dilaksanakan di bawah PIPP melalui teras membina negara bangsa dan melahirkan modal insan seterusnya, sekolah aliran berkenaan tidak dilihat untuk satu kaum sahaja.

Yang Berhormat senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah membangkitkan rasional bayaran tambahan dan yuran sekolah ditangguhkan kutipan sehingga bulan Jun 2009. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan situasi ekonomi yang tidak menentu, seboleh mungkin KPM mencari pendekatan terbaik untuk mengurangkan perbelanjaan awal tahun ibu bapa dalam menanggung beban perbelanjaan persekolahan.

Sehubungan itu, melewati bayaran tambahan sehingga bulan Jun 2009, adalah usaha pihak Kementerian Pelajaran, memberi kelegaan dan mengurangkan tekanan kepada ibu bapa untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Langkah ini juga adalah selaras dengan usaha KPM mengupayakan peranan dan tanggungjawab PIBG dalam membantu sekolah bagi membangunkan sistem pendidikan negara.

Untuk memastikan pelaksanaan ini berjalan dengan lancar, satu *road show* akan dijalankan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di seluruh negara, demi memastikan setiap perkara yang dimaklumkan dapat diterangkan dengan jelas dan segala isu cuba ditangani secara bersama. Selain itu, penjelasan juga boleh didapati melalui talian aduan tetap KPM iaitu 03-88888445/ 446/ 443 Pejabat Khidmat Pelanggan KPM ataupun talian faks, 03-88888431 dan 1-800-88-4774 untuk talian *hotline* aduan disiplin. Segala aduan dan isu yang dikemukakan melalui talian ini akan disalurkan kepada jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Khas Penggal Persekolahan 2009, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan guru siswazah di SJK (T) dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2008, daripada 7,341 orang guru di SJK(T), 1,083 orang adalah guru siswazah.

Dalam usaha KPM merealisasikan 50% guru-guru siswazah, di sekolah rendah termasuk SJK(T). Selain daripada melaksanakan program dalam perkhidmatan, seperti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG), yang dilaksanakan sehingga 2006, dan diganti dengan Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR), KPM juga melaksanakan program pra perkhidmatan seperti Khusus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Program ijazah Muda Pendidikan (*Bachelor of Education*) dan Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang (PPC).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan PPSMI seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar, Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSMI), telah dilaksanakan selama enam tahun sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2003. Pada tahun ini, pelaksanaan PPSMI telah melalui satu pusingan lengkap bagi murid sekolah rendah di mana murid tahun satu, pada tahun 2003 telah tamat tahun enam, pada tahun ini.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa siri meja bulat PPSMI bagi tujuan mendapatkan input pihak berkepentingan dalam menentukan hala tuju PPSMI. Peserta persidangan meja bulat terdiri daripada wakil pelbagai pihak seperti parti politik, badan-badan bukan kerajaan, institusi akademik serta individu. Manakala persidangan meja bulat yang kelima pula telah diadakan semalam, iaitu pada 16 Disember 2008.

Berasaskan input daripada semua persidangan meja bulat, yang saya sendiri mempengeruskannya, dapatan program pemantauan dan penilaian PPSMI, pelbagai laporan kajian serta pandangan orang ramai. KPM akan menyerahkan rumusan mengenai pelaksanaan PPSMI kepada kerajaan, kepada Jemaah Menteri khususnya, untuk memberi pertimbangan terhadap pelbagai opsi dalam menentukan hala tuju dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah, dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah menyentuh tentang Kementerian Pelajaran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih. Silakan.

Datuk Akhbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya ada menyentuh berkenaan dengan *mother policy*. Saya lihat tidak ada menteri yang menyentuh, saya mohonlah kalau dapat di ulas. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya menjawab secara tersirat tadi. Apabila kita sebut perlu mendapatkan konsensus, bermakna kalau kita berkehendakkan satu polisi induk, bermakna ianya mesti mendapat persetujuan dan ianya mesti mengikut lunas undang-undang. Maka tadi saya tidak memerihalkan bagaimana kita nak buat, tetapi dari segi konsepnya, kalau kita hendak satu *mother policy*, bermakna ianya perlu melalui satu proses yang diresstui oleh semua pihak. Begitu juga kita kena menyemak Akta Pendidikan dari segi cara mana kita dapat melakukannya.

Saya rasa apa yang telah dibangkitkan, oleh kerana dalam pindaan Akta Pendidikan 1996 telah disebutkan juga, saya telah memberi *respond* dan apakah pendirian kita dan sebenarnya, kita menghormati apa yang ada dan kita tidak sewenang-wenangnya melihat sekolah kita pelbagai aliran itu sebagai satu kelemahan. Sekiranya terdapat kelemahan, kita kena atasi.

Saya pernah mengumumkan, di mana sebelum itu, memang ada program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), itu sebagai satu cara mekanisme kita untuk mengintegrasikan sekolah-sekolah ini. Saya rasa, itulah antara perkara dan saya tak masuk pada *mother policy* kerana, sampai sekarang kita dalam PIPP, kita telah jelas mengatakan bahawa, kita memperkasakan sekolah kebangsaan.

Pada waktu yang sama kewujudan sekolah lain juga, kita restui. Saya rasa masih lagi dalam kerangka PIPP dan saya rasa apa yang dihajatkan oleh Yang Berhormat, sekiranya satu hari nanti, cucu cicit kita dapat menentukannya, saya rasa terpulang kepada generasi akan datang.

Jadi saya rasa, apa yang telah saya jelaskan satu persatu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang hebat belaka, yang telah memberi input-input yang bermakna kepada kementerian dan kita sentiasa mendengar pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, demi kebaikan nusa dan bangsa. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali, giliran Kementerian Kewangan, sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung perbahasan bajet di peringkat dasar. Silakan Yang Berhormat.

5.10 ptg.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2009, yang melibatkan beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Kewangan.

■1710

Sehubungan dengan ini saya ingin memberi penjelasan mengenai perkara dan isu yang telah dibangkitkan antaranya berkaitan dengan pengurusan mikro ekonomi, subsidi minyak, percukaian, perbankan dan pinjaman perumahan.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin telah meminta penjelasan mengenai kedudukan semasa ekonomi negara. Seperti yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi global sedang menghadapi satu cabaran yang begitu sengit dan yang begitu getir yang tidak pernah dialami dalam tempoh 80 tahun. Kita melihat bahawa sistem ekonomi, sistem kewangan di barat, sistem kapitalisme ala Anglo-Saxon itu menghadapi saat-saat kehancuran.

Kita juga melihat bahawa sistem *global financial architecture* juga sedang menghadapi saat-saat kehancuran dan kalau kita menoleh ke belakang Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi krisis tahun 1997 dan 1998, kita di Malaysia telah memberitahu kepada satu dunia, kepada seluruh masyarakat antarabangsa bahawa sistem yang wujud dalam sistem ekonomi barat tidak begitu adil dan tidak saksama. Akan tetapi pada masa itu saranan dan pendapat kita tidak diterima langsung oleh pihak barat yang menganggap bahawa krisis yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998 adalah oleh kerana kelemahan kita di rantau ini termasuk Malaysia, kroni kapitalisme dan oleh kerana kita tidak melaksanakan dengan izin, *privatization deregulation*. Kita diberi nasihat dan khutbah oleh pihak barat supaya kita harus mengikut nasihat mereka dan melaksanakan strategi dan dasar-dasar yang disebut oleh mereka sebagai *Washington consensus*.

Pada masa itu kita sudah sedar bahawa sistem ala sistem kapitalisme, ala Anglo-Saxon ini tidak akan tahan lama dan alhamdulillah kita lihat sekarang dalam tempoh 10 tahun bahawa sistem itu dalam saat-saat kehancuran. Kalau kita lihat kelemahan sistem global sekarang antara lain seperti saya sebut tadi adalah tidak adil, sebagai misalan dalam sistem kewangan *Anglo-Saxon* itu dia mempunyai dua standard iaitu;

- (i) standard untuk pihak lain termasuk kita di sebelah timur; dan
- (ii) standard lain kepada Amerika.

Misalan, pada masa kita diminta lebih *transparent* untuk memaklumkan semua fakta-fakta kepada pihak umum, pada masa yang sama *H. Fund* yang beroperasi banyak di Amerika Syarikat tidak dikenakan *transparency* yang sama. Sebenarnya pengurusan *H. Fund* itu begitu tidak *transparent* langsung dan pihak lain tidak tahu apa mereka buat. Pada masa yang sama mereka dibenarkan untuk meminjam begitu banyak pinjaman yang diberi dengan secara begitu mudah oleh bank-bank dan untuk setiap dolar ekuiti yang dipegang oleh *H. Fund*, mereka dibenarkan untuk meminjam USD20.

Jadi kalau mereka ada ekuiti USD100 juta mereka boleh meminjam USD2 bilion untuk mengurus niaga termasuk membeli jual mata wang lain dan menimbulkan masalah untuk negara lain. Kita juga melihat bahawa *rating agency* seperti *Standard & Poor*, *Moody's*, *Fitch* tidak *transparent* langsung seperti apabila kita minta kita di *upgrade*, kita diberi satu taraf yang lebih tinggi, macam-macam isu yang ditimbulkan. Akan tetapi produk-produk *derivative* yang kadangkadangkang bentuk dia tidak masuk akal langsung diberi *triple A* dan kini kita tahu bahawa banyak yang membeli instrumen-instrumen ini, alat-alat kewangan ini banyak kerugian.

Pada asasnya juga sistem mikro ekonomi dunia dalam 30, 40 tahun kebelakangan ini tidak adil sebab di pihak negara-negara membangun termasuk kita, kita banyak mempunyai simpanan, penjimatan. Kita mengeluarkan barangan dan kita eksport kepada negara-negara barat dan kita menyimpan, kadar simpanan kita misalan ialah 37%. Tiap-tiap ringgit pendapatan kita secara purata di Malaysia, kita simpan 37 sen tetapi di Amerika Syarikat untuk tiap-tiap dolar pendapatan mereka, mereka simpan kosong, tidak simpan langsung. Mereka belanja dan untuk perbelanjaan mereka sebab mereka tidak ada simpanan, mana mereka dapat duit, mana mereka dana untuk belanja, mereka meminjam.

Mereka meminjam, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hari kerja, hari Isnin sehingga hari Jumaat mereka meminjam USD4 bilion setiap hari dan melalui pinjaman ini mereka dapat belanja tanpa simpanan dan tanpa cukai. Mereka tidak perlu meningkatkan cukai, mereka tidak perlu simpan, pinjam dan belanja. Sistem ekonomi global pada masa ini ialah oleh kerana negara-negara timur seperti China dan Jepun eksport banyak kepada Amerika Syarikat dan dapat wang, dan wang itu pula disimpan di Amerika Syarikat.

Jadi Amerika Syarikat menjadi satu *global super power* yang tidak memerlukan simpanan dan boleh belanja tanpa had tetapi sistem ini sudah sampai masa kehancuran. Kita melihat bahawa mungkin di atas kehancuran ini akan wujud satu sistem yang lebih adil dan lebih saksama. Kalau kita lihat dalam sejarah *Anglo-Saxon* kapitalisme ini, dua elemen yang penting

yang mempengaruhi turun naik keadaan kewangan dalam tempoh 50 tahun kebelakangan ini ialah satu ketamakan yang tidak bertepian. Kita lihat misalan dalam dua tiga hari dahulu bahawa seorang yang bernama *Bernard Madoff* telah dapat menarik pelaburan USD50 bilion dari bank-bank yang terkemuka dan dia tidak melabur langsung, dia ambil dari A bayar B, ambil dari C bayar B. Kita juga pernah mengadakan skim ini yang diberi nama 'Pak Man Telo' dahulu, dia ikut cara 'Pak Man Telo', *Ponzi Scheme*.

USD50 bilion ada pihak Hong Kong Bank, *Royal Bank of Scotland*, bank-bank yang terkemuka boleh dalam tempoh yang begitu panjang melaburkan dengan seorang yang kita tahu sekarang adalah seorang yang penipu. Apa yang mempengaruhi mereka untuk melaburkan jumlah yang begitu banyak dan dalam jumlah ini ada *pension fund*, simpanan orang-orang yang keluarga, duit keluarga, duit harta pusaka dalam *fund* ini, hancur, hilang sebab ketamakan yang tidak bertepian.

■1720

Satu lagi faktor dalam sistem ekonomi *anglo saxon capitalisme* ini ialah ketakutan. Bila sudah rugi, bila kadar ekonomi sudah turun, kadar kewangan telah menghadapi saat getir, tiba-tiba ketamakan Tuan Yang di-Pertua, menjadi ketakutan. Kadang-kadang ketakutan yang tidak berasas dan kini kita melihat satu situasi di mana bank-bank yang terkemuka tidak berani meminjam kepada bank-bank lain yang terkemuka. Sungguhpun dia tahu bank itu bank yang kukuh tapi tak berani pinjam. Dia takut bank yang dia pinjam itu menjadi bankrap dan pinjaman itu di interbank, di pasaran interbank hanya untuk satu dua hari saja. Tiap-tiap pada hujung hari, mereka perlu memberi pinjaman dan esok dapat balik dan itu pun mereka tak berani. Meminjam pada satu malam pun tak berani. Itu antara mereka.

Ini yang jadi masalah sebab kalau bank-bank tak berani, memanglah tak berani bagi pinjaman kepada syarikat-syarikat lain seperti syarikat-syarikat motor yang besar GM, *Crizelor*, *Ford*, susah dapat pinjaman tapi mereka juga tak berani bagi pinjaman kepada bank-bank yang lain. Ini yang jadi masalah untuk ekonomi negara. Ketakutan yang tidak berasas dan dalam masa ini, ada juga hikmah sebab semasa kita menghadapi krisis dulu, kita diberitahu oleh *IMF World Bank*, mereka datang dengan banyak pegawai-pegawai dan memberitahu kita bahawa dalam keadaan krisis yang dihadapi oleh kita, dalam tahun 1997-1998, kita tak boleh tolong mana-mana pihak yang menghadapi kesulitan.

Syarikat kita tak boleh tolong, bank kita tak boleh tolong dan kita harus meningkatkan kadar faedah supaya jumlah pinjaman diturunkan, kerajaan tidak boleh belanja banyak, kena menurunkan perbelanjaan kerajaan. Kita bagi tahu IMF, ini tak masuk akal langsung. Dalam keadaan susah, kerajaan perlu berbelanja lebih dan bank-bank perlu memberi pinjaman yang lebih dan kadar faedah harus turun dan kalau ada pihak-pihak yang memerlukan bantuan, kita harus membantu mereka. Ini bukan *bail out*, ini bukan kronisme atau kapitalisme ala kronisme tapi memang mereka tak setuju tapi macam mana pun kita dengan berani melaksanakan sistem kita. Kita memulihkan ekonomi secara kita yang mereka anggap sebagai *unorthodox*, mereka tak setuju langsung tapi akhirnya mereka mengakui sistem kita adalah sistem yang baik dan mereka

mengakui bahawa kita adalah satu-satu negara dalam tahun 1997-1998 yang dapat memulihkan ekonomi tanpa meminjam satu sen pun daripada IMF, dari *World Bank*, daripada siapa-siapa. Negara-negara lain semua meminjam untuk memulihkan ekonomi, kita tolak secara langsung mana-mana pinjaman tapi kita lihat pada hari ini, kita lihat bahawa apa yang dianggap sebagai tidak kena, yang seharusnya tidak dilakukan oleh mana-mana negara oleh mereka, kini dilakukan.

Mereka menurunkan kadar faedah, mereka berbelanja lebih dan mereka juga memberi bantuan untuk memulihkan bank-bank dan bank-bank *private* kini menjadi bank-bank yang dimiliki oleh kerajaan. Satu *philosophy*, satu falsafah yang mereka memang tak setuju langsung dalam tahun 1997 tapi kita sedar bahawa mungkin ada juga hikmah bagi kita dalam suasana ini sebab antara sistem yang boleh menjadi alternatif kepada sistem kapitalisme ala *Anglo-Saxon* ini ialah sistem perbankan Islam. Kita pada masa ini merupakan negara yang terdepan sekali, negara nombor satu sebenarnya dalam dunia dalam sistem perbankan Islam dan kita tahu bahawa sistem perbankan Islam tidak membenarkan kita meminjam begitu banyak untuk satu-satu projek atau satu-satu perbelanjaan sebab sistem perbankan Islam berasaskan kepada aset dan pembiayaan haruslah berasaskan kepada aset, kualiti aset dan nilai aset dan *leveraging* yang telah berlaku dalam sistem konvensional tidak akan berlaku dalam sistem perbankan Islam.

Mungkin ini satu hikmah untuk kita melaksanakan dan juga memperluaskan pelaksanaan sistem perbankan Islam di negara-negara lain sebab kita tahu bahawa dalam tahun 1983 bila kita melaksanakan sistem perbankan Islam, tak ada negara lain termasuk negara Arab sendiri yang berani tapi kita berani dan kita melaksanakan dan kini ada banyak negara lain telah mengikut langkah kita dalam melaksanakan sistem perbankan Islam dan dalam keadaan yang wujud pada hari ini, kita harap dan kita yakin bahawa negara-negara Arab khususnya dan negara-negara lain juga akan melihat kelebihan sistem perbankan Islam. Bagi kita di Malaysia, sistem perbankan kita masih kukuh pada masa sistem perbankan, sistem kewangan Barat sedang menghadapi kehancuran, sistem kita masih kukuh, kadar tidak MPL, hanya 20.5% dan tahap ekuiti dalam bank-bank tinggi hampir 13.5% dan bank-bank kita masih kukuh.

Jadi tidak menjadi isu tentang sistem perbankan kita dan juga pada asasnya sistem kita tidak bergantung kepada eksport. Lebih 80% ekonomi kita bergantung kepada penggunaan swasta, *domestic consumption* dan pelaburan dan hanya lebih kurang 20% ekonomi kita berasaskan, dipengaruhi oleh eksport. Eksport kita juga kita telah mempelbagaikan dalam tempoh 20-30 tahun kebelakangan ini supaya kita tidak bergantung hanya kepada satu dua negara. Sebagai misalan, pada satu masa dahulu hanya 2% daripada eksport kita, kita eksport kepada Negara China misalannya dan kini dalam tempoh yang singkat, kita telah meningkatkan eksport kita ke Negara China hampir 9% dan juga kepada Negara India dan negara-negara Arab dan kita tidak bergantung eksport kepada hanya Amerika atau kepada EU. Akan tetapi ada juga sedikit eksport kita ke negara-negara ini dan kita juga akan menerima tempias daripada kedudukan sistem kewangan, kegawatan yang dialami oleh Amerika Syarikat dan Eropah sebab ada juga sedikit eksport kita tapi kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan

bahawa kita dapat menjana ekonomi kita dengan sedemikian rupa supaya kita tidak terjejas dalam keadaan yang begitu mencabar dalam tahun ini dan juga tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, kadar pertumbuhan ekonomi ialah 6.3%, secara purata dan kita lihat bahawa kita yakin bahawa kita dapat mencapai sekurang-kurangnya 5% untuk tahun ini. Kita hanya memerlukan 1.2% kadar peningkatan ekonomi untuk tiga bulan terakhir untuk mencapai 5% sebab dalam tempoh enam bulan pertama, kita sudah mencapai 6.3% dan tahun depan juga kita yakin bahawa kita akan mencapai 3.5%. Sungguhpun kita tahu bahawa keadaan ekonomi begitu getir dan sengit untuk tahun hadapan.

■1730

Untuk memastikan bahawa ekonomi kita dapat dijana dengan lebih bersemangat dalam tahun hadapan. Kerajaan telah memperuntukkan RM7 bilion tambahan untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk mencergaskan lagi ekonomi domestik yang didorong oleh perbelanjaan, penggunaan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin dan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Armani binti Haji Mahiruddin telah menyarankan agar kerajaan sentiasa memantau pasaran ekonomi global dan domestik serta menubuhkan satu pasukan yang terdiri dari pelbagai pihak termasuk kerajaan, badan ...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin dan Ahli Yang Berhormat ...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat berpindah kepada tajuk yang lain, telah saya dapat mengikuti hujah-hujah Yang Berhormat. Maknanya sejak pembentangan bajet di Dewan Rakyat beberapa bulan dahulu hingga keadaan Yang Berhormat gulung perbincangan hari ini, keadaan tidak menuntut kita berbuat apa-apa pengubahsuaian.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi bertambah buruk dalam dua, tiga bulan yang kebelakangan ini sebab nampaknya jelas bahawa sistem keadaan ekonomi di Amerika Syarikat khususnya. Di samping itu, banyak bank-bank tidak berani memberi pinjaman dan juga banyak aktiviti ekonomi dikurangkan dan banyak juga pengangguran dihadapi oleh negara Amerika. Justeru, banyak syarikat khususnya syarikat automobil menghadapi satu cabaran yang mereka tidak pernah hadapi dalam tempoh yang lama. Akan tetapi bagi kita, kebanyakan senario ini kita telah *anticipate* dalam membentangkan bajet. Jumlah yang kita ingin belanja, kita mencadangkan untuk berbelanja RM7 bilion ini, kita anggap pada masa ini mencukupi untuk menghadapi isu-isu keadaan semasa.

Berhubung tentang saranan Yang Berhormat Senator Dato' Gooi dan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Armani tentang menubuhkan satu pasukan yang terdiri daripada

pelbagai pihak untuk menangani isu-isu yang ditimbulkan. Kerajaan telah pun menubuhkan Majlis Ekonomi atau *Economy Council* yang dianggotai bersama oleh sektor awam dan sektor NGO. Dalam mencapai hasrat ini, kerajaan dari masa ke semasa telah mengadakan sesi taklimat dan perbincangan mengenai perkara dasar dan perancangan terutama isu-isu ekonomi semasa yang kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ...

Datuk Akbar bin Ali: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan, benarkah ada rakyat Singapura menduduki urus setia Majlis Ekonomi Negara? Jika benar apakah alasannya? Apakah sesuai orang asing berada di dalam urus setia itu? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada orang lain khasnya dari Singapura yang menganggotai majlis-majlis penting negara. Oleh sebab kita berpendapat bahawa kita mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menguruskan ekonomi domestik kita tanpa bergantung sangat kepada pihak lain. Akan tetapi kalau ada pihak-pihak lain yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu, tidak salah untuk kita menggunakan tetapi hanya untuk sektor-sektor tertentu sahaja. Akan tetapi saya tidak pasti sama ada kita bergantung atau kita mempunyai ahli. Setahu saya kita tidak mempunyai ahli yang bukan warganegara kita dalam majlis-majlis ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawi telah mencadangkan supaya kerajaan memberi potongan cukai ke atas bayaran penjagaan anak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah banyak memberi pelepasan cukai bagi anak seperti berikut; pelepasan bagi anak telah dinaikkan dari RM800 kepada RM1,000 mulai dua tahun yang lepas. Pelepasan cukai bagi pendidikan anak telah ditambah empat kali ganda, elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja daripada majikan sehingga RM2,400 setahun juga dikecualikan cukai. Kerajaan mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat Senator dan akan memberi pertimbangan rapi akan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali membangkitkan isu mengenai insentif cukai yang diberikan oleh kerajaan di bawah Bajet 2009 seperti pengecualian, pengurangan dan galakan cukai yang memberikan lebih banyak manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi berbanding golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam sistem cukai kita, hanya dua juta, tak sampai pun dua juta rakyat kita dari 11 juta yang kerja, hanya dua juta sahaja yang membayar cukai, hampir sembilan juta cukai tidak membayar cukai. Ini oleh kerana individu bujang yang berpendapatan RM2,230 sebulan atau ke bawah tidak perlu membayar cukai, untuk bujang. Kalau dah kahwin, tidak perlu membayar cukai sehingga pendapatan RM3,297 ini untuk mereka yang dah kahwin. Jadi lebih baik kita kahwin dari hidup sebagai bujang sebab *income tax* pelepasan adalah lebih tinggi.

Jadi hanya dua juta, tak sampai pun dua juta yang membayar cukai. Kalau kita membandingkan dengan negara-negara lain, kita mempunyai satu sistem percukaian yang begitu liberal sebab tak sampai 10%, lebih kurang hanya 10% yang bekerja membayar cukai. Selain dari itu, dalam Bajet 2009 kerajaan juga telah mengumumkan langkah-langkah untuk membantu mereka berpendapatan rendah dan sederhana bagi mengurangkan kos sara hidup serta meningkatkan pendapatan boleh guna di samping membendung kesan inflasi akibat kenaikan harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini yang patut jadi tajuk utama akhbar esok. Hanya dua juta daripada 26 juta rakyat Malaysia yang membayar cukai. Akan tetapi dia akan cerita siapa cerai, siapa cerai.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua itu memang benar. Ini kerana kadang-kadang *headline* kita tak begitu memberi kepentingan kepada isu-isu dan negara yang begitu penting. Tuan Yang di-Pertua, mungkin sebab untuk memastikan surat khabar laku, mereka harus mencari cerita-cerita yang lebih *sensational*.

■1740

Dalam Bajet 2009, antara langkah-langkah yang diumumkan ialah meningkatkan rebat cukai daripada RM350 kepada RM400 bagi mereka yang berpendapatan bercukai sehingga RM35,000. Dengan langkah ini seramai 100,000 pembayar cukai dalam golongan pendapatan sederhana tidak lagi dikenakan. Kadar cukai pendapatan dikurangkan satu mata peratusan dari 13% kepada 12% bagi golongan berpendapatan bercukai RM35,000 hingga RM50,000.

Mengecualikan cukai pendapatan ke atas pelbagai jenis manfaat yang diterima oleh para pekerja daripada majikan mereka sebagai contoh pengecualian cukai ke atas elaun petrol, subsidi penjagaan anak dan manfaat perubatan.

Mengecualikan 50% duti sistem ke atas surat syarat perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman berharga sehingga RM250,000.

Selain itu, langkah-langkah bukan cukai juga telah diambil dalam bajet 2009 bagi meringankan beban golongan ini termasuk isi rumah yang membayar bil elektrik RM20 dan ke bawah sebulan tidak perlu membayar bil elektrik berkuat kuasa 1 Oktober 2008 hingga akhir tahun 2009. Kos pengecualian barangan ini ditanggung oleh kerajaan.

Meningkatkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi menerima bantuan kebajikan daripada RM400 sebulan kepada RM720 sebulan di Semenanjung RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah. Ini akan meningkatkan jumlah penduduk yang mendapat bantuan dari kerajaan dari 55 penduduk keluarga kepada 110,000 keluarga.

Mewujudkan tabung bantuan khas berjumlah RM25 juta bagi membantu keluarga yang kehilangan punca pendapatan secara mengejut seperti akibat kemalangan dan kematian.

Menyediakan geran sepadan sebanyak RM100 juta bagi membaik pulih rumah usang rakyat miskin tegar di bawah Program Amal Jariah.

Bagi membantu pesara kerajaan yang berpendapatan rendah pesara kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun akan menerima pencen tidak kurang daripada RM720 sebulan mulai 1 Januari 2009.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat senator Puan GK Loga Chitra membangkitkan isu mengenai penurunan duti import untuk barangan elektrik yang diumumkan dalam bajet 2009. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang diumumkan dalam bajet 2009, pemansuhan dan penurunan duti import ke atas barangan elektrik adalah seperti berikut.

Duti import di antara 5% hingga 50% ke atas barangan komponen elektrik seperti alat perakan suara, generator, komponen mesin basuh dimansuhkan dan duti import di antara 15% hingga 30% di atas barangan elektrik seperti pengisar makanan, periuk nasi, ketuhar gelombang mikro dan cerek elektrik dikurangkan kepada di antara 5% hingga 20%. Langkah-langkah ini telah pun dikuatkuasakan mulai jam 4 petang 29 Ogos 2008 melalui perintah duti kastam nombor 2, 2008.

Ahli Yang Berhormat senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanya sama ada Kementerian Kewangan memberi peluang kepada syarikat insurans lain selain panel Takaful untuk pembiayaan rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat dua syarikat menawarkan insurans konvensional dan empat syarikat menawarkan Takaful yang memberikan perlindungan *mortgage reducing term assurance* dan kebakaran kepada peminjam-peminjam perumahan kerajaan.

Dalam pembentangan Bajet 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2008 kerajaan telah mengumumkan untuk membuka panel insurans pinjaman perumahan kerajaan kepada semua syarikat insurans yang layak. Oleh yang demikian syarikat insurans atau syarikat Takaful yang ada di pasaran boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan untuk menjadi ahli panel insurans atau Takaful di bawah pinjaman perumahan.

Ahli Yang Berhormat senator Datuk Akbar bin Ali mencadangkan peruntukan bagi menangani masalah kemiskinan tegar ditambah sebanyak 50%. Peruntukan juga dicadangkan untuk ditambah bagi membangunkan pekan kecil yang diperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun 2009.

Bagi mengatasi masalah kemiskinan tegar, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.986 bilion, hampir RM2 bilion di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang sedang dilaksanakan oleh Unit Pelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Usahawan Pembangunan Koperasi serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di samping itu, RM276.9 juta juga telah disediakan bagi program pembasmian kemiskinan tegar di luar bandar melalui Program Agropolitan yang dilaksanakan oleh KKLW. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan membasmi kemiskinan tekah ditambah

sebanyak RM110 juta selepas Kajian Separuh Penggal Kesembilan yang telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

Selain itu di bawah pakej rangsangan fiskal, kerajaan juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan rumah kos sederhana serta RM500 juta disediakan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan di luar bandar, jalan kampung, jalan pertanian termasuk di Sabah dan Sarawak.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Boleh saya minta laluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membetulkan. Sebenarnya di dalam kes ini saya katakan tentang insurans itu bukan untuk pinjaman perumahan, tetapi untuk profesional *indemnity insurance* untuk peguam.

Tan Sri Nor Mohamed Yackop: Terima kasih Yang Berhormat senator Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi. *Professional indemnity insurance* atau *insurance indemnity* profesional adalah perlindungan insurans yang ditawarkan kepada peguam-peguam di Malaysia oleh semua syarikat insurans konvensional dan juga melalui Takaful. Kerajaan tidak mengenakan sebarang syarat atau *professional indemnity insurance* ini diambil hanya daripada syarikat insurans konvensional sahaja. Pada dasarnya peluang yang sama rata disediakan untuk semua syarikat termasuk untuk syarikat Takaful.

Bagi cadangan tambahan peruntukan di dalam pembangunan pekan-pekan kecil pada tahun 2009, kerajaan akan mengkaji keperluan tambahan selepas mengambil kira prestasi perbelanjaan peruntukan RM100 juta yang telah disediakan di bawah pakej rangsangan fizikal dan saya ingin Tuan Yang di-Pertua mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi berulang bahawa kerajaan komited untuk memastikan bahawa kemiskinan tegar dihapuskan sama sekali menjelang tahun 2010. Ini adalah janji, satu *commitment* yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh jentera kerajaan akan bertungkus-lumus memastikan bahawa hasrat murni dan iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencapai sekitar 2010.

Ahli Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra telah memohon penjelasan berkenaan jumlah peruntukan yang diberikan di bawah dana bagi menangani masalah kemiskinan bandar melalui Program Amanah Ikhtiar Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia merupakan satu jentera kerajaan yang telah memainkan peranan yang begitu baik dalam tempoh dua dekad dalam menangani dan mengatasi kemiskinan di luar bandar.

■1750

Semasa kita lihat isu kemiskinan, kita mendapati bahawa pada masa ini wajah kemiskinan juga telah menukar untuk menular kepada bandar. Konsep kemiskinan pada masa ini bukan sahaja kemiskinan di luar bandar kita juga mempunyai kemiskinan di bandar. Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku oleh sebab *migration* dari luar bandar khususnya dari estet-estet ke bandar. Pada masa yang sama, mereka yang menjadi migran tidak dapat mencari kerja yang sesuai dan juga *support system* yang telah membantu mereka di estet-estet tidak wujud di bandar, *family support*, *support* keluarga. Ini telah menjadi satu isu.

Kerajaan dalam memikirkan tentang cara-cara untuk membantu mereka yang miskin di bandar berpendapat bahawa oleh sebab sudah wujud satu mekanisme melalui Amanah Ikhtiar Malaysia yang telah berjaya dengan begitu cemerlang, mungkin elok kita tidak dengan izin *reinvent the wheel* dan menggunakan kaedah mekanisme yang sudah wujud. Kerajaan telah membuat satu keputusan untuk menyalurkan sebanyak RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia digunakan untuk membantu mereka dari semua keturunan yang menghadapi masalah kemiskinan khususnya kemiskinan tegar di bandar-bandar.

Saya gembira untuk memaklumkan bahawa pihak pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia telah menerima amanah ini dengan begitu baik dan kini telah bertungkus-lumus untuk menjayakan objektif iltizam kerajaan untuk membantu mereka di bandar-bandar dalam golongan kemiskinan. Untuk tujuan ini, AIM telah membuka 17 cawangan dalam satu jangka masa yang singkat, 17 buah cawangan di kawasan bandar iaitu 17 di Lembah Klang dan 10 buah cawangan di bandar besar di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada itu, AIM juga mempunyai 69 buah cawangan sedia ada yang sedang beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dengan keahlian 190,000 dari kalangan keluarga miskin di luar bandar. AIM mengutamakan kaum wanita dalam pendekatannya dan sebahagian besar iaitu lebih 98% terdiri daripada kaum wanita. Sungguhpun kita juga menyarankan kepada AIM jangan lupa kaum lelaki tetapi rekod pembayaran balik begitu baik dan kadar NPL tidak sampai 1%. Semua yang meminjam bayar balik. Saya tidak pasti sama ada oleh kerana peminjam itu wanita dan tidak melibatkan lelaki.

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin sebab daripada *statement* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua tadi banyak insentif-insentif yang diberikan kepada rakyat khususnya yang termiskin. Tujuan asal adalah untuk membantu dan tujuan kedua adalah untuk merangsang ekonomi. Jadi, dari segi hendak merangsang ekonomi itu yang menjadi persoalannya sekarang. Kita juga dengar dalam bajet, EPF diturunkan 3%, dikurangkan 3% *on the employee side*. Ini adalah untuk merangsang supaya rakyat berbelanja.

Persoalannya, adakah rakyat benar-benar boleh berbelanja sebab dalam keadaan sekarang kalau kita tengok di kilang-kilang Yang Berhormat sudah tidak ada *overtime* lagi. Kalau dahulu dia ada *overtime*, dia kerja tujuh hari seminggu. Sekarang ini dia sudah kurangkan hingga lima hari seminggu. Ada kilang-kilang yang sudah turun hingga empat hari seminggu. Jadi, pendapatan dia sudah berkurangan daripada *saving* yang dia dapat dari EPF itu mungkin dia tidak akan berbelanja sebab dia takut mungkin ada *retrenchment* di kilang. Itu satu.

Kedua, di kawasan luar bandar Yang Berhormat, kalau kita tengok sekarang kalau penoreh getah, kalau dahulu harga getah memang terlalu tinggi, sekarang terlalu rendah. Begitu juga dengan kelapa sawit. Jadi bagaimana kita hendak memastikan insentif yang kita bagi kepada rakyat dibelanjakan dan mereka yakin bahawa ekonomi akan terus berkembang pesat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak tahu sama ada langkah-langkah kerajaan untuk *ameliorate* kesan ekonomi merudum itu akan membawa impak?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Dato' Omar bin Faudzar. Itu satu soalan yang begitu baik sekali. Dalam keadaan ekonomi yang kita hadapi pada masa ini, kita tahu bahawa dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, faktor yang penting sekali dalam menjana ekonomi kita seperti saya sebut tadi bukan eksport tetapi penggunaan swasta, *domestic consumption* dan juga pelaburan.

Memang penting dalam keadaan kita sekarang untuk memastikan bahawa negara masih mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang kukuh, yang baik dan ekonomi terus dijana kita harus memastikan bahawa penggunaan swasta ini berkembang dan penggunaan swasta ini masih berkembang pada suku ketiga berkembang pada tahap 8.1%. Ini bagi suku ketiga. Oleh kerana penggunaan swasta meningkat 8.1% sungguhpun eksport kita terjejas tetapi ekonomi kita masih berkembang pada suku ketiga 4.7% tetapi pada sembilan bulan pertama 6.3%.

Jadi, isu sekarang ialah cara dan dasar kerajaan untuk memastikan bahawa penggunaan swasta terus kekal pada tahap yang tinggi. Jadi, apakah faktor yang akan menyebabkan akan mendorong swasta untuk belanja? Pertama ialah keyakinan, kalau rakyat tidak mempunyai keyakinan ke atas sistem ekonomi, mereka tidak akan belanja. Jadi, satu isu yang penting ialah keyakinan. Selain dari keyakinan, dua perkara yang penting ialah pertama, syarikat-syarikat kewangan termasuk bank-bank harus terus memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukan pinjaman. Banyak syarikat-syarikat memerlukan pinjaman untuk memperkembangkan urusan niaga mereka, perniagaan mereka dan juga memerlukan pinjaman untuk inventori *holding* dan juga memerlukan pinjaman kadang kala untuk membayar gaji. Jadi, bank-bank tidak boleh mengurangkan pinjaman seperti yang mereka lakukan pada tahun 1997, 1998 atas desakan IMF.

Kita telah memberitahu bank-bank bahawa pada masa yang susah ini mereka harus meneruskan pemberian pinjaman kepada mereka yang memerlukan pinjaman. Ini kerana syarikat-syarikat apabila terjejas pinjaman, bagaimana kukuh syarikat itu pun akan menjadi *bankrupt*, akan menjadi mufliis. Syarikat Woolwich di UK, sebuah *retail stall* yang begitu kukuh tiba-tiba menjadi mufliis sebab bank-bank yang patut memberi pinjaman tiba-tiba memutuskan untuk tidak memberi pinjaman.

■1800

Saranan ini kita telah memberi kepada bank-bank, kita telah meminta bank-bank dengan izin *in no uncertain terms* untuk terus memberi pinjaman. Setakat ini kita tidak dengar banyak rungutan tentang masalah pihak-pihak dalam mendapatkan pinjaman, dan kalau ada rungutan kita akan memastikan bahawa kita berbincang dengan bank-bank untuk mengelakkan perkara ini. Satu ialah pinjaman kredit dan satu lagi ialah untuk mengelakkan pengangguran. Kalau syarikat-syarikat mula *retrenchment exercise* dengan izin dan mula membuang pekerja dan ini akan menjadi satu *vicious cycle* sebab mereka yang hilang kerja tidak akan belanja dan dengan itu akan menjadi satu *vicious cycle*. Ini adalah penting supaya kita memastikan bahawa syarikat-syarikat tidak membuang pekerja.

Namun, seperti Yang Berhormat Senator Dato' Omar Faudzar sebut tadi sudah ada syarikat-syarikat khasnya di Pulau Pinang misalan yang telah mengurangkan *overtime* telah memaksa pekerja-pekerja mengambil cuti dalam tempoh Krismas sehingga tahun baru dan bonus tidak dibayar dan pekerja baru tidak diambil. Jadi dalam keadaan seperti inilah kerajaan membuat keputusan bahawa lebih baik penduduk, rakyat diberi opsyen untuk menggunakan sedikit wang yang ada di EPF itu wang dia duit dia. Dalam sistem pencen, dalam sistem kerajaan untuk hari depan mereka biasanya harus menyumbangkan 11% dan majikan 12%. Kita berpendapat majikan harus teruskan dengan 12%. Namun, kalau mereka ingin menggunakan 3% dari duit mereka sendiri dalam keadaan yang susah apa salahnya.

Sebab yang penting seperti saya sebut tadi ialah penggunaan swasta yang menjadi faktor yang begitu penting dalam ekonomi kita khasnya dalam keadaan sekarang untuk menjana ekonomi. Dalam keadaan susah saya berpendapat 3% yang mereka boleh gunakan pada hari ini adalah satu jumlah yang begitu penting untuk mereka. Jikalau mereka terdiri dari orang kaya dan tidak memerlukan 3% itu tidak apa kita tidak paksa. Sebenarnya kita memberi opsyen kita memberi pilihan kepada penduduk rakyat kita untuk mendapatkan 3% itu dalam keadaan yang susah, kalau mereka memerlukan.

Kerajaan juga telah membentuk dalam projek rangsangan kita, dalam pelan rangsangan kita telah memperuntukkan RM300 juta untuk memberi *skills training*. Ini adalah untuk memastikan bahawa mereka dalam masa ini mungkin ada mereka yang kehilangan kerja. Kita boleh memberi mereka bantuan dalam masa ini untuk memberi mereka latihan dalam pelbagai bidang, pengetahuan dalam pelbagai bidang. Supaya dalam tempoh 12 hingga 18 bulan ini mereka dapat meningkatkan kualiti mereka dari segi *skills* dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu. Ini kerajaan akan buat dan mereka yang kehilangan kerja sungguhpun ada boleh memasuki skim latihan kita dan kita memperuntukkan RM300 juta pada masa ini.

Jikalau tidak cukup kita akan tambah peruntukan ini dan kita berpendapat mungkin ada hikmah dalam tempoh ini banyak pekerja dapat meningkatkan kemahiran. Sebagai misalan Tuan Yang di-Pertua, satu bidang pekerjaan yang begitu laku ialah *welder*, *foreman*. Negara kita ini tidak cukup *welder* tidak cukup *chargeman* misalan, dan banyak bangunan memerlukan *chargeman* dan negara kita tidak mengeluarkan *chargeman* dengan jumlah yang mencukupi. Dalam keadaan seperti ini mereka yang kerja sebagai *unskilled labor* misalan boleh memohon untuk menjadi untuk mendapat latihan untuk menjadi *chargeman*. Saya sendiri telah berbincang dengan Tenaga Nasional untuk mengambil kesempatan ini untuk menggunakan kemudahan yang ada di mana-mana.

Di FELDA ke di MARA ke ada kemudahan ada ruang ada pejabat untuk menggunakan infrastruktur di mana-mana untuk memberi latihan kerajaan akan bayar. Kerajaan akan bayar tenaga dan kerajaan akan memberi elaun kepada *trainee* dan dalam tempoh 12 tahun bila ekonomi kita lebih kukuh kita mempunyai *chargeman* yang dalam bilangan yang mencukupi. Gaji *chargeman* kini ialah lebih kurang RM4,000 - RM5,000 dan *welder* yang banyak yang kita latih

dan gaji mereka hampir RM10,000. Itu pun mereka pergi ke luar negara, negara Arab dapat dua kali ganda.

Jadi kita mempunyai banyak peluang dan ruang dalam tempoh ini untuk mewujudkan lebih banyak sistem latihan untuk *upgrade skill training* kita. Kerajaan akan mengeluarkan peruntukan yang mencukupi setakat ini RM300 juta. Kalau tidak cukup kita akan mengeluarkan lebih banyak peruntukan untuk memastikan bahawa kita mengambil peluang ini untuk memberi *skills training* kepada rakyat kita.

Masih dalam bidang AIM, berhubung dengan cadangan supaya Program Amanah Ikhtiar Malaysia dalam menangani masalah kemiskinan bandar ini dihebahkan melalui media masa supaya pihak yang berminat boleh membuat permohonan. Saya bersetuju dan saya akan meminta AIM untuk menghebahkan aktiviti-aktiviti di media masa berhubung dengan program-program yang diliputi oleh pihak media masa. Pada masa yang sama kakitangan AIM akan membuat promosi di lokasi-lokasi yang dikenal pasti mempunyai banyak penduduk dari kalangan keluarga miskin dan berpendapatan rendah di samping membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk menggalakkan keluarga miskin dan berpendapatan rendah mengambil kemudahan pembiayaan mikro ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Yip Kum Fook membangkitkan rasional atau sebab-sebab orang yang membuat tuntutan. Untuk wang tidak dituntut perlu membuat pengesahan dengan pejabat pembayar. Yang Berhormat mencadangkan hanya memadai bukti pengenalan diri atau *statutory declaration*, sekiranya tuntutan dibuat melalui wakil. Kita akan mengkaji cadangan ini supaya mengelakkan birokrasi dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun, surat pengesahan daripada syarikat pembayar yang menyerahkan wang tidak dituntut hanya diperlukan jika dokumen asal tersebut tidak dapat diberikan oleh pemohon. Dokumen asal atau surat pengesahan itu amat diperlukan supaya pihak pendaftar dapat melakukan pepadanan atau *matching* rekod yang dituntut mengikut nama, nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran syarikat serta butiran yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

■1810

Memang dalam tahun-tahun mendatang kita akan menghadapi satu era, cabaran yang begitu getir dan begitu sengit dan kita harap bahawa di atas kehancuran sistem kewangan ala *Anglo-Saxon* ini akan timbul satu sistem yang lebih saksama dan lebih adil termasuk sistem perbankan Islam. Sebagai satu contoh tentang ketidakadilan, Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem yang wujud sekarang, dalam IMF sekarang negara kecil seperti Belgium, Netherlands dan Luxembourg, jumlah penduduknya hanya 28 juta orang sama dengan negara kita. Tiga negara. Dia mempunyai lebih banyak kuasa undi berbanding dengan China, berbanding dengan Brazil dan berbanding dengan India. Ini sistem yang tidak adil langsung.

Kita berdoa bahawa dalam menghadapi cabaran ini, pihak-pihak negara-negara akan berfikir tentang cara untuk melaksanakan satu sistem yang lebih adil. Dalam isu ini saya yakin

bahawa sistem perbankan Islam dapat diperluaskan dan juga sistem dinar. Sistem dinar Islam yang kita cuba laksanakan pada suatu masa dahulu dan tidak begitu berjaya dan tidak diterima oleh negara-negara Arab misalnya negara-negara Islam lain. Mungkin akan dilihat kembali oleh negara-negara yang lain. Akan tetapi yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup. Dalam kita menghadapi cabaran yang kita tidak pernah hadapi dalam tempoh yang lama sebab dalam tahun 1997-1998 kita menghadapi krisis Malaysia dan rantau ini. Akan tetapi dunia Barat dalam keadaan yang baik dan elok dan kita tidak merupakan *core system*. Kita merupakan negara di pinggir. Akan tetapi pada masa ini negara-negara yang menjadi *core capitalism* Amerika Syarikat dan Eropah menghadapi krisis dan tiap-tiap hari kita melihat krisis-krisis itu menjadi lebih teruk, lebih getir dan lebih sengit.

Kita tahu bahawa keadaan ekonomi barat akan menjadi lebih teruk sebelum dia dapat memulihkan ekonomi. Dalam masa tahun ini dan tahun depan, kita akan menghadapi banyak cabaran. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali dalam menghadapi cabaran ini, kita harus dapat menggunakan semua tenaga yang ada, semua kelebihan yang ada dalam negara kita untuk menghadapi cabaran ini supaya kita bukan saja hanya dapat *survive* tapi juga dapat *prosper* dalam cabaran ini. Kita tahu bahawa tiap-tiap kali kita menghadapi cabaran dari tahun 1996-1971, 1986-1987, 1997-1998, tiap-tiap kali kita menghadapi cabaran, kita muncul lebih kuat, lebih hebat dan lebih makmur. Kita dapat berbuat demikian sebab dalam tiap-tiap krisis itu kita dapat menyatupadukan rakyat supaya rakyat dapat memberi fokus kepada cabaran yang kita hadapi.

Saya berdoa Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam menghadapi cabaran ini juga, rakyat kita dari semua ahli dan semua parti tanpa mengira parti dan ideologi dapat disatukan supaya kita mempunyai satu iltizam, satu fokus untuk menghadapi dan menangani masalah yang kita hadapi sekarang. Terima kasih.

Dato' Yip Kum Fook: Minta laluan. Ini bukan apa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merekodkan satu tahniah dan syabas kepada Kementerian Kewangan kerana tindakan mengecualikan duti setem kepada surat cara pindah milik antara *spouse*. Itu sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak ucap tahniah.

Dato' Yip Kum Fook: Saya ingin direkodkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jarang sekali. Mungkin tidak pernah kita saksikan hal ehwal kewangan dikupas dengan izin, *with such passion*. [Tepuk] Kita telah peroleh tunjuk ajar dengan izin, *we have learnt lessons about how to survive the era of capitalism in crisis*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dari kalangan dua juta yang bayar cukai, [Ketawa] sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya memohon cadangan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan menyatakan sekali lagi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, saya tangguhkan Mesyuarat sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.17 petang.